


Jilid II
Bil. 22

Hari Rabu
6hb Julai, 1988



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3969]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan)
[Ruangan 4073]

Rang Undang-Undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) [Ruangan 4085]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pusat Dialysis di Hospital Besar Seremban
— Y.B. Dr. Chen Man Hin [Ruangan 4135]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEDUA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” Menteri Pengangkutan, DATO' DR. LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- ” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N., (Sungai Siput).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR. LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- ” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- ” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHENS YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S., (Padawan).
- ” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- ” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- ” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N., (Hulu Langat).
- ” Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO’ HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO’ DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titawangsa).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO’ HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH (Gopeng).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

- ” DATO’ ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR. ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ” DATO’ ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K., (Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATO’ ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K., (Kok Lanas).
- ” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K., (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.N., J.P. (Padang Serai).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- ” TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).

- Yang Berhormat TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- ” DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- ” TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN HU SEPANG (Rasah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ” TUAN ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA @ JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- ” DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K., (Padas).
- ” DATO’ HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- ” TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. Pontian).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- ” DATO’ PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- ” DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- ” TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- ” TUAN MAIDOM BIN PANSAI @ PAUL PANSAI (Kota Belud).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- ” DATO’ HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- ” TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- ” TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR. ISMAIL (Sungai Benut).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- ” DATO’ HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- ” TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- ” TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- ” DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- ” TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- ” TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bacok).
- ” TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

Yang Berhormat DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).

” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J.
(Limbawang).

” TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

” TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

” TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

” DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

” TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

” TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

” DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

” TUAN P. PATTO (Ipoh).

” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

” DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S.,
J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

” Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

” DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

” DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor
Bahru).

- Yang Berhormat PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN S.S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.
Mohd. Kassim bin Hashim

Ketua Penolong Setiausaha : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap

Penyunting Kanan: P.B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

Pelapor Perbahasan Parlimen

Suhor bin Husin
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Hajjah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Su Soon Chuan
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abdul Samad

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 6hb Julai, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**JAMBATAN NORDIN, PARIT —
KAJIAN MENAIKKAN TARAF**

1. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kerjaraya memberi pandangan dan pendapat sama ada Jambatan Nordin di Parit yang diperbuat daripada kayu yang berusia lebih kurang 50 tahun dan senantiasa dilalui oleh kenderaan-kenderaan yang berat dapat digantikan dengan jambatan yang lebih selamat dan sesuai dengan keadaan dan keperluan pengguna-pengguna masa kini dan akan datang.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedang menjalankan pengesanan dan kajian ke atas jambatan-jambatan kayu dan jambatan-jambatan Bailey di seluruh negara bagi tujuan menggantikannya dengan jambatan yang lebih sesuai dengan keadaan semasa.

Bagi Jambatan Nordin di Parit itu, pada masa ini pihak JKR Negeri Perak sedang menjalankan kajian kemungkinan awalan untuk menaikkan taraf

jambatan itu untuk keperluan pengguna yang semakin meningkat.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Jambatan Nordin ini akan diubah-suaikan dengan jambatan kayu juga dan ini menelan belanja berjuta-juta ringgit. Kalau boleh dipertimbangkan tokok sedikit daripada peruntukan yang hendak dibelanjakan itu supaya dapat dijadikan jambatan yang lebih sesuai supaya lebih tahan lama, lebih banyak pengguna dapat menikmati jambatan ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang sedang dijalankan iaitu untuk memperbaiki keadaan jambatan yang sedia ada. Tetapi mengikut kajian 'Beban Ganda Kebangsaan' yang telah dijalankan oleh Kementerian kami di Semenanjung Malaysia yang telah dimulakan pada tahun 1986 dan 1987, liputan telah diperluaskan untuk termasuk kajian awalan terhadap keteguhan struktur-struktur jambatan. Jambatan Nordin termasuk dalam rancangan ini. Saya percaya tidak berapa lama lagi kita akan mendapat laporan daripada Jabatan Kerjaraya Negeri Perak dan selepas itu kita akan mengambil keputusan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan berhubung banyak lagi jambatan-jambatan kayu di seluruh negara. Di sini saya ingin bertanya

berapakah jumlahnya lagi semua jambatan-jambatan kayu yang ada di dalam negara kita ini.

Kedua, berapakah jangka panjang masanya pihak Kerajaan boleh membetulkan jambatan-jambatan itu, 10 tahun atau 15 tahun?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kerjaraya dan Jurutera Perunding yang kita telah lantik untuk menjalankan kajian ini telah mengambil keputusan untuk menyasat lebih daripada 828 jambatan di seluruh tanahair kita. Di dalam 828 jambatan itu, saya dapat tahu, pada masa sekarang ada lebih kurang 44 jambatan yang mesti diganti jambatan-jambatan yang lebih baik. Kementerian saya telah menjalankan kajian sekali lagi dan kita dapat satu rekabentuk dengan jambatan-jambatan besi untuk menggantikan jambatan yang sedia ada. Rancangan ini telah disediakan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan baru sahaja saya mendapat lulusan daripada mereka dan kita akan mengkaji dengan mendalam untuk menggantikan jambatan-jambatan 44 buah itu tidak berapa lama lagi. Saya percaya harga ini boleh memakan belanja lebih daripada \$45 juta.

SURAT PERMOHONAN PASPORT ANAK

2. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah sebabnya ibu tidak boleh menandatangani surat permohonan pasport anaknya yang belum mencapai umur 21 tahun;
- (b) sama ada peraturan itu boleh dipinda supaya membolehkan seorang ibu selain daripada seorang bapa menandatangani surat permohonan pasport anaknya; dan
- (c) jika tidak, pada sebabnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bapa di dalam keadaan biasa diterima sebagai penjaga yang sah dan bertanggungjawab terhadap anak-anak yang berusia di bawah 21 tahun. Peraturan ini telahpun diamalkan sekian lama secara tidak langsung berasaskan kepada Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961.
- (b) Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk meminda syarat ini kerana peraturan pengeluaran pasport Malaysia kini ada kelonggaran di mana di dalam keadaan tertentu ibu juga boleh memberi kebenaran kepada anaknya yang berusia di bawah 21 tahun memohon pasport Malaysia.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak boleh nampak logik dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa seorang ibu juga mempunyai tanggungjawab yang sama dengan seorang ayah, sebab kita lelaki dengan diri kita sendiri tidak boleh membuat anak. Kita memerlukan perempuan.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu bagaimana dalam kes-kes cerai di mana lelaki yang tidak bertanggungjawab lari atau mencari perempuan lain dengan meninggalkan isteri mereka bersendirian dengan anak-anak di bawah umur 21 tahun ingin hendak memohon pasport dan sama juga dengan kes balu di mana suaminya sudah meninggal dunia. Bolehkah Kementerian berkenaan bertimbangrasi apabila permohonan untuk pasport itu dibuat?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji

Mohamed Amin bin Haji Daud): Oleh siapa? Oleh ibu-ibu?

Tuan Hu Sepang: Bagi pihak anak-anak di bawah umur 21 tahun oleh ibu-ibu mereka itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perkara lojik atau tidak lojik dalam jawapan ini tidak timbul, kerana apa yang menyatakan ialah mengikut Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 yang diluluskan oleh Parlimen ini. Jadi tidak timbul perkataan lojik atau tidak lojik.

Mengenai soalan yang kedua pula, saya telah menyatakan bahawa kelonggaran di dalam keadaan-keadaan tertentu akan diberi. Saya ingat Yang Berhormat dari Rasah mungkin tidak dengar tentang ayat itu tadi. Kerana dalam keadaan-keadaan yang tertentu misalnya terdapat perintah mahkamah yang memberikan hak penjagaan anak kepada ibu, kita terima, ataupun sekiranya bapa tidak dapat dikesan sepertimana Yang Berhormat kata tadi dia lari, dia cari perempuan lainkah dan sebagainya dan pasport diperlukan untuk anak itu terutama untuk menuntut ilmu di luar negeri, kita akan memberi kelonggaran kuasa itu kepada ibu.

DASAR PENSWASTAAN KERAJAAN — PENCAPAIAN

3. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian matlamat Dasar Penswastan Kerajaan, kalau tidak apakah langkah-langkah yang akan diambil; dan
- (b) sama ada Kementerian atau Agensi Kerajaan yang terlibat diperlukan memberi kerjasama kepada institusi yang dilantik

oleh Kerajaan untuk menjalankan kajian kemungkinan penswastan, sekiranya benar, adakah penglibatan Kementerian atau agensi itu akan membawa apa-apa implikasi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berpuas hati dengan pencapaian matlamat dasar penswastan. Kerajaan sedar bahawa dasar ini tidak boleh dijalankan secara terburu-buru kerana ianya melibatkan kepentingan Kerajaan dan juga rakyat jelata. Oleh itu sebelum sesuatu projek diswastakan, kajian teliti perlu dibuat dan pandangan dari semua pihak diperolehi sebelum sebarang keputusan diambil supaya dasar ini memberi manfaat sepenuhnya.

Agensi-agensi Kerajaan yang telah dikenalpasti untuk diswastakan sememangnya dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada firma-firma perunding yang dilantik oleh Kerajaan untuk menjalankan kajian kemungkinan penswastan. Tanpa kerjasama mereka pihak firma perunding tidak mungkin dapat menyediakan laporan yang lengkap dan bermutu seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan. Berhubung dengan implikasinya, Kerajaan tidak nampak ianya akan memberi implikasi yang tidak baik kerana firma-firma yang dilantik perlu melaksanakan tugas-tugasnya dengan berdisiplin dan profesional.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak lama dulu kita mendengar rancangan Kerajaan hendak menswastakan Keretapi Tanah Melayu. Setakat manakah usaha-usaha itu dijalankan dan adakah hanya perbadanan-perbadanan yang menguntungkan sahaja diswastakan? Kalau ya, kenapa?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji

Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kerajaan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu sedang dalam proses pengkajian dan dalam dasar Kerajaan memang usaha-usaha Kerajaan atau projek Kerajaan yang menguntungkan sahaja akan diberi pertimbangan untuk penswastaaan.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di satu ucapan Belanjawan yang lalu Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa salah satu tujuan mengswastakan ialah mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat yang berkenaan sama ada tujuan ini masih diikuti dan sekiranya ya, sama ada proses penswastaaan akan dipercepatkan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti Yang Berhormat menyatakan tadi.

HUTANG PENGGUNA ELEKTRIK — JUMLAH

4. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah jumlah yang dihutang oleh pengguna-pengguna elektrik dari Lembaga Letrik Negara di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Berapa peratuskah dari jumlah tersebut dihutang oleh Jabatan Kerajaan. Dan sama ada beliau sedar bahawa penyemakan akaun yang lambat menyebabkan pemotongan bekalan elektrik yang salah ke atas pengguna-penggunanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang pengguna-pengguna elektrik kepada Lembaga Letrik Negara (LLN), Lembaga Letrik Sabah (LLS) dan Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak (SESCO) sehingga akhir tahun 1987, masing-masing adalah seperti berikut:-

- (a) Hutang kepada Lembaga Letrik Negara — \$331.5 juta. Sebanyak 24.7% daripadanya adalah daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.
- (b) Hutang kepada Lembaga Letrik Sabah (LLS) — \$86,588,520. Sebanyak 36.2% atau \$31.319 juta adalah daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.
- (c) Hutang kepada Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak — \$41 juta. Sebanyak 30% atau \$12.21 juta adalah daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum bekalan kepada mana-mana pengguna-pengguna elektrik dipotong kerana kegagalan membuat bayaran bil elektrik, semakan teliti dibuat terlebih dahulu. Umpamanya, pada pagi hari pemotongan diarahkan, akaun pengguna-pengguna berkenaan diperiksa dengan teliti dan segala penerimaan wang bagi hari sebelumnya. Sekiranya pembayaran telah dibuat, maka bekalan elektrik tidak dipotong tetapi sekiranya rekod tidak menunjukkan bahawa bayaran telah dijelaskan, maka pemotongan akan dilakukan kecuali pada masa pemotongan itu hendak dilakukan, pengguna-pengguna di rumah dapat menunjukkan bil yang membuktikan bayaran telah dijelaskan. Langkah-langkah ini telah, sedang dan akan terus diambil oleh ketiga-tiga badan berkenaan untuk mengelakkan pemotongan terjadi ke atas mereka yang telah menjelaskan bayaran bil masing-masing.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sebab musabab Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang berhutang begitu banyak kepada

LLN dan apakah langkah telah diambil oleh pihak LLN untuk mengutip balik hutang-hutang ini.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, sukar bagi saya untuk menjawab soalan pertama apa sebabnya hutang dari jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan itu banyak kerana bukan Kementerian saya yang berhutang tetapi jabatan-jabatan dan agensi-agensi itu berhutang kepada LLN. Ini saya ingat adalah soalan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berhutang kepada LLN. Tetapi pada masa ini LLN telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan kutipan bil-bil bayaran daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Langkah-langkah telah diambil untuk mengutip balik hutang daripada agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan adalah seperti berikut:-

- (1) peringatan dan lawatan oleh pegawai LLN kepada agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan berkenaan;
- (2) pasukan petugas dibentuk di peringkat ibu pejabat untuk mengkoordinasikan dengan ketua-ketua agensi dan jabatan-jabatan untuk mempercepatkan bayaran hutang dan melaporkan kedudukannya kepada Pengurus Besar;
- (3) bagi akaun-akaun yang besar, bil-bil dikumpul dan dihantar ke Kementerian untuk bayaran dan juga untuk monitor di peringkat ibu pejabat;
- (4) mengambil tindakan kontra dengan Majlis-majlis Daerah ataupun Majlis-majlis Perbandaran, agensi-agensi negeri untuk amaun yang dihutang seperti hasil taksiran, cukai pintu dan lain-lain.

- (5) mendapat bantuan dari Juru Akauntan Negara untuk mengkaji kemungkinan sama ada bil-bil elektrik bagi Kerajaan boleh dihantar terus untuk bayaran terus dari Akauntan Negara.

Ini adalah langkah-langkah diambil oleh LLN untuk mempercepatkan kutipan bil-bil elektrik.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini sama ada sebarang Jabatan Kerajaan yang mana bekalan elektriknya dipotong oleh kerana hutang kepada Kerajaan.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, bagi individual memang untuk mengutip bayaran elektrik itu LLN seringkali menggunakan tindakan memotong bekalan elektrik untuk mengutip bil itu. Tetapi berkenaan dengan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan kerana ini adalah perkhidmatan yang mustahak atau perkhidmatan awam, LLN segan untuk mengambil langkah yang tegas ataupun langkah yang drastik sebegitu. Jadi, sampai hari ini tidak ada mana-mana Jabatan atau agensi-agensi bekalan elektriknya adalah diberhentikan oleh LLN.

AIR SUNGAI DI SARAWAK DICEMARI AKIBAT PEMBALAKAN

5. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hampir 95% air sungai di Negeri Sarawak dicemari oleh tanah dari hasil kerja pembalakan dan kebanyakan penduduk pendalaman yang meminum air dari sungai-sungai mendapat masalah. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian supaya kesihatan penduduk tidak terjejas. Apakah Kementerian berkenaan tidak setuju untuk mengarahkan tuannya lesen pembalakan memberi sejumlah

keuntungan mereka untuk membina bekalan air yang bersih untuk kegunaan penduduk setempat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada maklumat yang menunjukkan bahawa hampir 95% air sungai di negeri Sarawak dicemari oleh tanah dari hasil kerja-kerja pembalakan.

Sebenarnya mengikut Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak lebih kurang 71% penduduk luar bandar menerima bekalan air di bawah skim bekalan air luar bandar sama ada yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak ataupun Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak. Skim ini juga membekalkan air ke rumah-rumah panjang di dalam kawasan pendalaman. Kebanyakan rumah-rumah panjang ini disediakan bekalan air dalam bentuk 'gravity feed', dengan izin, atau perigi dan skim pungutan air hujan. Pada keseluruhannya adalah didapati bahawa kualiti air sungai-sungai di Negeri Sarawak adalah baik, cuma terdapat air sungai di setengah-setengah kawasan pendalaman yang keruh, tetapi ini bukan sahaja akibat aktiviti pembalakan, malah aktiviti-aktiviti tanaman pindah dan aktiviti-aktiviti pembangunan tanah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk mengarah tuannya-tuannya lesen pembalakan untuk memberi sebahagian daripada keuntungan mereka untuk membina bekalan air yang bersih bagi penduduk setempat. Kuasa ini adalah terletak pada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, masalah pencemaran air ini bukan sahaja merupakan air sungai, bukan sahaja merupakan masalah yang berlaku di Negeri Sarawak, tetapi ianya merupakan satu masalah yang berlaku juga di Malaysia Barat ataupun Sabah.

Saya mahu tahu apakah langkah-langkah ataupun skim pengawalan yang diambil oleh Kementerian Yang Berhormat untuk mengawal sungai-sungai daripada pencemaran kerana sungai-sungai ini merupakan sumber bekalan air. Di Malaysia contohnya, Sungai Linggi yang dikatakan berlaku pencemaran yang terlalu teruk di mana penggunaan klorin ke atas air sungai tersebut telah melebihi daripada had yang telah ditetapkan oleh WHO. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian selaku Kementerian yang mengawal soal-soal yang demikian untuk menjamin kesihatan dan kebersihan serta kesejahteraan rakyat jelata.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan asalnya berkaitan sungai-sungai di Negeri Sarawak, tetapi saya cubalah menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya memang sedar masalah pencemaran di sungai-sungai di negara kita dan telah menjalankan berbagai langkah melalui peraturan-peraturan yang ada sekarang. Sungai yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu Sungai Linggi itu ialah satu sungai di antara sungai-sungai yang lain, sebuah sungai yang tercemar di negara kita ini. Kementerian saya akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk menyediakan sebagai 'central sewerage system', dengan izin, dan kilang-kilang yang terdiri di tepi sungai itu kita mengarahkan mereka mematuhi kesemua peraturan-peraturan yang ada itu dan harapan dengan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan-peraturan itu, air di sungai-sungai Semenanjung Malaysia ini akan bertambah baik.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak terdaya ataupun berkuasa untuk mengarah Kerajaan Negeri untuk membahagikan sebahagian daripada pendapatan syarikat-syarikat pembalakan

di Negeri Sarawak untuk menyumbangkan kepada kampung-kampung yang memerlukan air supaya bekalan ini baik. Tetapi soalan saya, tidakkah ada satu kerjasama (concurrent), dengan izin, yang berkesan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya perkara ini dapat diteliti dan dikaji bersama ke arah membawa keuntungan kepada kawasan-kawasan luar bandar yang kena kesan ataupun akibat daripada pembalakan yang berlaku.

Yang kedua, memanglah bagi pihak Kerajaan kita mempertahankan bahawa bukan disebabkan aktiviti pembalakan yang bekalan air ini tidak baik, tetapi di pihak dari kampung pula kata memang nyata bahawa aktiviti pembalakan ini menyebabkan bekalan air tidak baik. Pendapat dua pihak ini memang selalu bercanggah. Jadi, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kementerian menentukan sebenarnya keadaan, kalau tidak kenapa bising sana, bising sini di masa lepas dan masa sekarang ke atas mereka untuk membalak ini yang menyebabkan kekotoran dan pencemaran di seluruh kawasan yang dibalok.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan pembalakan boleh menyebabkan hakisan tanah dan kelodakan sungai, tetapi bidang kuasanya ini tertakluk kepada Kerajaan Negeri masing-masing yang kita semua seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kuasa pengeluaran lesen atau hak tanah adalah kuasa Negeri. Memang Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah perbekalan air di mana-mana sungai yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu ada kes yang tertentu dan boleh memberitahu kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, memanglah kami akan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada dikuatkuasakan sekarang.

PEKERJAAN KEPADA SISWAZAH MENGGANGGUR

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah rancangan Kerajaan bagi memberi pekerjaan kepada golongan siswazah yang mengganggur. Berapa ramaiakah bilangan mereka yang didaftarkan di bawah SKS yang diberi pekerjaan setakat ini sama ada di bawah Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri atau Badan-badan Berkanun Kerajaan. Nyatakan juga berapa ramai yang dapat diberi pekerjaan baru di bidang pentadbiran, pengurusan, perguruan, perkeranian dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lalu, Kerajaan telah dan sedang berusaha mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Sebuah Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji program peluang-peluang pekerjaan siswazah telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1987 untuk merancang dan menyediakan program-program tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Program-program berkenaan adalah:

- (i) Skim Latihan Khas;
- (ii) Skim Penempatan di Syarikat-syarikat Swasta;
- (iii) Skim Siswazah Tani;
- (iv) Skim Pekerjaan di Sektor Awam;
- (v) Skim Latihan Kemahiran Khusus;
- (vi) Skim Melanjutkan Pelajaran;
- (vii) Skim Khidmat Sokongan;
- (viii) Skim Khidmat Sambilan.

Di antara program-program di atas yang telah berjaya dan sedang giat dilaksanakan ialah Skim Latihan Khas, Skim Siswazah Tani dan Skim Penempatan di Sektor Swasta. Manakala Skim Latihan Kemahiran Khusus, Skim Melanjutkan Pelajaran dan Skim Khidmat Sokongan masih lagi di peringkat persediaan dan dijangka akan dilancarkan tidak berapa lama lagi.

Di bawah Skim Khidmat Sambilan (SKS) yang telah bermula pada 1hb Julai, 1986, seramai 4,000 orang siswazah telah dihantar untuk berkhidmat di berbagai Jabatan Kerajaan di bawah Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun. Sekarang ini hanya 2,235 orang sahaja yang masih berkhidmat di bawah Skim tersebut oleh kerana seramai 1,765 siswazah telah meninggalkan skim ini dan difahamkan mereka ini telahpun mendapat pekerjaan tetap sama ada di sektor swasta atau awam dan ada juga yang bekerja sendiri.

Selain dari usaha-usaha Kerajaan ini, adalah juga diharapkan supaya siswazah-siswazah akan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang telah diwujudkan hasil dari pemulihan ekonomi yang sedang berlaku pada masa ini. Makluman terperinci mengenai bilangan siswazah-siswazah yang menganggur yang telah mendapat pekerjaan mengikut bidang-bidang pentadbiran, pengurusan, perguruan, perkeranian dan lain-lain adalah sukar diperolehi memandangkan bahawa tidak semua siswazah-siswazah yang menganggur ini dikehendaki mendaftar dan melaporkan kepada mana-mana pihak apabila mereka telah mendapat pekerjaan. Tambahan pula adalah sukar untuk dipastikan sama ada mereka yang baru mendapat pekerjaan ini telah pernah mempunyai pekerjaan sebelumnya ataupun mereka benar-benar terdiri dari siswazah yang menganggur.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-

Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1987. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat — nampaknya masalah siswazah yang menganggur ini akibat daripada ekonomi kita yang lembab dalam 3—4 tahun ini — dan saya ingin tahu sama ada Kementerian berpendapat bahawa masalah ini adalah satu masalah jangkamasa pendek dan apabila ekonomi pulih nanti masalah ini akan dapat diatasi dengan sebaik-baiknya. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan. Kalau masalah ini dianggap sebagai satu masalah yang trendnya akan menjadi satu masalah jangkamasa panjang oleh kerana bertambahnya siswazah-siswazah yang keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri, apakah satu pelan induk yang diambil supaya masalah ini dapat diatasi dalam jangkamasa yang panjang.

Kedua, adakah masalah siswazah yang menganggur ini terlibat ataupun berhubung kait dengan sistem pendidikan di negara ini yang menegaskan satu sistem elit di mana keutamaan diberi kepada pendidikan yang tertiary? Kalau itu merupakan satu masalah, adakah Kerajaan bercadang supaya lebih banyak sekolah Vokasional dibina untuk memberi latihan kepada penuntut-penuntut kita supaya mereka diberi kemahiran untuk mencari pekerjaan di industri-industri yang ada di negara ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soal jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang, ini adalah satu masalah yang sedang kita hadapi sekarang. Jawapannya ialah bahawa Kerajaan dalam soal ini akan sentiasa memberi perkhidmatan ataupun memberi latihan kepada para siswazah yang telah keluar dari universiti. Soal pertambahan siswazah ini, seme-

mangnya kita faham dan Kerajaan pun memang faham akan tambahan siswazah ini. Soalnya sekarang ialah ada dua perkara yang harus kita fikirkan: pekerjaan dan memberi pelajaran. Mengenai pekerjaan setengah daripada siswazah ini menganggap bahawa apabila mereka mendapat ijazah, Kerajaan mesti menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Sikap ini haruslah ditolak, haruslah ditinggalkan oleh para siswazah kita. Sebenarnya dalam soal menuntut ilmu, tugas memberi ilmu oleh Kerajaan, memberi pelajaran oleh Kerajaan kepada rakyat adalah satu hal yang mustahak yang semestinya diterima umum sebagai tugas Kerajaan untuk memberikan ilmu kepada setiap orang yang mempunyai kelayakan untuk mendapatkan ilmu. Sudah pastilah ini termasuk di dalam soal hendak memberikan latihan vokasional yang telah banyak diberikan kepada belia-belia lepasan daripada Tingkatan 5 ke bawah, ataupun yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tinggi. Itulah yang kita sediakan untuk mereka, iaitu dalam satu kategori yang lain. Tetapi dalam soal ini Kerajaan berusaha untuk menyelesaikan masalah ini walaupun Kerajaan sedar bahawa memang banyak dan masih ramai lagi para graduan ini akan keluar dari universiti, sama ada universiti tempatan ataupun luar negeri. Sikap setiap para graduan inilah yang harus diperhatikan oleh kita semua, dan nasihat ini harus diberikan bahawa soal memberi pelajaran dan mendapatkan ilmu itu ialah soal yang lebih mustahak daripada soal kita hendak memikirkan supaya kerajaan perlu menyediakan pekerjaan bagi mereka.

Semenangnya Kerajaan menggalakkan dalam usaha untuk menambahkan kenaikan dalam sektor ekonomi bagi membolehkan mereka masuk untuk menceburkan diri dalam semua bidang, dan yang lebih mustahak ialah untuk mendidik setiap orang siswazah ini berdikari.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen. Dalam jawapan awal tadi Yang Berhormat ada menyebutkan satu skim yang dipanggil Skim Khidmat Sokongan yang akan dikemukakan oleh Kerajaan. Jadi, apakah bentuk skim ini bagi mengatasi masalah mahasiswa merdeka. Terima kasih.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Skim Khidmat Sokongan ini ialah melalui skim ini satu sistem pengumpulan data-data mengenai pekerjaan, keperluan-keperluan mewujudkan pekerjaan dan keperluan kaunseling kepada siswazah telah diwujudkan. Kewujudan sistem ini akan membantu siswazah bagi mendapatkan maklumat mengenai peluang-peluang pekerjaan yang boleh mereka menceburi. Inilah yang dinamakan Skim Khidmat Sokongan, iaitu kita menyediakan maklumat itu bagi mereka melihat dan memilih bidang mana yang mereka boleh menceburi.

PERBADANAN CAGARAN MALAYSIA BERHAD (CAGAMAS)

7. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kesan Pembukaan Pasaran Cagaran Kedua dalam bentuk Perbadanan Cagaran Malaysia Bhd (CAGAMAS) membantu kemasukan lebih modal wang ke dalam pasaran pinjaman dan membantu pemulihan pasaran hartanah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penubuhan Cagamas Berhad, yang merupakan perbadanan yang bergiat dalam pasaran gadai janji peringkat kedua atau, dengan izin, secondary mortgage market, di Malaysia adalah untuk membolehkan pemberi pinjaman utama bagi perumahan mendapat dana jangka pan-

jang lebih setimpal dengan tempoh pinjaman perumahan yang dikeluarkan oleh mereka. Melalui perbadanan ini pemberi-pemberi pinjaman utama perumahan seperti bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan boleh menjual pinjaman-pinjaman perumahan mereka atau, dengan izin, housing mortgages, bagi mendapatkan dana tambahan yang membiayai lebih banyak pinjaman perumahan. Di samping itu pihak pemberi pinjaman utama juga dapat mengurangkan risiko kecairan dan seterusnya mengurangkan kos pinjaman perumahan mereka.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, pinjaman perumahan bernilai lebih daripada \$950 juta telah dibeli oleh Cagamas Berhad daripada pemberi-pemberi pinjaman utama perumahan, termasuk Perbendaharaan Malaysia. Jumlah tersebut akan meningkatkan keupayaan pemberi-pemberi pinjaman utama untuk mengeluarkan lebih banyak pinjaman perumahan kepada pembeli-pembeli rumah. Ini akan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan industri-industri perumahan di dalam negara kita ini.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pasaran cagaran kedua ini baru diperkenalkan, kesan yang jelas daripada pelaksanaannya belum dapat ditentukan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Sungguhpun begitu, apa yang nyata daripada penubuhan CAGAMAS sehingga ini ialah wujudnya sumber-sumber dana tambahan dengan kos yang berpatutan untuk digunakan oleh pemberi-pemberi pinjaman utama.

KEMPEN VISIT MALAYSIA YEAR

8. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan memandangkan kepada hakikat bahawa pada penghujung tahun lalu, Thailand menganjurkan dengan jayanya "Visit Thailand Year" apakah

Kerajaan bercadang menganjurkan satu "Visit Malaysia Year" kempen untuk menggalakkan perusahaan pelancongan dan bolehkah Menteri menerangkan bagaimana Thailand dapat menarik lebih ramai pelancong daripada Malaysia sungguhpun kedua-dua negara ini adalah jiran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan bagi menentukan supaya industri pelancongan benar-benar memberi kesan kepada peningkatan pendapatan dan ekonomi negara. Sebagai satu langkah yang menyeluruh untuk menarik pelancong-pelancong melawat Malaysia, maka Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya telah diadakan pada 27hb April, 1988 yang lalu telah bersetuju mengisytiharkan tahun 1990 sebagai "Tahun Melawat Malaysia".

Kerajaan sedar dengan pandangan Yang Berhormat tentang kejayaan Thailand mengadakan kempen untuk menarik pelancong-pelancong melawat ke negaranya. Untuk menjayakan "Tahun Melawat Malaysia", Kerajaan sedang menyusun strategi-strategi penggalakan, pertumbuhan dan perkembangan berbagai aktiviti kebudayaan, kraftangan, perniagaan serta penglibatan rakyat tempatan terhadap industri pelancongan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara objektif-objektif "Tahun Melawat Malaysia" ialah:

- menambahkan bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia dengan kadar pertambahan sekurang-kurangnya sebanyak 10% mulai tahun 1990;
- menggalakkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama dan membelanja lebih lagi di negara

ini supaya pendapatan tukaran wang asing dari pelancongan dapat ditingkatkan. Ini akan dapat dicapai dengan mengadakan berbagai acara dan aktiviti menarik sepanjang tahun;

- menggalak dan mempopularkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian Malaysia dan meningkatkan tarikan-tarikan pelancongan yang sedia ada di negara ini; dan
- menggalak dan meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia terhadap tarikan pelancongan negara serta menggalakkan mereka serta menggalakkan sendiri.

Kerajaan berharap semoga semua pihak melibatkan diri serta bersedia menyambut kedatangan pelancong-pelancong nanti.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk membolehkan Malaysia dapat bersaing dengan negeri Thai dalam bidang pelancongan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian atau pihak TDC telah membuat penyelidikan terlebih dahulu terhadap citarasa bakal pelancong. Adakah kita mampu menyediakan apa yang dikehendaki oleh para pelancong, misalnya di Bangkok, salah satu daya penariknya ialah menaiki bot menyusuri Chao-Praya, apakah Sungai Gombak dan Sungai Kelang di tengah-tengah pusat bandar Kuala Lumpur ini dijadikan laluan boating oleh pelancong luar menikmati keindahan Kuala Lumpur?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi strategi Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bahawa kita tidak berhasrat untuk bersaing dengan mana-mana pihak tetapi apa yang kita buat ialah supaya produk-produk pelancongan kita dapat

menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita. Memang seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita telah secara umum menjalankan penyelidikan-penyelidikan mengenai citarasa pelancong. Umpamanya, pelancong-pelancong dari Great Britain lain citarasanya, dari negara Jepun lain pula citarasanya dan semuanya ini telah ada di dalam maklumat dan pengetahuan kita dan dengan maklumat-maklumat tersebut kita akan bergerak ke hadapan untuk memastikan produk-produk pelancongan yang disediakan oleh kita bersesuaian dengan keperluan pelancong-pelancong.

Adakah kita mampu mengadakan daya tarikan, jawabnya sudah tentulah ada kerana produk-produk pelancongan yang sedia ada di negara kita ini memang dari segi sejarahnya pun telah membuktikan ia boleh menarik pelancong-pelancong.

Mengenai perkara masalah boating di sungai dan sebagainya, itu kita ambil perhatian.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa bila kita menyebut tentang pelancongan, maka sentiasa kita merujukannya kepada Bangkok, kepada Thailand. Apakah pelancongan itu hanya hiburan? Soalan saya, sudahkah pihak Kementerian Yang Berhormat meninjau kemungkinan menarik pelancong-pelancong dari negara-negara Arab yang tidak suka walaupun ada yang suka kepada hiburan, tentu banyak di kalangan mereka, terutama wanita-wanita Arab yang ingin melihat keindahan Malaysia, melihat tentang bangunan-bangunan, mesjid-mesjid di negara kita, lebih-lebih lagi kita mempunyai kemudahan yang banyak. Umpamanya, kapal terbang yang membawa bakal-bakal Haji ke Mekah apabila pulang hanya kosong. Sekiranya kapal-

kapal Haji yang kosong itu membawa pulang ke Malaysia pelancong-pelancong dari Saudi Arabia umpamanya, maka soalan saya ialah adakah pihak Kementerian berusaha untuk menjayakan rancangan seumpama ini?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin betulkan kenyataan Yang Berhormat dari Sungai Petani. Dalam jawapan saya tadipun kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang kita telah menyatakan bahawa kita tidak berniat untuk bersaing ataupun melakukan apa yang dilakukan oleh Thailand ataupun Bangkok, tetapi sebaliknya kita akan menentukan bahawa apa sahaja yang baik, yang boleh menarik pelancongan dan boleh diadakan produk-produk pelancongan tersebut di negara kita, kita akan berusaha untuk mengadakannya.

Yang kedua, mengenai menarik pelancong-pelancong dari negara Arab, memang dalam penelitian Kementerian pun kita dapati terdapat umpamanya pelancong-pelancong keluarga yang datang ke negara kita, terutamanya dari negara-negara Timur Tengah dan baru-baru ini kita telahpun menghantar rombongan untuk menarik pelancong-pelancong dari Timur Tengah dan aktiviti-aktiviti lain serta penggalakan yang lain akan kita jalankan dari semasa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Maidom bin Pansai tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

11. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) hasrat Kerajaan untuk membeli beberapa buah helikopter bagi menjaga dan mengawal pencerobohan nelayan asing di perairan negara kita yang semakin menjadi-jadi kini. Bilakah projek ini akan dilaksanakan;
- (ii) selain dari hasrat di atas, apakah rancangan-rancangan baru Kerajaan untuk mengatasi masalah ini; dan
- (iii) adakah Kementerian menyedari bahawa terdapat kekurangan peralatan dan kemudahan yang begitu ketara terhadap kapal-kapal perang/ronda yang mengawal negara kita sehinggakan bot-bot nelayan asing nampaknya lebih "s sofistiked" dan berupaya menyaingi keupayaan kapal perang/ronda kita. Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sini saya nyatakan bahawa tugas membanteras pencerobohan nelayan asing bukanlah tanggungjawab Tentera Laut Di-Raja Malaysia sahaja, tetapi adalah tanggungjawab bersama agensi-agensi maritim yang lain seperti Pasukan Polis Merin, Pasukan Polis Cawangan Udara, Jabatan Perikanan dan Tentera Udara Di-Raja Malaysia.

Tugas utama Tentera Laut Di-Raja Malaysia adalah mengawal perairan negara dari sebarang pencerobohan

musuh yang boleh menggugat keamanan negara dan buat masa ini TLDM sedang giat mempertingkatkan keupayaannya dengan mewujudkan Cawangan Udara, Tentera Laut Di-Raja Malaysia.

Projek pembelian helikopter untuk TLDM telahpun dilaksanakan semenjak tahun 1987. Helikopter-helikopter berkenaan telahpun tiba di Pengkalan TLDM Lumut pada 26hb April, 1988.

Buat masa ini aktiviti-aktiviti projek meliputi kerja-kerja pemasangan dan penyediaan untuk latihan dan penerbangan, operasi hampir siap dijalankan.

Suka saya memaklumkan di sini iaitu pembelian helikopter tersebut adalah satu strategi terbaik menghalang pencerobohan kapal perang dan kapal selam. Ini adalah fungsi utama penggunaan helikopter tersebut. Di samping itu helikopter ini juga boleh bertindak untuk membantu mengawal pencerobohan nelayan-nelayan asing.

Pihak TLDM akan terus menjalankan operasi sama ada secara persendirian ataupun dengan agensi-agensi maritim yang lain bagi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan-nelayan asing di perairan negara kita. TLDM telah mengamalkan konsep-konsep penangkalan (deterrent) terhadap pencerobohan nelayan asing khususnya di kawasan perairan Z.E.E.

Kapal-kapal TLDM adalah berupaya dan berkemampuan melaksanakan tugasnya dengan peralatan dan kemudahan yang ada di kapal-kapal peronda untuk membanteras kegiatan nelayan asing yang melakukan pencerobohan. Adalah tidak benar bahawa bot-bot nelayan asing lebih sofistikated dan telah menjejaskan keupayaan kapal-kapal TLDM. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan di antara bot nelayan asing dengan kapal TLDM kerana kedua-dua pihak mempunyai fungsi yang berlainan kerana bot

nelayan adalah untuk kegunaan menangkap ikan, manakala kapal-kapal TLDM dilengkapi dengan alat dan sistem persenjataan moden untuk mengawal pencerobohan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kawalan menyatakan bertambah dan agak baik, tetapi sejak akhir-akhir ini pencerobohan nelayan asing semakin bertambah. Adakah ini mencerminkan bahawa kawalan kita tidak mampu menyainginya dan kalau begitu, adakah pihak Kementerian Pertahanan berhasrat untuk membina satu "pagar" Tentera Laut Di-Raja Malaysia di boundary ataupun di sempadan dengan negara-negara asing.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut kenyataan yang ada pada saya, pada tahun 1987 hanya 75 bot pukat tunda nelayan asing telah ditangkap. Dan pada tahun ini hanya 27 bot telah ditangkap. Ini bermakna bahawa dari segi figure ini adalah berkurangan dan soalan Yang Berhormat meminta Tentera Laut Di-Raja Malaysia membuat "pagar", ini kepada saya tidak perlu oleh kerana selain daripada kapal-kapal tentera laut kita mempunyai kapal terbang maritim TUDM dan juga seperti yang saya sebut awal tadi Pasukan Polis Cawangan Udara membuat perondaan bukan sahaja di dalam perairan kita bahkan keluar dari 12 batu dari pantai.

**KEMATIAN KEMALANGAN
JALAN RAYA**

12. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kematian kemalangan di jalan raya sepanjang tahun 1986 sehingga bulan Mei 1988;
- (b) apakah sebab-sebab utama berlakunya kemalangan-kemalangan tersebut; dan

- (c) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan di jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah kematian di jalanraya pada tahun 1986 ialah 3,525, tahun 1987 ialah 3,320 sementara kematian akibat kemalangan yang telah dikumpulkan oleh pihak Polis Di-Raja Malaysia bagi tahun 1988 hanyalah setakat bulan Januari hingga Mac, 1988 iaitu sebanyak 591 kematian.
- (b) sebab-sebab utama berlakunya kemalangan-kemalangan tersebut adalah kecuaiannya dari pemandu-pemandu akibat dari memandu terlalu laju, tidak mematuhi peraturan lalulintas seperti memotong di kawasan dua garisan berkembar dan selekoh serta cuai ketika keluar dan masuk simpang.
- (c) langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengurangkan kadar kemalangan jalanraya adalah seperti berikut:

Dari penguatkuasaan, tindakan agensi-agensi penguatkuasaan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalanraya ialah:

- (i) mengadakan operasi lari laju;
- (ii) mengadakan operasi menyaman kereta yang memotong di kawasan dua garisan berkembar;
- (iii) mengadakan rondaan kereta-kereta peronda;
- (iv) mengadakan spot check, dengan izin; dan

- (v) membanyakkan operasi khas di kawasan kemalangan dengan memberi tumpuan ke atas kesalahan yang boleh mengakibatkan kemalangan di jalanraya.

Selain dari tindakan yang telah saya sebutkan tadi Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kementerian-kementerian seperti agensi-agensi dan Jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Polis, Jabatan Kerjaya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Penerangan serta syarikat-syarikat swasta telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya seperti berikut:

- (i) mengadakan ceramah/dialog/pameran bagi kumpulan sasaran tertentu termasuklah pemandu-pemandu kenderaan Kerajaan atau swasta, kanak-kanak sekolah dan orang ramai di kompleks-kompleks beli-belah;
- (ii) menyebarkan maklumat-maklumat mengenai keselamatan jalanraya melalui media radio, televisyen dan akhbar. Sebuah filem keselamatan jalanraya baru telah dikeluarkan dan sedang ditayangkan di rangkaian televisyen negara kita; dan
- (iii) memperketatkan tindakan penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalulintas. Di antara program-program penguatkuasaan, selain daripada tugas penguatkuasaan biasa oleh pihak Polis dan JPJ adalah:
 - (a) Sistem — Sistem pemberian mata kesalahan KEJARA

kepada pemandu-pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas.

- (b) Borang — Pegawai
Laporan Kerajaan
Kesalahan Kumpulan
Lalulintas “A” adalah
oleh dibenar me-
Pegawai laporkan
Kerajaan kesalahan-
Kumpulan kesalahan
“A” lalulintas
yang dilak-
ukan oleh
pengguna-
pengguna
jalanraya.

Memperkenalkan kurikulum baru sekolah memandu supaya mewujudkan pemandu-pemandu yang bukan sahaja mahir memandu tetapi juga memandu secara berhemat dan tahu tentang cara mengelakkan kemalangan.

Kementerian Pengangkutan telah memperkenalkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai menggantikan Road Traffic Ordinance 1958. Akta ini memperuntukkan kuasa yang lebih luas kepada agensi-agensi penguatkuasaan dan kadar hukuman telahpun ditingkatkan. Masa kini Kementerian sedang menyediakan Kaedah-kaedah Kereta Motor 1988 dengan tujuan mengawal dan mencegah kemalangan jalan raya.

Tuan Nasaruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan kemalangan jalan raya ini saya difahamkan bahawa salah satu daripada faktor selain daripada faktor pemandu adalah faktor kumpulan yang tertentu yang menanggung keuntungan di sebalik ke-

malangan ini lebih-lebih lagi di Lebuhraya di antara Kuala Lumpur dengan Kuantan dan lebih tepat lagi selepas terowong, yang mana jalan yang menjunam di situ terdapat pihak-pihak yang tertentu yang menabur minyak supaya kemalangan ini berlaku, di samping itu menanggung keuntungan daripada kemalangan ini, harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kami tidak ada bukti-bukti bahawa perkara itu dilakukan oleh satu kumpulan tertentu ataupun sindiket.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebab-sebab yang berlaku kemalangan-kemalangan termasuklah kesilapan atau ketidakfungsian lampu-lampu isyarat sepertimana yang terdapat hampir seluruh Petaling Jaya sekarang ini, oleh kerana sebab-sebab yang tertentu lampu-lampu isyarat itu sekarang tidak diselaras dengan baik dan seringkali berlaku kemalangan dan kalau sedar, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengawasi semua lampu-lampu isyarat yang ada.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, lampu-lampu isyarat bukanlah di bawah kuasa Kementerian ini. Ianya di bawah kuasa Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan. Saya harap Yang Yang Berhormat-Yang Berhormat apabila melihat keadaan ini berlaku hendaklah melaporkan dengan serta merta kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dr. Nicholas Munong Anak Ibaui.

(Soalan No. 13 Y.B. Dr. Nicholas Munong Anak Ibaui tidak hadir)

JALAN TELUK INTAN — SABAK BERNAM

14. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah pembesaran jalan dari Teluk Intan ke Sabak Bernam — dari Sabak Bernam ke Kuala Selangor — dari Kuala Selangor ke Kepong hendak dibesarkan kerana pada masa kini jalan-jalan tersebut agak kecil dan memerlukan pembesaran disebabkan kerana kesesakan lalulintas dengan laluan kereta motor yang banyak dari utara ke selatan melalui jalan sebelah pantai. Lebih-lebih lagi apabila jambatan Teluk Intan ke Sitiawan—Lumut siap dan dibuka untuk kegunaan orang ramai; dan
- (b) adakah cadangan pengutip “Tol” dilakukan di jalan-jalan ini apabila ia dibesarkan nanti.

Dato’ S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan:-

- (a) Pada masa ini Kerajaan hanya bercadang untuk memperelokkan jalan daripada Teluk Intan ke Sabak Bernam di mana reka bentuk jalan tersebut telahpun disiap. Walau bagaimanapun projek ini masih belum dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan dan ianya akan dilaksanakan apabila peruntukan yang mencukupi diperolehi. Bagi jalan dari Sabak Bernam ke Kuala Selangor dan dari Kuala Selangor ke Kepong buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan lagi untuk melebarkan jalan-jalan tersebut.

- (b) Sehingga kini Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan untuk mengutip tol di jalan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun.

(Soalan No. 15 Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun tidak hadir)

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

16. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pemohon-pemohon untuk kewarganegaraan yang telah diterima sejak merdeka, bilangan yang mendapat kelulusan dan selanjutnya nyatakan berapakah dari jumlah pemohon-pemohon ini dan yang telah diluluskan adalah terdiri dari mereka yang lahir dan tinggal di Malaysia.

Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia yang diterima sejak merdeka hingga akhir 1987 ialah sebanyak 2,391,224 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,296,945 permohonan telahpun diluluskan. Bilangan yang diluluskan itu termasuklah sebanyak 587,657 permohonan daripada mereka yang lahir dan tinggal di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan S. S. Subramaniam tidak hadir)

PERSIDANGAN CHOGRM — HASIL

18. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil dan langkah-langkah yang telah diambil mengenai kerjasama teknik di antara negara-negara kecil Komanwel yang sedang membangun sepertimana yang diputuskan oleh Ketua Negara Komanwel dalam bulan Februari 1978.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada keputusan Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel Rantau Asia dan Pasifik (CHOGRM) yang telah diadakan dari 13hb hingga 16hb Februari 1978 di Sydney, Australia. Dalam konteks Komanwel, bantuan teknik kepada negara-negara membangun Komanwel adalah dibiayai melalui Tabung Komanwel bagi Kerjasama Teknik (CFTC). Tiga program utama yang diberi bantuan teknik melalui Tabung Komanwel ini termasuklah program 'fellowship' dan latihan, program pembangunan pasaran eksport dan program bantuan teknik am.

Dalam konteks negara-negara kecil Komanwel di rantau Asia dan Pasifik, persidangan itu telah menubuhkan Kumpulan-kumpulan Kerja dalam bidang-bidang perdagangan, industri, tenaga, pertanian dan maritim. Matlamat kegiatan-kegiatan Kumpulan Kerja ini adalah selaras dengan matlamat Program Kerjasama Teknik Malaysia (MTCP) untuk memberikan bantuan teknik di kalangan negara-negara ahli yang memerlukannya terutama negara-negara di kepulauan Pasifik. Usaha-usaha di bawah rancangan kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pembangunan negara-negara kecil yang sedang membangun. Aktiviti-aktiviti di bawah Kumpulan-kumpulan Kerja CHOGRM ini termasuklah dalam bidang latihan, lawatan sambil belajar, penyelidikan, seminar dan sebagainya. Akaun khas CHOGRM telah ditubuhkan untuk membiayai projek-projek Kumpulan-kumpulan Kerja CHOGRM.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 10, 13, 15, 17, 19 hingga 63 adalah diberi di bawah ini).

KESELAMATAN DI SABAH

9. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah bentuk tindakan yang telah diambilnya sebagai usaha untuk menjaminnya agar rompakan demi rompakan yang berlaku di Sabah oleh rakyat asing yang menyusup masuk ke negeri Sabah melalui sempadan negara seperti peristiwa pembunuhan orang awam oleh lanun-lanun di Lahad Datu pada baru-baru ini yang menyebabkan rakyat jelata Sabah sentiasa hidup dalam ketakutan — tidak akan berlaku lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa sedar tentang tanggungjawab keselamatan di Sabah. Untuk mencegah rakyat asing menyusup masuk ke Sabah melalui sempadan dan kemudian melakukan jenayah, kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mempertingkatkan rondaan laut oleh polis marin;
- (ii) rondaan udara oleh Unit Udara Polis;
- (iii) menempatkan anggota Pasukan Polis Hutan di pulau-pulau strategik;
- (iv) rondaan pantai oleh Pasukan Polis Hutan di tempat-tempat yang diketahui menjadi tempat pendaratan;
- (v) mencari risikan;
- (vi) mengadakan operasi-operasi khas dari masa ke semasa.

TAHANAN ISA — RAWATAN PERUBATAN

10. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar doktor-doktor di Hospital Besar Taiping tidak memberi perhatian dan rawatan perubatan yang cukup kepada orang-orang tahanan ISA yang kini ditahan di Kem Tahanan Kamunting; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut; dan
- (ii) nyatakan berapa kalikah Ketua Pembangkan Parlimen merangkap Setiausaha Agong DAP Y.B. Sdr. Lim Kit Siang, diberi rawatan pesakit luar sebab-sebab beliau tidak dirujuk untuk menerima rawatan kepakaran walaupun permintaan telah dibuat berkali-kali.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (i) Semua orang tahanan yang dibawa ke Hospital Daerah Taiping daripada Kem Tahanan Kamunting di periksa dengan segera dan teliti. Mereka diberi rawatan yang diperlukan dengan secukupnya, seperti juga orang awam yang lain.
- (ii) Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang telah diberi rawatan sebagai pesakit luar sebanyak sebelas (11) kali bagi berbagai-bagai penyakit.

Pegawai Perubatan yang memeriksa beliau telah merujuk beliau kepada Pakar Perubatan sebanyak sekali, sementara rujukan kepada

Pakar Mata sebanyak dua kali dan Pakar Bedah sebanyak sekali. Jadi adalah tidak benar bahawa Yang Berhormat tidak dirujuk kepada pakar untuk mendapatkan rawatan. Seorang pesakit hanya dirujuk kepada Pakar jika Pegawai Perubatan yang memeriksanya berpendapat pesakit itu memerlukan khidmat kepakaran.

KEMATIAN KENA TEMBAK SEMASA MEMBURU

13. Dr. Nicholas Munong Anak Ibau minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kes kematian kena tembak semasa memburu (death due to gunshot wound during hunting) di negeri Sarawak dalam tahun 1985, 1986 dan 1987;
- (b) apakah hukuman yang paling teruk/berat sekali dan juga yang ringan yang pernah dijatuhkan kepada si penembak yang menyebabkan rakan memburu mati; dan
- (c) memandang kepada kes-kes yang telah dibicarakan di mana si penembak/si penembak selalunya mendapat hukuman yang ringan adakah Kerajaan bercadang mengubah undang-undang berkenaan supaya menetapkan hukuman mandatory contohnya hukuman penjara 5 atau tujuh tahun dan hukuman denda sebanyak dua puluh ribu ringgit dan hukuman memberi belanja kepada keluarga orang yang nyebabkan rakan memburu mati untuk menghalang kes kena tembak semasa memburu tidak mudah berlaku oleh kerana mungkin banyak kes yang

dikatakan 'hunting accident' sebenarnya bukan 'accident' tetapi pembunuhan. Oleh kerana siasatan tidak mencukupi kes selalu dipendekkan kepada 'hunting accident'.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kematian kena tembak semasa memburu di Negeri Sarawak dalam tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH KEMATIAN
1985	9
1986	15
1987	14
Jumlah besar	38 orang

- (b) Hukuman yang paling berat sekali yang pernah dikenakan kepada si penembak yang menyebabkan rakan memburu mati ialah hukuman satu tahun penjara. Hukuman yang paling ringan yang pernah dikenakan kepada si penembak yang menyebabkan rakan memburu mati ialah hukuman satu bulan penjara.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang yang ada bagi menetapkan hukuman mandatory kepada si penembak, memandangkan hukuman yang telah sedia ada telah memadai. Sekiranya ada keterangan yang sah, menunjukkan bahawa sesuatu kes itu sebagai kes bunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, maka orang kena tuduh akan dituduh di atas kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

PROJEK JALANRAYA OLEH JKR

15. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun minta Menteri Kerjaraya menyatakan beberapakah projek-projek jalanraya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya dan bolehkah JKR mengambil pekerja-pekerja dari daerah-daerah dan kampung-kampung yang berdekatan dengan projek-projek itu. Maksud ini untuk memberi pekerjaan kepada orang-orang kampung supaya mereka ada juga pendapatan.

Dato' S. Samy Vellu: Soalan Ahli Yang Berhormat adalah terlalu umum dan amat sukar untuk menentukan jumlah projek jalanraya yang dilaksanakan oleh JKR, kerana ianya terlalu banyak dan terdiri dari projek-projek besar dan kecil. Oleh itu memadailah saya menyatakan jumlah projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh JKR dalam tempoh rancangan Malaysia Kelima, iaitu sebanyak 154 projek yang melibatkan peruntukan sejumlah \$2.4 billion. Daripada jumlah itu sebanyak \$320 juta disediakan untuk melaksanakan projek-projek jalan di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir keseluruhan projek jalanraya di negara ini dilaksanakan oleh JKR secara pemberian kontrak dan juga dilaksanakan oleh jabatan sendiri (departmental) terutama di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun dasar Kerajaan sekarang ialah mengurangkan kerja-kerja secara 'departmental' dan menggalakkan kerja-kerja dilaksanakan secara kontrak. Di dalam syarat kontrak terdapat peruntukan supaya kontraktor-kontraktor mengambil pekerja-pekerja mereka di dalam daerah di mana projek itu dilaksanakan. Sekiranya tidak terdapat pekerja di daerah itu kontraktor bolehlah mengambil pekerja dari daerah lain.

Mengenai pelaksanaan projek jalan di Sabah, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa

pelaksanaan kerja secara jabatan yang diamalkan sekarang akan dikurangkan dan pengambilan pekerja baru akan dihentikan supaya semua kerja-kerja dapat dilaksanakan secara kontrak.

SISTEM PINJAMAN KEPADA PENIAGA KECIL

17. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Menteri sedar sistem pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil melalui sistem kewangan yang kita ada pada masa kini di Negara kita tidak memuaskan dan apakah tindakan yang lebih positif yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan sistem pinjaman tersebut; dan
- (b) berapakah bilangan pinjaman yang telah diberi melalui sistem CGC ataupun "Central Guarantee Corporation" yang telah diwujudkan oleh Bank Negara pada tahun 1985, 1986 dan 1987; walaupun pihak CGC telah berusaha bertungkus lumus untuk menggalakkan bilangan pinjaman yang sedang diberi oleh bank-bank kepada peniaga-peniaga kecil pencapaian pihak CGC tidak begitu memuaskan dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Menteri untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Pada pandangan Kementerian Kewangan, skim pinjaman untuk peniaga-peniaga kecil yang ada pada masa ini memberi peluang yang agak luas kepada peniaga-peniaga kecil untuk mendapat pinjaman. Mereka yang berkelayakan seharusnya tidak menghadapi masalah untuk menikmati kemudahan

ini bagi memajukan perniagaan mereka.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah positif bagi memastikan kemudahan pembiayaan itu terbuka kepada mereka. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan termasuklah:-

- (i) memperluaskan takrif perusahaan kecil dengan menaikkan had dana pemegang saham dari \$250,000 kepada \$500,000.
- (ii) menaikkan had pinjaman untuk Skim Pinjaman Penjaja Syarikat Jaminan Kredit dari \$3,000 kepada \$5,000.
- (iii) meminta bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan menyediakan sejumlah tertentu daripada kumpulan wang mereka untuk dipinjamkan kepada peniaga-peniaga kecil.
- (iv) mengkaji semula Skim Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport, di mana perusahaan kecil yang membekalkan barangan dalam negeri kepada industri berunsurkan eksport adalah layak untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan semula kredit eksport.

Bagi menggalakkan lebih ramai peniaga-peniaga kecil mengambil peluang daripada skim pinjaman ini, pihak Syarikat Jaminan Kredit dari masa ke semasa memberi penerangan

kepada pihak-pihak berkenaan mengenai kemudahan yang disediakan olehnya kepada peniaga-peniaga kecil.

Dalam hubungan ini, persatuan-persatuan peniaga juga boleh memainkan peranannya bagi membantu menarik lebih ramai peniaga kecil mendapatkan kemudahan dari skim ini.

- (b) Bilangan dan nilai pinjaman yang telah diberikan oleh Syarikat Jaminan Kredit (CGC) bagi tahun-tahun 1985 hingga 1987 adalah sebagaimana berikut:-

Tahun	Bil. Pinjaman	Nilai Pinjaman
1985	5,372	\$142.7 juta
1986	6,730	\$128.0 juta
1987	7,638	\$ 83.8 juta

Bagi menggalakkan lebih ramai lagi peniaga kecil mendapat faedah daripada kemudahan yang disediakan oleh Syarikat Jaminan Kredit, satu kajian semula sedang dijalankan ke atas skim-skim yang sedia ada bagi memastikan pelaksanaannya dapat berjalan dengan lebih mudah dan berkesan.

LAPANGAN TERBANG BARU TAWAU

19. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada inilah masa untuk Kerajaan mempertimbangkan dengan serius satu peruntukan untuk pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Batu 16 Jalan Apas Tawau, memandangkan kepada:

- (a) retak-retak yang telah terjadi pada bulan Februari tahun ini dan telah dibaiki untuk sementara tetapi pembaikan seterusnya

diperlukan dengan kos sejumlah \$1.7 juta.

- (b) retak-retak yang sama diduga akan berlaku di bawah keadaan cuaca Tawau yang tidak menentu.
- (c) timbangan berat yang harus dijaga, di mana kegagalan tersebut akan mengakibatkan kapal terbang tidak akan dapat berlepas.
- (d) landasan sekarang yang hanya 5,600 kaki panjang ialah satu faktor yang sangat membimbangkan untuk sebuah bandar yang sedang membangun di mana kapal terbang menggunakannya setiap hari.
- (e) paling utama sekali ialah bahaya dan faktor keselamatan yang pasti akan berlaku.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kerajaan memangnya mempunyai rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang baru bagi Tawau. Pelan induk serta rekabentuk awal bagi tujuan ini telahpun siap disediakan tetapi oleh kerana ke-melesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara, Kerajaan terpaksa menangguhkan dahulu pelaksanaan projek ini.

Walau bagaimanapun, penangguhan projek ini tidaklah menjejaskan keperluan perkhidmatan udara bagi Tawau. Kemudahan-kemudahan yang terdapat di lapangan terbang yang sedia ada masih dapat memenuhi permintaan operasi penerbangan awam dengan selamat dan memuaskan pada masa ini.

Berhubung dengan kejadian keretakan pada bahagian landasan dalam bulan Februari yang lalu, saya inginlah memaklumkan bahawa kerja-kerja pembaikan telahpun siapkan di-

jalankan. Sungguhpun demikian Kerajaan sememangnya sentiasa mengawasi keadaan lapangan terbang ini untuk memastikan tindakan baik pulih dapat diambil dengan segera sekiranya berlaku lagi kejadian-kejadian keretakan.

Mengenai jumlah peruntukan tambahan yang diperlukan itu, saya sukalah menjelaskan bahawa ianya merupakan peruntukan sebanyak kira-kira \$1 juta yang telah diluluskan pada tahun 1988 bagi kerja-kerja menurap keseluruhan landasan. Kerja-kerja penurapan ini memanglah merupakan satu tindakan yang perlu diambil dalam tempoh-tempoh tertentu bagi semua landasan terbang mengikut kekerapan penurapan yang diperlukan bagi tiap-tiap lapangan terbang itu.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa walaupun pihak Kerajaan tidak dapat menjamin keretakan-keretakan tidak lagi berlaku tetapi langkah-langkah segera akan diambil untuk memastikan setiap kejadian keretakan diperbaiki bagi menentukan bahawa operasi penerbangan ke landasan terbang tidak terjejas dari segi keselamatan.

Mengenai landasan sepanjang 5,600 kaki itu, ianya tidaklah menjejaskan operasi pesawat jenis B737. Ini ialah kerana syarikat penerbangan berkenaan akan mengadakan operasi dengan menggunakan pesawat B737 tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti sekatan ke atas muatan dan operasi dalam waktu cuaca yang baik sahaja. Langkah-langkah ini adalah sejajar dengan keperluan keselamatan penerbangan yang berdasarkan kepada tahap keselamatan yang ditentukan. Saya suka juga ingin menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa memastikan bahawa tahap keselamatan penerbangan di semua lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Tawau diberi perhatian keutamaan yang tertinggi sekali.

DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN/DASAR PANDANG KE TIMUR— PANDANGAN NEGARA LUAR

20. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pandangan dan sikap negara-negara luar khususnya negara-negara Islam terhadap pelaksanaan dasar-dasar negara Malaysia seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Dasar Pandang ke Timur dan undang-undang penyalahgunaan dadah dan lain-lain; dan
- (b) adakah benar tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh setengah-setengah golongan yang menyatakan bahawa pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan tersebut menyebabkan pelabur-pelabur asing merasa takut untuk datang melabur di negara kita Malaysia.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Malaysia pada umumnya dihormati oleh negara-negara luar termasuk negara-negara Islam sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Oleh yang demikian dasar-dasarnya seperti dasar penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran, dan Dasar Pandang ke Timur juga menerima penghormatan yang setimpal dengan kedudukan negara. Malahan dasar-dasar ini dan pelaksanaannya adalah diakui oleh negara-negara luar sebagai usaha-usaha tegas Kerajaan demi kemajuan-kemajuan dan kestabilan negara dan rakyat jelata. Begitu juga halnya dengan undang-undang penya-

lahgunaan dadah yang bertujuan memerangi kemusnahan masyarakat akibat penyalahgunaan dadah telah menerima sanjungan apabila YAB Perdana Menteri telah dilantik menjadi Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah pada bulan Jun tahun lepas.

Walau bagaimanapun Kerajaan sedar akan adanya usaha-usaha oleh golongan-golongan tertentu dari luar dan juga dari dalam negeri untuk memutarbelitkan dasar-dasar Kerajaan dan perlaksanaannya bagi memburuk-burukkan keadaan dalam negeri. Dalam hal ini Kementerian Luar Negeri serta Jabatan-jabatan Kerajaan lain yang berkaitan telahpun mengambil langkah wajar dengan memberi penerangan secukupnya kepada negara-negara asing yang berkenaan. Tindakan Kerajaan ini nyata berkesan seperti yang dinyatakan tadi.

- (b) Tuduhan yang menyatakan bahawa pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan tersebut telah menyebabkan pelabur-pelabur asing merasa takut untuk datang melabur di negara ini adalah *tidak benar*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, maklumat yang diperolehi daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mengenai nilai ekuiti pelaburan asing di negara ini dari tahun 1984 hingga 1987 menunjukkan pertambahan pelaburan itu seperti berikut:-

1984	—	\$275.4 juta
1985	—	\$324.9 juta
1986	—	\$524.5 juta
1987	—	\$750.0 juta

PENGEDARAN DADAH DARI PENJARA/POLIS/TENTERA

21. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan warden Penjara, Polis dan anggota tentera yang telah diambil tindakan tatatertib berkaitan dengan kesalahan dalam pengedaran najis dadah dan apakah tindakan tegas yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan bahawa anggota Penjara, Polis dan anggota tentera bersih dari kegiatan najis dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga hari ini seramai 14 orang anggota Polis dan 12 orang Anggota Angkatan Tentera yang telah diambil tindakan tatatertib bersabit dengan kesalahan mengedar najis dadah dengan menamatkan atau memberhentikan perkhidmatan mereka dan 4 orang anggota Polis masih dalam siasatan dan 1 orang di dalam perbicaraan Mahkamah.

Tindakan tegas mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada akan terus diambil ke atas anggota Polis, Penjara dan Tentera yang mengedar dadah demi untuk membersihkan perkhidmatan tersebut dari kegiatan najis dadah. Setakat ini 4 orang Wader dari Jabatan Penjara dikenakan Perintah Tahanan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerjak dan 3 orang Wader juga sedang ditahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA— PENENTUAN TENDER

22. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerjaraya menyatakan:-

- (a) Apakah cara yang digunakan untuk menjamin supaya kontraktor bumiputera benar-benar berpeluang mendapat dan menjayakan projek-projek dari Kementerian beliau;

- (b) Adakah beliau sedar bahawa pemberian kontrak di bawah Kementerian beliau dipengaruhi oleh banyak anasir luar termasuk pengaruh politik; dan
- (c) Sejauh mana kebenaran kenyataan Menteri Kerjaraya bahawa 75% daripada Menteriannya adalah malas, jika benar adakah peratus mereka yang malas telah menurun setakat ini; jika tidak, apakah langkah yang sewajarnya yang telah diambil.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bagi menjamin kontraktor-kontraktor bumiputera berpeluang mendapat projek dari Kementerian ini. Di antara cara-cara yang telah ditetapkan ialah:-

- (i) Membuat penentuan jenis tender bagi kerja iaitu sama ada akan dipanggil secara tender khas untuk Bumiputera atau tender terbuka. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tender khas untuk bumiputera adalah untuk ditandingi oleh kontraktor bertaraf bumiputera sahaja, sementara tender terbuka boleh ditandingi oleh semua kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan pusat khidmat kontraktor (PKK).
- (ii) Mempastikan kerja-kerja di bawah \$50,000 dan ke bawah adalah dihaskan kepada bumiputera sahaja, selaras dengan peraturan kewangan sedia ada.

- (iii) Bagi kerja-kerja turnkey peruntukan sekurang-kurangnya 30% dari nilai kontrak adalah di-haskan kepada kontraktor bumiputera.
- (iv) Memberi keutamaan harga kepada penender bertaraf bumiputera yang menyertai tender bekalan, perkhidmatan dan mekanikal. Peratus keutamaan harga adalah seperti berikut:-

\$50,000	
ke bawah	— 10%
\$50,000—	
\$100,000	— 7½%
\$100,000—	
\$1 Juta	— 5%
\$1 Juta—	
\$5 Juta	— 2%

Antara usaha-usaha dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian saya bagi menjayakan projek bumiputera adalah seperti berikut:-

- (i) Semua projek yang dimenangi oleh kontraktor bumiputera akan diawasi serta diberi bimbingan dan khidmat nasihat di tapakbina bagi memastikan projek siap mengikut syarat-syarat kontrak oleh pejabat unit kontrak, penyelenggaraan dan bumiputera, Kementerian Kerja Raya di negeri-negeri.
- (ii) Mengadakan kursus-kursus kontraktor dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan kontraktual dan teknikal bagi membantu mereka dalam pengurusan projek.
- (iii) Mengadakan mesyuarat tapak bagi kontrak-kontrak yang melebihi

\$\frac{1}{2}\$ juta dengan tujuan untuk mengawasi kemajuan dan penyelarasan bagi mengatasi masalah yang berbangkit dalam pelaksanaan projek tersebut.

- (iv) Di peringkat Kementerian pula, terdapat jawatankuasa pengawasan projek yang dipengerusikan oleh Timbalan saya yang mengawasi prestasi kontraktor-kontraktor.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Kementerian Kerjaraya terdapat dua buah lembaga tender iaitu Lembaga Tender Kementerian Kerjaraya dan Lembaga Tender Jabatan Kerja raya. Kedua-dua lembaga ini dilantik oleh Menteri Kewangan Malaysia dan merupakan satu badan yang bebas. Keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara dan berpandukan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah arahan Perbendaharaan tentang tugas-tugas lembaga tender, dan garis panduan dalam memutuskan tender.

Semua keputusan yang dibuat adalah bergantung kepada 'merit' setiap kes dengan mengambil kira faktor-faktor penilaian dari segi kesesuaian harga, teknikal, memenuhi spesifikasi serta pengalaman dan latar belakang penender. Peraturan yang sedia ada, didapati tertib dan kemas, saya tidak nampak ada anasir luar, termasuk tekanan politik, yang boleh mempengaruhi keputusan lembaga tender di Kementerian Kerjaraya.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak lagi

benar untuk menyatakan 75% daripada kakitangan Kementerian Kerjaraya dan Jabatan Kerjaraya sekarang ini malas. Pihak Kementerian telah pun dan sentiasa mengambil berat ke atas pencapaian tahap produktiviti kakitangan yang ada pada masa ini. Kalau ada pun yang malas itu bukanlah disebabkan mereka malas untuk bekerja, tetapi apa yang saya dapati daripada siasatan Kementerian, ialah disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak baik seperti musim tengkujuh ataupun disebabkan mesin atau jentera yang digunakan mengalami kerosakan dan menunggu diperbaiki.

Pihak Kementerian dan juga JKR sentiasa membuat lawatan dan rondaan lawatan mengejut ke tapak bina dan pejabat-pejabat JKR di pejabat-pejabat daerah bagi memastikan kerja-kerja yang dirancang dilaksanakan. Sehingga kini, Kerajaan adalah berpuashati dengan tahap prestasi yang diberikan oleh kakitangan Kementerian ini.

AIR YANG TIDAK DAPAT DISUKAT — KERUGIAN

23. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan berkaitan dengan air (non revenue) water akibat dari kebocoran dan lain-lain perbuatan merosakkan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini dan hasil yang diperolehi daripada langkah-langkah tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan berkaitan dengan air yang tidak dapat disukat yakni air yang tidak mendatangkan hasil (non revenue water)

cuma boleh ditafsirkan dengan nisbah peratusan kerugian. Nisbah ini berbeza dari satu negeri ke satu negeri iaitu dari 18% hingga 58% dan angka purata keseluruhan negara ialah 32%. Walau bagaimanapun adalah tidak tepat untuk mengangap nisbah ini semata-mata sebagai jumlah sebenar kehilangan air di dalam sistem bekalan air negara kerana nisbah ini juga meliputi air yang telah digunakan untuk tujuan-tujuan yang tidak mendatangkan hasil, misalnya penggunaan air bagi tujuan mencegah kebakaran, membersihkan kolam air dan saluran paip. Di sini saya ingin menegaskan bahawa nisbah ini adalah tidak merunsingkan. Ini adalah kerana Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank) telah menyatakan bahawa nisbah 20% hingga 25% adalah had yang biasa dan boleh diterima bagi air yang tidak mendatangkan hasil bagi negara-negara Asia yang sedang membangun. Jika tindakan diambil untuk mengurangkan daripada had nisbah itu maka ini akan melibatkan kos perbelanjaan yang lebih tinggi dari apa yang boleh diijamatkan dengan mengurangkan pembaziran bekalan air.

Walaupun bagaimanapun ini tidak bermakna Kerajaan akan membiarkan keadaan tersebut merebak. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan pembaziran itu, di peringkat-peringkat persekutuan dan negeri. Di peringkat persekutuan, Kerajaan telah pun memperuntukan sebanyak \$1.5 juta dalam RML untuk menjalankan kajian seluruh negara untuk memastikan setakat mana kebocoran ini berlaku di dalam negara ini dan juga mengenalpasti kawasan-kawasan di mana masalah ini sangat teruk dan yang perlu diberi perhatian segera. Kajian kebocoran nasional tersebut sedang dijalankan oleh juruperunding tempatan bersama-sama dengan pegawai-pegawai JKR. Kajian itu telah bermula dalam bulan Jun 1988 dan dijangka akan siap pada akhir tahun 1989.

Di samping itu Kerajaan telah mengadakan satu program latihan di institut latihan dan penyelidikan JKR bagi pengesanan kebocoran paip air (leakage detection). Program latihan itu telah dimulakan pada tahun 1987. Beberapa kakitangan bekalan air dari semua negeri telah mengikuti kursus "leakage detection" tersebut dan mereka akan dapat menjalankan program pengesanan kebocoran paip air di kawasan-kawasan tertentu di negeri-negeri yang berkenaan.

Di peringkat negeri pula, kajian untuk mengurangkan pembaziran air telah dilakukan di kawasan-kawasan tertentu di 3 buah negeri iaitu di bandar Petaling Jaya, daerah Sabak Bernam dan daerah Kuala Selangor di Selangor Darul Ehsan, bandar Teluk Intan di negeri Perak Darul Ridzuan, dan bandar Alor Setar di negeri Kedah Darul Aman.

TAHANAN ISA — BANTAHAN

24. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapa banyak negara, pertubuhan antarabangsa, kumpulan-kumpulan hak asasi, parti-parti politik asing dan orang perseorangan telah melahirkan perhatian berat mereka dan memprotes penahanan ISA selepas penangkapan beramai-ramai 27 Oktober, 1987; dan
- (ii) apakah reaksi Kerajaan terhadap bantahan-bantahan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini, seramai 101 surat/kawat dari pelbagai buah negara, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, kumpulan-kumpulan hak asasi, parti-parti politik dan orang perseorangan telah menghantar bantahan di atas penahanan-penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dalam bulan Oktober, 1987 lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Kerajaan tidaklah bertindak atas dasar desakan atau tekanan dari mana-mana pihak, samada dari dalam atau dari luar. Mereka-mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah dengan tujuan untuk mencegah mereka daripada menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA—INDONESIA — PENYUKATAN

25. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil dan keputusan mengenai kerjasama di antara Malaysia dan Indonesia di dalam menjalankan penyukatan terhadap sempadan-sempadan di sepanjang negeri Sabah, Sarawak dan Kalimantan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerja menanda dan mengukur untuk menetapkan jajaran sempadan antarabangsa di antara Malaysia (Sabah dan Sarawak) dengan Indonesia (Kalimantan Timur dan Kalimantan Barat) telah dimulakan pada 10 September 1975. Projek ini telah dipersetujui oleh kedua-dua negara melalui Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada 26 November 1973 di Jakarta.

Dari bermulanya projek ini sehingga sekarang, Jawatankuasa Bersama Sempadan telah mengadakan 13 mesyuarat yang berlangsung dalam suasana mesra dan muhibbah. Setakat ini 6 Memorandum Persefahaman mengandungi 8 peta meliputi kawasan-kawasan yang telah diukur telah ditandatangani oleh pihak Malaysia dan Indonesia.

Di dalam kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan di atas, jumlah jarak sempadan yang telah ditanda dan

diukur setakat ini adalah seperti berikut:

- (a) Bagi Sektor Sabah—Kalimantan Timur sejauh 333 km diukur dan ditanda iaitu 100 peratus.
- (b) Bagi Sektor Sarawak—Kalimantan Barat pula, jarak yang telah diukur dan ditanda ialah 450.2 km atau 30% dari jumlah jarak sempadan sejauh 1,480 km.

DISIPLIN DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH

26. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) kita semua sudah mengetahui bahawa ada pelajar-pelajar yang telah diambil serta dikenakan tindakan disiplin persekolahan kerana melakukan berbagai kesalahan pembelajaran. Bagaimanakah usaha Kementerian untuk melatih pelajar-pelajar kita supaya bermoral dan berakhlak tinggi, mengelakkan berlakunya perkara mengorentasikan (ragging) pelajar-pelajar baru oleh pelajar lama, di sekolah Berasrama Penuh, Universiti, Pusat Pengajian Tinggi, sepertimana yang berlaku di Sekolah Menengah Teknik Cheras baru-baru ini;

(b) selain dari itu kita juga dengar ada pelajar-pelajar yang terlibat dengan najis dadah. Apakah langkah Kementerian bagi mengelakkan pelajar kita terjerumus dalam penyalahgunaan dadah. Adakah Kementerian bercadang mengenakan ujian air kencing kepada semua murid dari Tingkatan Satu hingga Lima di sekolah-sekolah seluruh negara.

- (c) Akhir-akhir ini pula didapati makan beracun dijual di sekolah-sekolah; adakah pihak Kementerian (sekolah) memastikan makanan yang dijual di kantin itu hendaklah bersih dan tidak mempunyai makanan yang boleh memberi padah kepada murid-murid sekolah. Apakah langkah dan tindakan pihak Kementerian dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Di Sekolah Berasrama Penuh beberapa program telah dijalankan untuk melatih pelajar-pelajar supaya bermoral dan berakhlak tinggi. Di antara program tersebut ialah kuliah subuh, ceramah agama, kelas pengajian Quran dan juga projek amalan budibahasa. Projek amalan budibahasa ialah satu projek berterusan di mana pelajar-pelajar sentiasa diingatkan tentang pentingnya budibahasa dalam kehidupan seharian.

Di Universiti dan Kolej, perbuatan 'ragging' tidak lagi dibenarkan. Tindakan tatatertib akan diambil kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan kegiatan ini mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan) 1975. Pihak universiti sentiasa mengawasi perbuatan ini terutamanya di musim kemasukan pelajar-pelajar baru. Setakat ini Kementerian Pendidikan berpuas hati terhadap langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak universiti bagi mencegah daripada berlakunya perbuatan 'ragging' ini.

Pelajar-pelajar juga telah didedahkan dengan nilai ke-

rohanian dan moral bagi meningkatkan lagi tahap moral dan akhlak di kalangan mereka dalam sistem pembelajaran. Mereka juga digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan lain-lain kegiatan untuk membentuk sikap bertelorensi dan kerjasama.

- (b) Masalah dadah memang terdapat di sekolah-sekolah khususnya sekolah menengah, tetapi belumlah sampai ke tahap yang membimbangkan. Bilangan pelajar yang terlibat adalah sangat kecil dan 70% daripada mereka adalah dalam kategori 'mencuba-cuba dadah'.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengelakkan pelajar-pelajar terlibat dengan najis dadah ialah:-

- (i) Memasukkan Pendidikan Pencegahan Dadah ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah melalui mata-mata pelajaran Bahasa, Sains, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.
- (ii) Melalui kegiatan Ko-Kurikulum seperti Skim Lencana Anti Dadah dalam Pasukan Pakaian Seragam Sekolah, Kelab Bimbingan dan Kaunseling.
- (iii) Melalui projek-projek khas seperti Kem Jaya Diri, Kem Kaunseling dan sebagainya.

Mengenai Ujian Air Kencing,

pihak Kementerian Pendidikan sedang bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara untuk menjalankannya secara rambang di sekolah-sekolah tertentu di negeri Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kementerian Pendidikan akan menjalankan ujian air kencing ini secara lebih menyeluruh lagi apabila pihak Kementerian mempunyai kemampuan secukupnya.

- (c) Usaha-usaha sentiasa diambil untuk memastikan makanan yang dijual di kantin sekolah adalah segar dan bersih bagi mengelakkan dari berlakunya keracunan makanan. Usaha-usaha penyeliaan dibuat oleh semua pegawai Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Guru Besar sendiri agar peraturan seperti yang ditetapkan di dalam Buku Panduan Kantin Sekolah dipatuhi sepenuhnya oleh pengusaha kantin. Beberapa kursus khas mengenai pengurusan kantin sekolah bagi Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Guru Bertugas Harian dan Pengusaha Kantin Sekolah telah diadakan. Semua usaha ini dibuat dengan kerjasama kakitangan Kementerian Pendidikan, Jabatan Kesihatan dan Kerajaan Tempatan.

KEMPEN MEMBURUK-BURUKKAN KAYU MALAYSIA

27. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kita dapati satu ketika dahulu pihak pengusaha-pengusaha kacang soya Amerika telah memburuk-burukkan minyak kelapa sawit kita. Hari ini pula kita sedang menghadapi satu lagi kempen memburuk-burukkan kayu Malaysia oleh

pihak negara Eropah pula. Apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi kempen ini untuk memulihkan pasaran kayu Malaysia diterima kembali dan adakah sudah Malaysia menghantar delegasi baikpulih ke Negara-negara Eropah dalam masalah ini — dan berapa banyak rombongan yang telah dihantar, dan apakah kesannya.

8-7-88

40. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Perusahaan utama menyatakan sama ada perusahaan membalak di negara ini terjejas oleh kempen anti-kayu tropika di negara-negara Eropah Barat dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentang kempen tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr. Lim Keng Yaik): Bagi menjawab soalan ini, saya mohon mencadang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa pada hari ini dan Y.B. Dr. Abdul Hadi bin Derani pada 8.7.1988 untuk dijawab serentak pada hari ini kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan kempen memburuk-burukkan kayu kayan Malaysia.

Kempen menentang kegunaan kayu keras tropika Malaysia di Eropah adalah dilakukan oleh kumpulan pencinta alam. Setakat ini kempen mereka belumlah menjejaskan jumlah eksport kayu kayan Malaysia ke Eropah. Namun demikian Kerajaan sedar dan memandang serius terhadap implikasi kempen dan segala dakwaan buruk kumpulan pencinta alam tersebut.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang bersepadu untuk menentang kempen ini. Di antaranya ialah:-

- (i) Pada 6-18 April 1988, saya sendiri mengetuai satu misi khas ke beberapa negara Eropah termasuk Belanda,

German Barat, Belgium dan United Kingdom bagi menearangkan kedudukan sebenar aktiviti pengurusan, pemulihan pemeliharaan serta pembangunan hutan di Malaysia kepada pemimpin-pemimpin kumpulan-kumpulan pencinta alam dan sektor industri serta pihak Kerajaan negara-negara tersebut, khususnya bagi menangkis dakwaan pihak anti-kayu tropika di negara-negara berkenaan. Missi ini telah mencapai matlamatnya dalam membetulkan pengertian dan anggapan yang tidak benar mengenai pemeliharaan dan kedudukan hutan di Malaysia.

- (ii) Menyebarkan maklumat-maklumat dalam bentuk risalah rencana, filem dokumentari, dan pita video kepada orang ramai melalui media massa, pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri, persatuan mengimport kayu kayan dan juga institusi pengajian tinggi di luar negeri.
- (iii) Meminta Kerjasama FAO, International Tropika Timber Organization (ITTO) supaya menganjurkan seminar, menerbitkan buku-buku, atau risalah filem yang boleh dijadikan saluran untuk memberi gambaran secara adil dan tepat tentang keadaan pengurusan hutan di Malaysia.
- (iv) Memberi kerjasama kepada beberapa perwakilan akhbar, jernal kayu kayan dari Eropah untuk melihat sendiri aktiviti pemeliharaan hutan yang dijalankan di negara ini.

jalankan oleh Kerajaan telah menampakkan kesan yang baik dalam usaha untuk menentang kempen ini. Namun Kerajaan sentiasa berwaspada dan mengawasi kegiatan pencinta alam berkenaan, dengan hal ini dan satu Jawatankuasa Khas untuk menyelaras segala aktiviti berkaitan kempen anti-kayu tropika ditubuhkan di bawah Kementerian ini.

KAD PENGENALAN HIJAU/MERAH/BIRU — BILANGAN

28. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah dan bilangan Kad Pengenalan yang berwarna hijau, merah dan biru yang dikeluarkan dan negara asal penerima sejak 1986 hingga bulan Mei, 1988; dan
- (b) mengapa suatu jangkamasa yang panjang diperlukan untuk mengendalikan permohonan kewarganegaraan terutama mereka yang telah memenuhi syarat-syarat kewarganegaraan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah Kad Pengenalan Hijau, Merah dan Biru yang dikeluarkan dari tahun 1986 hingga akhir Mei 1988 adalah seperti berikut:

Hijau	—	4,965
Merah	—	3,909
Biru	—	865,263
Jumlah		873,237

Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyimpan maklumat pemegang-pemegang Kad Pengenalan mengikut negara mereka tetapi mengikut taraf masing-masing, iaitu, Hijau bagi penduduk sementara

Langkah-langkah yang telah di-

yang tinggal melebihi satu tahun; Merah bagi penduduk Tetap dan Biru untuk Warga-negara Malaysia.

- (b) Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk memproses secepat mungkin setiap permohonan kewarganegaraan. Namun demikian, Kementerian terpaksa meneliti setiap maklumat yang dikemukakan bagi mengesahkan kesahihan keterangan yang dikemukakan oleh pemohon berkenaan. Masa yang diambil untuk memproses permohonan berkenaan adalah masa yang benar-benar diperlukan untuk menimbang sesuatu kes itu.

KELEWATAN MEMASANG DAWAI ELEKTRIK

29. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (i) apakah sebab-sebab kelewatan memasang dawai-dawai letrik sedangkan tiang-tiang sudah lama didirikan; dan
- (ii) apakah tindakan Kementerian ini untuk keselamatan dan cepat/segera sampai surat-surat di kawasan luar bandar.

Tuan Ong Tin Kim:

- (i) Jarang benar didapati tiang-tiang yang sudah lama ditanam ditinggalkan begitu sahaja. Pada kebiasaannya, dawai-dawai letrik dipasang sebaik sahaja tiang baginya telah siap ditanam.

Tiang-tiang hanya ditanam apabila barangan pemasangan dawai telah ada atau ianya

telah dijadualkan untuk diterima. Dengan perancangan pelaksanaan kerja yang baik, pemasangan dawai akan menyusuli kerja menanam tiang.

Di mana terdapat penerimaan barangan untuk kerja memasang dawai tidak diterima mengikut jadual, maka sedikit kelengahan dalam menyiapkan pemasangan dawai akan berlaku. Jika ini berlaku, kerja-kerja memasang dawai yang tertangguh akan disambung semula sebaik sahaja dawai diterima.

- (ii) Jabatan Perkhidmatan Pos telah merancang beberapa tindakan bagi mempercepatkan penyerahan surat-surat di seluruh negara termasuk di luar bandar. Di antaranya ialah:-

(a) Menambah perkhidmatan pengangkutan surat-surat secara:-

- (i) membeli kenderaan baru seperti kereta, van dan motosikal menggantikan basikal dengan motosikal;
- (ii) mendapatkan perkhidmatan pengangkutan swasta secara kontrak, dan
- (iii) mendapatkan perkhidmatan orang perseorangan yang berminat mengangkut surat-surat dan membuat penyerahan surat-surat biasa.

- (b) Jabatan Pos juga telah membeli mesin-mesin automatik dalam pengendalian surat-surat. Buat masa ini satu unit mesin telahpun digunakan di Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, satu di Kuantan dan satu lagi di Ipoh, Perak. Dengan adanya mesin-mesin ini sistem pengedaran surat-surat akan dapat dipercepatkan.
- (c) Kaedah Sistem Pengedaran Mel Nasional yang digunakan pada tahun 1970an dahulu telah dikaji semula bagi disesuaikan dengan keadaan semasa dan juga dengan penggunaan mesin-mesin automatik yang termoden sejajar dengan teknologi moden pos di dunia masa kini. Adalah diharapkan kaedah baru sistem pengedaran mel nasional yang sedang dibentuk ini, akan dapat mengatasi kelewatan sampainya surat-surat keluar bandar.
- (d) Dari segi keselamatan mel-mel pula, JPP sentiasa mengambil berat tetangnya. Pengawasan yang rapi dan kerap sering dijalankan oleh pegawai-pegawai pos. Semua rungutan atau aduan mengenainya, diberi perhatian dan disiasat untuk menentukan puncanya dan kelemahan kaedah sistem penyerahan mel. Ini akan diperbaiki jika perlu.
- (e) Bagi menjimatkan kos dalam pengendalian mel pula, JPP menyediakan satu tabung wang pinjaman untuk membeli motosikal bagi kakitangan-kakitangan pos yang membuat penyerahan surat-surat mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan.
- (f) Jabatan Perkhidmatan Pos juga bercadang mengambil

posmen sambilan bagi membuat kerja-kerja penyerahan mel di luar bandar dan di pedalaman.

Dengan adanya rancangan-rancangan yang disebutkan tadi, maka penyerahan mel dan pengedarannya akan dapat diatasi.

GRADUAN MENGGURUR

30. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini berapakah jumlah graduan yang menganggur yang telah didaftarkan dan berapa ramai yang telah diberi kerja. Berapa ramai pula yang telah menceburi bidang perniagaan dan apakah jenis bantuan yang disediakan kepada mereka yang mahu berniaga.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):

1. Bilangan siswazah menganggur yang telah mendaftar nama di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan pekerjaan sehingga 31.5.88 ialah seramai 19,633 orang.
2. Daripada jumlah tersebut seramai 4,000 orang telah diberi pekerjaan di bawah program Skim Khidmat Sambilan.
3. Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan sebenar siswazah-siswazah yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan.
4. Kerajaan tidak ada menyediakan skim-skim bantuan atau 'subsidi' secara terus kepada siswazah-siswazah yang mahu menceburkan dalam bidang perniagaan. Bagaimanapun Kerajaan ada menyediakan program-program latihan bagi melatih mereka yang berminat

untuk berniaga di samping menyalurkan tindakan bagi memudahkan mereka mendapat pinjaman-pinjaman modal daripada institusi-institusi kewangan dan kemudahan tempat berniaga.

JALAN SUMPITAN—TAIPING

31. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Kerjaraya menyatakan:-

- (a) bilakah jalanraya dari Gerik melalui Sumpitan ke Taiping akan siap kerana mengikut apa yang diberitahu jambatan-jambatannya sudah siap tetapi jalan masih terbengkalai dan apakah sebabnya;
- (b) bilakah jalan dari Taiping ke Ijok dan dari Taiping ke Selama hendak dibesarkan dan dibetulkan bukan hanya jalan-jalan di bandar-bandar besar sahaja;
- (c) sama ada sedar atau tidak bahawa masih banyak terdapat setengah-setengah pagar jalan Ayer Keroh—Seremban dipecahkan dan dicuri dan apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil ke atas pengkhianat itu; dan
- (d) sama ada sedar atau tidak bahawa rondaan Polis dan JPJ tidak mencukupi di sepanjang Lebuhraya Seremban—Ayer Keroh, Ipoh—Changkat Jering dengan yang demikian banyak pemandu-pemandu tidak taat kepada undang-undang dan melakukan kesalahan jalanraya, apakah tindakan yang sedang difikirkan oleh Kementerian tersebut.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, jalan melalui kampung Sumpitan ke Taiping adalah jalan luar bandar yang mana peruntukannya disediakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya telah difahamkan bahawa pelaksanaan jalan tersebut dibuat secara berperingkat-peringkat dan sehingga kini sebanyak tiga buah jambatan di kawasan Hulu Perak telah siap dibina. Walau bagaimanapun pembinaan jalan tar dan empat buah lagi jambatan yang perlu dibina akan juga dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Saya telah dimaklumkan bahawa pada masa ini Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang berusaha untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi projek tersebut.

- (b) Jalan dari Taiping ke Ijok dan dari Taiping ke Selama adalah jalan negeri dan pihak JKR negeri Perak sedang berusaha untuk membesarkan jalan-jalan tersebut. Pada masa ini rekabentuk bagi jalan tersebut telah pun siap dan akan dapat dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan yang mencukupi diterima.
- (c) Kerajaan memang sedar mengenai masalah kerosakan pagar-pegar di Lebuhraya Seremban—Ayer Keroh ini. Hingga ke masa ini terdapat lebih kurang 300 kejadian telah berlaku, di mana pagar-pegar berkenaan telah dipecahkan. Ada di antara pagar-pegar tersebut telah dirosakkan semula setelah dibaiki. Lembaga Lebuhraya Malaysia telah membelanjakan lebih kurang \$40,000 untuk membaiki kerosakan-kerosakan tersebut,

semenjak lebuhraya tersebut dibuka kepada orang ramai hingga ke masa ini.

Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun merancang dan sedang mengambil tindakan-tindakan berikut, sebagai langkah untuk mengurangkan dan seterusnya mengatasi masalah tersebut:-

- (i) Semua pagar-pagar yang dibina itu diberikan tanda pengenalan khas Lembaga Lebuhraya Malaysia dan jika terjadi sebarang kecurian, ianya akan mudah dikenali dan boleh dikesan. Hingga ke hari ini beberapa kejadian kecurian telahpun dilaporkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.
- (ii) Lembaga Lebuhraya Malaysia juga akan terus menerus berusaha memperbaiki pagar-pagar yang rosak dari masa ke semasa.
- (iii) Lembaga Lebuhraya juga telah pun menyediakan 'jalan bawah' (underpass) dan 'jejantas' (overpass) untuk kegunaan orang ramai di tempat-tempat yang perlu, bagi melintasi lebuhraya dan kemudahan ini telah disediakan di setiap jarak 1.8 km lebuhraya ini, (hitungan panjang).
- (iv) Lembaga Lebuhraya Malaysia sentiasa mengadakan rondaan penguatkuasaan dari masa ke semasa oleh

kakitangan dan juga Polis Lebuhraya.

- (v) Lembaga Lebuhraya Malaysia juga sentiasa mengadakan perbincangan bagi mengatasi masalah ini dengan Pegawai Daerah, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, di tempat atau kawasan yang terdapat banyak kejadian kerosakan pagar-pagar itu.
 - (vi) Selain daripada itu, hebahan dan penguuman juga dibuat melalui sebaran am seperti melalui akhbar dan lain-lain media, meminta kerjasama orang ramai supaya tidak merosakkan pagar-pagar dan lain-lain kemudahan di sepanjang lebuhraya tersebut.
- (d) Kementerian ini memang sedar bahawa rondaan Polis di Lebuhraya Seremban—Ayer Keroh dan Ipoh—Changkat Jering adalah tidak mencukupi buat masa ini. Langkah-langkah yang perlu sedang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan lagi bilangan anggota Polis Peronda Lebuhraya dan dengan penambahan anggota-anggota tersebut, adalah jangka rondaan penguatkuasaan di semua lebuhraya akan dapat dipertingkatkan lagi.

PELANCONG ASING — KEMPEN PENGIKLANAN MALAYSIA

32. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) sama ada agen-agen pelancongan di seluruh dunia mengiklankan negara kita sebagai sebuah negara yang indah; dan
- (b) minta Menteri berkenaan memberitahu jumlah pelancong-pelancong yang datang sehingga 31 Disember 1987 dan berapakah pula pendapatan bagi negara;
- (c) minta Menteri berkenaan memberitahu aspek kebudayaan Melayu yang manakah yang lebih menarik dan memberi minat kepada pelancong-pelancong negara kita; dan
- (d) minta Menteri berkenaan memberitahu sama ada Kementerian merancang mengadakan panggung-panggung atau pentas kebudayaan yang boleh memaparkan kebudayaan, tarian dan lakunan-lakunan khas seperti diadakan di Albert Hall, London dan negara-negara lain di Eropah.

Tuan Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah membentuk satu strategi pemasaran di mana negara-negara tertentu telah dikenalpasti sebagai pembekal pelancong ke negara ini. Pasaran-pasaran di negara-negara ini telah dianalisa dan tumpuan khas telah diberikan kepada pasaran utama Singapura, Thailand, Australia, Jepun dan Hong Kong. Di pasaran-pasaran utama tersebut, agen-agen pelancong dibekalkan dengan risalah-rialah dan bahan-bahan promosi yang penting.
- PKPM juga menumpukan kegiatan promosi-promosinya
- di negara-negara tersebut melalui kempen pengiklanan. Kerajaan tidak mampu dan juga adalah tidak praktikal bagi kita membuat pengiklanan di seluruh dunia. Strategi kita ialah untuk mengenalpasti kawasan-kawasan pasaran tertentu di mana kita dapat menjalankan aktiviti tersebut.
 - (b) Bagi tahun 1987, seramai 3,146,226 pelancong-pelancong asing telah dianggarkan melawat negara ini. Angka sebenar masih belum diterima dari pihak Jabatan Imigresen dan dijangka akan disiarkan pada awal tahun depan. Oleh yang demikian berasaskan kepada perangkaan ini hasil pendapatan pelancongan bagi tahun 1987 dijangka berjumlah \$1,647.4 juta.
 - (c) Soalan ini harus dilihat dari kategori dan jenis pelancong serta kecenderungan pelancong yang datang. Pada amnya minat pelancong dalam Kebudayaan Melayu adalah tertumpu kepada kesenian, sama ada dari kategori seni pentas, seni pertukangan tangan, seni hias dan bidang-bidang seni yang lain. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan kecil dari golongan intelektual dan budayawan yang lebih berminat kepada bidang kajian dan keilmuan yang lebih mendalam kepada bidang penyelidikan kebudayaan, nilai dan norma, sastera dan artifek sejarah.
 - (d) Albert Hall, London adalah suatu entiti seni yang besar dengan mempunyai kepakaran dan pengkhususannya yang berwibawa. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam perancangan jangka pendek ini akan menggalakkan

penggunaan dewan dan pentas yang sedia ada. Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk menggalakkan pembinaan pentas kesenian merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bersedia membantu dalam aspek kepakaran untuk pembinaan pentas dan menggerakkan tenaga keseniman sesuai dengan keperluan tempatan.

Dewan Tunku Abdul Rahman akan diperbaiki dan dijangka dapat menjadi module kegiatan seni pentas yang dapat menampung keperluan ber-teater.

TAHANAN ISA MAHFUZ BIN OMAR

33. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sebab-sebab keluarga termasuk isteri tahanan ISA Mahfuz bin Omar tidak dibenarkan mengunjungi beliau pada hari cuti umum di Perak sempena perisytiharan Ipoh sebagai bandaraya baru-baru ini;
- (b) kuih-kuih yang dibawa oleh isteri Sdr. Mahfuz bin Omar yang terpaksa ditinggalkan saja kepada pengawal khemah tahanan dan hanya disampaikan kepada Sdr. Mahfuz pada petang esoknya. Apakah sebab-sebab maka urusan menyampaikan kuih itupun mengambil masa yang begitu lama; dan
- (c) apakah sebab-sebab polis bertindak tidak membenarkan Haji Suhaimi Said menetap di Temerloh, tempat tinggal asal-

nya, apabila beliau dibebaskan dengan syarat tahun 1986 dulu. Nyatakan sebab yang beliau dibenarkan tinggal di Melaka. Apakah pula yang menyebabkan polis kali ini membenarkan beliau tinggal di daerah Temerloh dan tidak pula di Melaka apabila beliau dibebaskan dengan syarat pada 3 Jun lalu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya telah menjadi peraturan di Tempat Tahanan Perlington, Taiping, bahawa orang-orang tahanan tidak dibenarkan menerima lawatan pada hari Ahad dan kelepasan am. Tindakan tidak membenarkan keluarga termasuk isteri Sdr. Mahfuz bin Omar untuk mengunjungi beliau pada hari cuti umum sempena perisytiharan Ipoh sebagai Bandaraya baru-baru ini ialah kerana mematuhi peraturan tersebut. Peraturan lawatan ini telahpun dimaklumi oleh orang tahanan dan juga ahli keluarga.

Pada kebiasaannya, setiap kiriman kuih-muih dan buah tangan dari keluarga orang tahanan berkenaan diserahkan selepas diperiksa oleh pegawai yang bertugas. Berhubung dengan kelewatan hampir sehari menerima kuih-muih yang dikatakan dialami oleh Sdr. Mahfuz bin Omar adalah satu kejadian yang tidak disengajakan. Walau bagaimanapun sedikit kelewatan yang tidak disengajakan berlaku itu tidaklah seharusnya menjadikan kuih berkenaan rosak sehingga tidak boleh dimakan langsung. Dengan demikian ini bukanlah satu masalah yang perlu dibesar-besarkan.

Mengenai pembebasan bersyarat Sdr. Suhaimi bin Said, iaitu mengapa pada tahun 1986 yang lalu beliau tidak dibenarkan menetap di Temerloh tetapi di Melaka, dan sebaliknya pada 3 Jun 1988 yang lalu dibenarkan pula tinggal di Temerloh, soal tempat di mana beliau

dibenarkan tinggal bukanlah merupakan perkara utama. Apa yang lebih penting dan patut kita fikirkan bersama ialah sejak dibebaskan dari tahanan sebanyak dua kali, setakat manakah beliau telah menginsafi tindak-tanduknya di masa lalu dan dapat dicegah dari mengulangi kegiatan-kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

CARUMAN KWSP

34. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pencarum KWSP sehingga 30hb April 1988 dan jumlah akaun caruman dalam KWSP sehingga tarikh tersebut;
- (b) jumlah bilangan syarikat-syarikat yang membuat caruman KWSP; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil terhadap majikan-majikan yang didapati belum lagi membuat caruman KWSP.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Jumlah bilangan pencarum KWSP pada 30 April 1988 ialah sebanyak 5.08 juta, manakala jumlah caruman mereka ialah \$31.8 ribu juta.
- (b) Setakat 30 April 1988, bilangan majikan yang didaftarkan dengan KWSP ialah 147,639. Bilangan ini termasuklah majikan-majikan seperti pemilik tunggal, rakan perkongsian, Syarikat-syarikat Berhad, Sekolah-sekolah, Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, pertubuhan-pertubuhan dan orang perseorangan yang menguruskan perniagaan sendiri.

- (c) Apabila majikan yang gagal mencarum dikenalpasti, jumlah caruman yang tertunggak akan ditaksirkan dan majikan tersebut akan dinasihati supaya menyelesaikan jumlah tunggakan dalam tempoh masa satu minggu. Kegagalan majikan berbuat demikian akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil di bawah Seksyen 16a (1) (c) Akta KWSP 1951, untuk mendapatkan caruman yang belum dijelaskan itu. Di bawah peruntukan yang sama, denda maksimum adalah \$10,000 atau dipenjarakan bagi satu tempoh yang tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Majikan yang didapati bersalah akan diperintah oleh Mahkamah di bawah Seksyen 16a (4) Akta KWSP 1951 untuk menjelaskan tunggakan caruman dan dividen yang berkaitan kepada KWSP.

PLAZA TOL — JUMLAH

35. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Berapakah plaza tol telah diadakan di Semenanjung Malaysia sehingga bulan Mei 1988 mengikut negeri;
- (b) Jumlah kuapian tol pada tahun 1986 sehingga bulan Mei, 1988; dan
- (c) Adakah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapat peruntukan yang mencukupi bagi mengatasi masalah penyelenggaraan lebuhraya negara.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Jumlah plaza tol yang telah diwartakan dan sedang beroperasi sehingga bulan Mei 1988 adalah sebanyak 23 buah.

Bilangan plaza tol mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Kedah	— 2	buah plaza tol
Pulau Pinang	— 1	”
Perak	— 4	”
Selangor	— 5	”
Negeri Sembilan	— 6	”
Melaka	— 2	”
Johor	— 2	”
Pahang	— 1	”
Jumlah..	<u>23</u>	”

(b) Jumlah kutipan tol keseluruhan daripada tahun 1986 hingga Mei 1988 adalah sebanyak \$155,987,090.00

(c) Lembaga Lebuhraya Malaysia sememangnya mendapat peruntukan yang cukup bagi mengatasi masalah penyelenggaraan lebuhraya tol di negara ini.

MINYAK MENTAH — PENGELUARAN

36. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah Kerajaan menentukan pengeluaran minyak pada kadar 540,000 tong sehari bersesuaian dengan cadangan OPEC mengurangkan eksport sebanyak 5% pada dasar sama rata. Adakah penguatkuasaan dasar ini tidak berat sebelah dan menguntungkan anggota OPEC sahaja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Keputusan Kerajaan dalam menetapkan tingkat pengeluaran minyak mentah pada paras 540,000 tong sehari bagi tahun 1988 ini tidak ada kaitannya dengan sebarang cadangan OPEC. Sesungguhnya penetapan paras pengeluaran minyak mentah negara adalah berpandukan kepada keperluan hasil negara bagi membiayai program-program pembangunan-pembangunan setelah mengambil kira aspek-aspek teknikal

dan keupayaan pengeluaran Malaysia serta juga mengambil pertimbangan akan Dasar Susutan Negara (Depletion Policy/Strategy).

Bersabit dengan cadangan untuk mengurangkan eksport sebanyak 5% itu, tujuh buah negara bukan OPEC (termasuk Malaysia) yang bersidang pada bulan April lalu telah mencadangkan untuk mengurangkan eksport mereka sebanyak 5% bagi bulan Mei dan Jun 1988, dengan syarat OPEC juga mengurangkan eksport mereka dengan tujuan untuk menstabilkan harga minyak dunia. Walau bagaimanapun, cadangan ini telah ditolak oleh OPEC, kerana negara-negara OPEC sendiri telah tidak mendapat kata sepakat untuk mengurangkan pengeluaran mereka. Oleh yang demikian, pengurangan sebagaimana yang dicadangkan itu tidak dilaksanakan.

Mengenai persoalan sama ada penguatkuasaan dasar pengurangan eksport minyak sebanyak 5% ini berat sebelah dan menguntungkan anggota OPEC sahaja atau sebaliknya tidak berbangkit. Jikalau diandaikan dasar ini dikuatkuasakan, keseluruhan pengeluaran minyak dunia akan mendapat manfaat yang sama dari segi harga minyak mentah yang stabil. Dengan yang demikian, adalah dikira wajar dan perlu semua pengeluar minyak bekerjasama dalam usaha untuk menstabilkan harga minyak dunia bagi manfaat bersama.

POTENSI PELABURAN DI SABAH

37. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sumbangan yang telah diberikan oleh Kementeriannya terhadap perkembangan industri di Sabah, jika ada, apakah bentuk sumbangan itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz): Di dalam seminar-seminar penggalakan

pelaburan yang diadakan samada di dalam atau di luar negeri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa memberi penerangan tentang potensi-potensi pelaburan yang terdapat di setiap negeri. Umpamanya dari segi sumber bahan-bahan mentah yang terdapat di negeri berkenaan, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang telah ada dan insentif-insentif tambahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri jika ada. Dalam hubungan ini, Negeri Sabah yang kaya dengan sumber aslinya telah ditonjolkan sebagai satu pusat pelaburan yang menarik bagi projek-projek berasaskan kayu kayan.

Kerajaan Negeri Sabah dan usahawan-usahawannya adalah kerap kali dipelawa untuk menyertai di dalam misi-misi galakan pelaburan ke luar negeri yang dianjurkan oleh Kementerian ini. Ini adalah untuk memberi peluang kepada Negeri Sabah dan usahawan-usahawan membuat 'contact' dengan pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini serta memberi 'first hand information' mengenai potensi negeri masing-masing.

Di samping itu, di peringkat penilaian projek-projek, satu daripada kriteria-kriteria yang digunakan bagi pemberian galakan taraf perintis atau Elaun Cukai Pelaburan ialah lokasi/penempatan sesuatu projek itu. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, beberapa kawasan perindustrian di Negeri Sabah adalah merupakan kawasan-kawasan pelaburan yang digalakkan dan telah diwartakan sebagai Kawasan Industri Digalakkan, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Projek-projek yang ditempatkan di kawasan ini adalah juga layak mendapat pengurangan ke atas pendapatan larasan sebagai insentif tambahan.

HUTANG KERAJAAN MALAYSIA

38. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali minta Menteri Kewangan menyatakan

berapa banyakkah hutang Kerajaan Malaysia yang dipinjam dari Bank Dunia atau negara-negara luar bagi membiayai projek-projek pembangunan negara tiap-tiap tahun dan berapakah jumlah pinjaman yang belum dan yang telah dibayar setakat ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman, pembayaran balik dan juga baki hutang Kerajaan Malaysia adalah bergantung pada perubahan-perubahan di dalam kadar pertukaran matawang asing dibanding dengan ringgit pada ketika pinjaman-pinjaman dibuat dan pembayaran balik hutang itu dilakukan. Oleh yang demikian, jumlah baki pinjaman pada akhir satu-satu tahun tidak boleh dikira sebagai perbezaan di antara jumlah ambilan terkumpul dan jumlah pembayaran balik yang dibuat di sepanjang tahun.

Sehingga akhir Disember, 1987, jumlah pinjaman terkumpul untuk membiayai projek-projek pembangunan yang diperolehi dari institusi-institusi kewangan seperti Bank Dunia dan juga dari sumber-sumber dua hala, adalah sebanyak M\$9,521.61 juta. Sebanyak M\$3,507.38 juta telahpun dibayar balik sehingga akhir Disember 1987. Baki hutang pada tarikh yang sama adalah sebanyak M\$8,784.21 juta, berdasarkan kepada kadar pertukaran matawang asing pada tarikh itu.

KEMATIAN KEMALANGAN JALAN RAYA — PERANGKAAN

39. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan menyatakan disebabkan banyak kemalangan-kemalangan jalan raya yang berlaku menyebabkan kematian 'multiple' seperti kemalangan bas, lori dan treler, apakah langkah-langkah Kementeriannya telah mengambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Buat masa sekarang, perangkaan kemalangan jalan raya yang

dikumpulkan oleh pihak Polis Di Raja Malaysia tidak memasukkan perangkaan yang membuktikan bahawa kebanyakan kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian 'multiple' adalah disebabkan oleh kemalangan bas, lori dan treler.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan sentiasa cuba mengatasi jalanraya melalui tindakan-tindakan seperti berikut:-

- 2.1 menjalankan aktiviti-aktiviti kempen melalui semua media;
- 2.2 mengadakan dialog dan ceramah dengan kumpulan sasaran berkenaan;
- 2.3 meminta kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis menjalankan tindakan penguatkuasaan secara yang lebih menyeluruh;
- 2.4 menggalakkan kenderaan berat memasang lampu 'headlights' semasa kenderaan dijalankan pada siang hari.

Kementerian ini juga sedang mengambil tindakan menggubal kaedah baru untuk memastikan semua kenderaan dipasangkan dengan lampu amaran (hazard warning lights) yang lebih mencukupi dan memasang lampu amaran apabila kenderaan diletakkan di tepi jalan.

LANUN DI LAUT CHINA SELATAN/SELAT MELAKA

40. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN untuk mencegah kegiatan lanun-lanun yang meningkat di Lautan China Selatan dan Selat Melaka.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN lain memberi perhatian akan masalah kegiatan lanun-lanun di

Laut China Selatan dan Selat Melaka. Sebagai langkah untuk mencegah kegiatan ini, Malaysia telah mengadakan operasi bersama angkatan bersenjata di peringkat dua-hala dengan negara-negara anggota ASEAN. Selain daripada itu, Tentera Laut Malaysia, Polis Marin dan Jabatan Marin sentiasa mengawasi keadaan di perairan wilayah Malaysia, iaitu di Selat Melaka dan Laut China Selatan di mana kegiatan ini sentiasa berlaku.

KUASA HAWA DINGIN TEKSI

41. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan kekesanan arahan menseseragamkan kuasa hawa dingin semua teksi di seluruh negara kepada tuan-tuan punya teksi, pemandu-pemandu dan juga penumpang-penumpang. Adakah pihak Kementerian akan meneruskan arahan ini kiranya didapati menimbulkan banyak masalah daripada kebaikan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Awam tidak pernah membuat arahan bagi menseseragamkan kuasa hawa dingin teksi di seluruh negara.

AHLI PARLIMEN AUSTRALIA MEMPERSOALKAN TAHANAN ISA

42. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Dalam Negeri menerangkan isi kandungan surat yang ditandatangani oleh 105 orang ahli Parlimen Australia dan juga surat balasan YAB, di atas perkara penahanan beberapa orang pemimpin rakyat Malaysia di bawah seksyen 73 Akta ISA. Campurtangan ini sungguh dikesalkan, tidak diingini dan dilakukan tanpa memahami sensitiviti issue-issue yang dibangkitkan. Tindakan 2 diambil sehingga berlakunya penangkapan dan penahanan di bawah Akta ISA menimbulkan kesan yang baik. Adakah YAB,

puas hati di atas perkembangan yang berlaku hasil daripada penggunaan akta tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Surat yang dikirim dan ditandatangani oleh 105 anggota Parlimen Australia secara ringkasnya mempersoalkan tindakan Kerajaan dalam menahan kira-kira 100 orang dalam operasi pada bulan Oktober—November, 1987 lalu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Mereka juga menyebut laporan akhbar-akhbar Australia yang menuduh Kerajaan Malaysia menyiksa beberapa orang tahanan yang ditangkap itu.

Sebagai jawapan, kita telah menyatakan bahawa rakyat Australia terlalu mementingkan pendapat sendiri dan menyangka mereka harus menasihatkan semua kerajaan di Asia Tenggara tentang cara mentadbir negara masing-masing. Kita juga memberitahu kumpulan berkenaan bahawa mereka sepatutnya mengkaji semua fakta-fakta dan latarbelakang sebelum membuat tuduhan yang melulu. Dalam hubungan ini, kita telah memberikan penjelasan tentang fakta-fakta sejarah dan latarbelakang masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum, agama dan kebudayaan dan bagaimana sejarah menunjukkan bahawa Kerajaan Penjajah British telah mengamalkan dasar "divide and rule" untuk menjamin keamanan antara kaum.

Kita tetap dengan pendirian kita terhadap golongan yang menyelar penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, khususnya dalam hal ini Australia, bahawa kita tidak perlu mana-mana negara campurtangan dalam urusan dalam negeri negara-negara asing, lebih-lebih lagi campurtangan yang dilakukan tanpa mengambil kedudukan sebenarnya dalam memahami nilai-nilai dan keperluan negara.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa

tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu telah banyak meredakan suasana dan ketenteraman awam dalam negeri kita berbanding dengan keadaan tegang yang timbul dari isu-isu perkauman yang wujud dalam pertengahan tahun 1987 lalu. Walau pun Kerajaan berpuashati di atas perkembangan yang berlaku, namun Kerajaan perlu sentiasa berwaspada terhadap apa-apa kegiatan yang boleh menimbulkan mudarat kepada keselamatan negara bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan tanggungjawab utamanya menjamin keamanan dan kestabilan negara dalam arah mencapai matlamat negara yang bersatu padu.

KEMPEN MEMBURUKKAN MINYAK TROPIKA DI AMERIKA

43. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan apakah hasil rundingannya dengan Kerajaan Indonesia baru-baru ini dalam menghadapi kempen yang dilancarkan oleh Persatuan Kacang Soya Amerika menentang minyak masak tropika dan golongan penciptaan alam sekitar Eropah menentang penjualan kayu kayan tropika.

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Tujuan utama lawatan saya ke Indonesia pada 23 hingga 24 Mei 1988 adalah untuk mengeratkan lagi hubungan serta kerjasama di antara kedua negara dalam bidang komoditi. Saya telah berbincang serta bertukar pendapat dengan beberapa Menteri Indonesia mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh beberapa komoditi yang mana kedua-dua negara mempunyai kepentingan. Ini membabitkan usaha negara-negara ASEAN dalam memainkan peranan penting di Rundingan Perdagangan Pelbagai-bahala bagi bahan-bahan tropika yang sedang berlangsung di Geneva.

Semasa perbincangan dengan pemimpin-pemimpin di Indonesia, saya

telah membangkitkan isu kempen memburukkan minyak tropika di Amerika Syarikat serta perlunya Malaysia dan Indonesia bekerjasama menentang kempen itu. Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa ASEAN di Washington DC, Amerika Syarikat telahpun mengemukakan bantahan kepada pihak Kerajaan negara itu terhadap suatu rang undang-undang di Kongres yang bertujuan memaksa minyak tropika termasuk minyak sawit, dilebel sebagai (dengan izin) "Saturated Fat". Seterusnya lawatan saya baru-baru ini telah juga membolehkan saya memberi penjelasan di atas pendirian negara dalam isu ini serta mendapatkan jaminan supaya memberi kerjasama dalam menentang kempen memburukkan minyak sayuran tropika yang dijalankan oleh Kesatuan Kacang Soya Amerika Syarikat.

Mengenai kempen anti-kayu kayan tropika, saya telah memberitahu pemimpin-pemimpin di Indonesia di atas hasil lawatan saya ke beberapa negara Eropah baru-baru ini di mana gambaran mengenai kedudukan pengurusan sumber perhutanan negara kita telah diberi tekanan. Untuk makluman Yang Berhormat, golongan pencinta alam sekitar Eropah telah menjalankan kempen menentang penjualan kayu kayan tropika berdasarkan maklumat yang tidak berasas dan salah. Memandangkan bahawa sasaran kempen tersebut melibatsama Indonesia dan Filipina, perbincangan telah ditumpukan kepada perlunya ketiga-tiga negara itu bekerjasama untuk menentang kempen ini di Eropah dan di negara-negara lain sewajarnya.

Kita bersetuju tentang ancaman dari kedua-dua kempen itu dan perlu supaya kita teruskan usahasama dalam mengatasi kempen-kempen tersebut.

KEMPEN SEMARAK

44. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan

berapa banyakkah sumbangan yang diterima daripada orang-orang ramai bagi mengadakan program Semarak yang diadakan di beberapa buah negeri baru-baru ini. Sila nyatakan nama-nama mereka dan jumlah sumbangan yang diterima.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamad bin Rahmat): Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 3 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Bintang yang dijawab di Dewan ini pada 27.6.1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

OPERASI PASUKAN POLIS DI SABAH

45. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Kementeriannya telah menyiapkan laporan mengenai tempat atau kawasan yang menghendaki penempatan tetap anggota polis bagi membasmi jenayah yang semakin meningkat di Sabah;
- (ii) manakah tempat atau kawasan yang telah dikenalpasti; dan
- (iii) bilakah laporan tersebut dapat dilaksanakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mengubah "set-up" dan jentera operasi Pasukan Polis di Sabah. Kedudukan balai, pondok dan jumlah keanggotaan Pasukan Polis yang ada sekarang ini di Sabah adalah sesuai dan mencukupi untuk mencegah dan membasmi kegiatan jenayah.

**KEPULAUAN SPRATLY —
NEGARA YANG MENUNTUT**

46. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah buah negara yang menuntut hak milik ke atas kepulauan Spratly dan anggaran bilangan tentera yang ditempatkan di sana; dan
- (b) apakah pendirian Malaysia ke atas isu ini memandangkan pertempuran antara Vietnam dan China baru-baru ini.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Selain daripada Malaysia, Kerajaan Republik Rakyat China, Vietnam, Taiwan dan Filipina juga menuntut apa yang dipanggil sebagai kepulauan Spratly. Malaysia telah menunjukkan kehadirannya di beberapa terumbu kepulauan tersebut atas tujuan keselamatan dan juga ekonomi. Bagi bahagian kedua soalan pertama Yang Berhormat, saya telah memberi jawapan kepada soalan yang sama pada 27hb. Jun, 1988.
- (b) Malaysia tidak bersetuju dengan penyelesaian tuntutan bertindih di kawasan ini secara konfrantasi. Malaysia sedar bahawa terdapat tuntutan bertindih di kawasan ini dan sedia berunding dengan semua pihak yang terlibat untuk memperolehi penyelesaian damai.

**KETUA HAKIM NEGARA —
LANTIKAN TRIBUNAL**

47. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan latar belakang atau sebab-sebab menggunakan Perkara 125(3) dan 125(4) Perlembagaan

Persekutuan untuk melantik sebuah Tribunal bagi menyingkirkan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara sama ada beliau sedar bahawa tindakan tersebut terhadap Ketua Hakim Negara adalah di luar jangkaan dan belum pernah terjadi dan merupakan satu pukulan hebat dan serius ke atas kebebasan kehakiman yang membawa kepada bertambah buruknya krisis keyakinan di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Sebab-sebab Tribunal dilantik mengikut Perkara 125(3) bagi menyingkirkan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara telahpun diumumkan pada 21 Jun 1988.

Saya sedar bahawa tindakan tersebut belum pernah terjadi di Malaysia. Walau bagaimanapun, tindakan ini seperti Yang Berhormat maklum adalah sedia diperuntukkan dalam Perkara 125, Perlembagaan Persekutuan dan dibenarkan oleh Perlembagaan sendiri.

**DADAH — PERBUATAN
MENYALAHGUNAKAN**

48. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan perbuatan menyalahgunakan dadah dan hal berkaitan dengan jenayah seperti memeras, menyerang dan memukul kian meningkat di sekolah-sekolah menengah di negara ini. Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini. Dan sama ada benar bahawa setengah-tengah Pengetua sekolah sengaja ingin menutup kes-kes seperti tersebut untuk menjaga nama baik sekolah mereka. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau terhadap pengetua-pengetua tersebut.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

berbagai-bagai langkah serta tindakan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah perbuatan menyalahgunakan dadah dan hal berkaitan dengan jenayah seperti memeras, menyerang dan memukul. Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah:-

- (i) Mengeluarkan Surat Pekeliling serta Buku Panduan untuk mengatasi masalah tersebut.
- (ii) Meningkatkan lagi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah.
- (iii) Mempertingkatkan lagi kecakapan Pengetua dan Guru Besar dalam pengurusan masalah-masalah disiplin.
- (iv) Mendapat kerjasama dengan pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- (v) Memberi arahan kepada pihak sekolah supaya bertindak dengan lebih tegas lagi terhadap pelajar-pelajar yang didapati terlibat dengan kesalahan yang dianggap berat seperti penyalahgunaan dadah dan melakukan jenayah.

Tuduhan bahawa setengah-setengah Pengetua sekolah sengaja ingin menutup kes-kes kesalahan disiplin untuk menjaga nama baik sekolah adalah tidak benar. Kementerian Pendidikan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan tatatertib jika sekiranya benar ada di kalangan Pengetua-pengetua sekolah sengaja ingin menutup kes-kes pelanggaran disiplin pelajar untuk menjaga nama baik sekolah mereka. Mengikut maklumat yang diterima oleh Kementerian Pendidikan pada setiap tahun dari sekolah-sekolah di seluruh negara, didapati kedudukan mengenai disiplin sekolah adalah memuaskan.

KESESAKAN LALULINTAS DI TAMBAK JOHOR

49. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah sebab berlaku kesesakan berpanjangan di Tambak Johor dan ianya dibiarkan berlanjutan sungguhpun kesesakan itu sedang mengancam pelancongan dan perdagangan dan juga nyatakan sama ada tambak kedua akan dibina supaya mengatasi masalah kesesakan itu.

Dato' S. Samy Vellu: Sebab-sebab berlakunya kesesakan lalulintas di Tambak Johor ialah kerana peningkatan pengguna-pengguna yang melalui tambak ini, terutamanya di musim-musim perayaan. Pertambahan pengguna-pengguna di tambak ini telah mencapai ketahap maksima, di mana pihak Jabatan Kastam dan Jabatan Imigresen yang terpaksa melakukan pemeriksaan tidak berupaya memenuhi peningkatan pengguna yang semakin bertambah. Oleh itu bagi mengatasi kesesakan lalulintas di Tambak Johor, Kerajaan pada masa ini telah memutuskan supaya hubungan kedua, iaitu jambatan dibina sesudah kajian tertentu dilaksanakan.

JALANRAYA SANDAKAN — PROJEK PEMBINAAN

50. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan:-

- (i) Sebab-sebab kerja pembinaan package A1 dan A2 jalanraya utama luar bandar Sandakan ditangguhkan;
- (ii) Apakah taraf muatan berat jalanraya itu; dan
- (iii) Sama ada taraf muatan berat itu boleh menumpang kehendak lalulintas dan berat kenderaan.

Dato' S. Samy Vellu

- (i) Projek pembinaan jalanraya Sandakan—Telupid tidak ditangguhkan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Projek tersebut dibahagikan kepada 2 package iaitu A1 dan A2, dan keduanya sedang dilaksanakan oleh sebuah kontraktor dari Korea Selatan. Kedua-dua package tersebut dijadualkan siap pada September 1989. Walau bagaimanapun, kemajuan pelaksanaan projek tersebut sekarang terlewat daripada jadual asal disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk dan masalah dalaman kontraktor itu sendiri. Saya telah diberitahu bahawa kontraktor tersebut akan berusaha sedaya upaya untuk menyiapkan projek itu di dalam tempoh kontrak yang telah ditetapkan.
- (ii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalanraya ini adalah jalan Persekutuan dan oleh yang demikian ia perlu mengikut peraturan had muatan jalan Persekutuan. had muatan bagi jalan-jalan Persekutuan adalah 3 tan bagi setiap roda, 9 tan bagi setiap gandar (axle) dan 14 tan bagi kenderaan yang mempunyai gandar berkembar (bogie axle). Manakala had muatan keseluruhan kenderaan (gross weight) adalah 22 tan.
- (iii) Jalanraya ini telah direkabentuk dan dibina bagi kegunaan kenderaan yang tidak melebihi had muatan yang ditetapkan seperti di atas. Kenderaan yang melanggar had muatan ini akan mengurangkan usia jalanraya tersebut. Bagi menentukan peraturan had muatan dipatuhi,

alat mesin timbang akan dipasang untuk memudahkan tindakan penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu yang melanggar had muatan yang telah ditetapkan.

**PENDATANG HARAM —
PERONDAAN TLDM**

51. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan ingin mengadakan apa-apa rancangan untuk menggunakan jeti lama di Sandakan sebagai Pengkalan Tentera Laut supaya memudahkan perondaan di Pantai Timur Sabah untuk menyekat aktiviti penyeludupan dan banjiriran pendatang-pendatang haram; jika ya, bilakah ia akan bermula.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Rancangan untuk menempatkan Pangkalan Hadapan di Sandakan telah lama dikenalpasti. Kemudahan menggunakan jeti di Sandakan telahpun didapati dari Kerajaan Negeri Sabah. Kerajaan pusat memberikan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberi jeti lama itu untuk dipergunakan sebagai Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Kawasan tersebut telahpun diserahkan dengan rasminya kepada TLDM dan dengan penyerahan kawasan itu telah memudahkan lagi aktiviti-aktiviti TLDM dalam usaha mengawal dan menjaga keselamatan Wilayah di Pantai Utara dan Timur Sabah. Ianya juga akan dapat menampung keperluan untuk penubuhan pasukan simpanan sukarela TLDM di Sandakan yang akan ditubuhkan tidak berapa lama lagi.

**PUSAT PELANCONGAN MINI
ASIA**

52. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau menerima

cadangan dia (Tuan Chian Heng Kai) supaya sebuah pusat pelancongan 'Mini Asia' yang melingkupi contoh bangunan-bangunan terkenal dalam negara-negara Asia didirikan untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong asing datang melancong, jika ya, mana dan bila cadangan ini dilaksanakan; jika tidak, mengapa.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Setakat ini saya belum menerima apa-apa cadangan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Kementerian akan meneliti cadangan tersebut sekiranya dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kerajaan Negeri Melaka sedang melaksanakan satu projek Perkampungan Budaya Mini ASEAN. Projek ini mengandungi rumah-rumah coptoh tradisional utama negara-negara ASEAN. Di samping rumah-rumah tradisional tadi, terdapat juga orang untuk pertunjukan kebudayaan, seni dan kraftangan di projek tersebut. Projek ini akan dilancarkan pada bulan Julai 1988 ini dan pelaksanaannya dijangka siap sepenuhnya pada tahun 1990.

LESEN BOT/PUKAT TUNDA

53. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) berapa banyak lesen pukat tunda di bawah 50 tan yang diberi lesen setakat ini di Kedah;
- (b) adakah Kementerian berca-dang membenar lebih ramai lagi nelayan kecil memiliki lesen pukat tunda di bawah 50 tan di Kedah;
- (c) berapa ramai nelayan kecil pukat tunda bawah 50 tan di-rampas bot dan pukatnya

sejak tahun 1985 hingga Mei, 1988 di negeri Kedah;

- (d) berapa buah bot dari negara lain yang dirampas dan diambil tindakan mencero bohi perairan Kedah sejak 1985 hingga 1987; dan
- (e) apakah tindakan Kementerian kepada nelayan-nelayan asing yang mengutip siput di pantai-pantai Kedah.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):-

- (a) Sebanyak 496 unit lesen bot/perkakas pukat tunda bermuatan di bawah 50 GRT dikeluarkan di negeri Kedah sehingga 31 Disember, 1987.
- (b) Kementerian Pertanian sedang membekukan pengeluaran lesen bot/perkakas menangkap ikan yang baru bagi bot-bot di bawah 70 GRT termasuklah untuk pukat tunda. Tujuan utama adalah untuk memelihara sumber perikanan yang semakin pupus.
- (c) Jumlah bot-bot pukat tunda di bawah 50 GRT (tempatan) yang telah dihukum rampas sejak tahun 1985 sehingga Mei, 1988 di negeri Kedah ialah sebelas (11) semuanya.
- (d) Kedudukan bot asing yang dihukum rampas di negeri Kedah tahun 1985—1988 dan tindakan yang diambil:-
- (e) Nelayan asing yang mengutip siput di pantai-pantai negeri Kedah tanpa kelulusan didakwa di Mahkamah di bawah Seksyen 15(1) (a) Akta Perikanan 1985.

Tahun	Bilangan Kes	Tiada Pelupusan (Di Kompaun/dilepaskan/kes kalah)	Pelupusan Diserah Kepada Agensi Lain	Dijadikan Tukun Tiruan	Kepada projek Taman Laut Jabatan	Dimusnahkan	Dalam proses Perbicaraan Mahkamah
1985	7	4	3	0	0	—	—
1986	28	6	3	—	—	19	—
1987	19	6	4	3	1	—	5
1988	12	—	—	—	—	—	12
Jumlah	66	16	10	3	1	19	17

PULAU SPRATLYS —TUNTUTAN

54. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam bulan Mac 1988, Angkatan Laut China dan Vietnam bertempur di sekitar Pulau Spratlys. Apakah tindakan Malaysia sebagai satu daripada negara yang menuntut hak ke atas pulau-pulau ini pada masa ini, untuk memastikan bahawa haknya terjamin. Adakah Malaysia bersedia menghantar angkatan lautnya juga ke persekitaran pulau-pulau itu. Dan adakah tindakan-tindakan diplomasi melalui mahkamah dunia atau Bangsa-bangsa Bersatu setakat ini membuahkan kejayaan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Malaysia telah menyeru supaya negara-negara terlibat menyelesaikan tuntutan bertindih di kawasan ini melalui rundingan dan bukan secara konfrantasi. Malaysia telah mengambil usaha-usaha diplomatik serta menunjukkan kehadirannya di kawasan-kawasan yang dituntut dengan tujuan mempertahankan kedaulatan negara. Amalan biasa dalam penyelesaian tuntutan-tuntutan bertindih adalah melalui rundingan di antara pihak-pihak yang terlibat. Biasanya hanya jika rundingan tersebut tidak berjaya, tuntutan-tuntutan bertindih akan dirujuk kepada Mahkamah Dunia atau Tribunal Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut, sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Konvensyen tersebut.

KAD PENGENALAN BIRU PALSU

55. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes-kes Mahkamah di Tawau yang melibatkan kad pengenalan biru palsu dalam 5 bulan pertama tahun ini. Tindakan apakah yang sedang diambil untuk menghentikan 'projek' pemalsuan kad pengenalan biru ini. Apakah arahan-arahan khas yang telah diberikan kepada Pejabat Pendaftaran Negara Sabah untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dalam masa 5 bulan pertama tahun ini sebanyak 89 kes kad pengenalan biru palsu telah dikesan dan dihadapkan ke Mahkamah Tawau. Dari semakan yang dibuat terbukti kesemua kad tersebut bukan dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah. Pihak Polis sedang meniasat untuk mengesan orang-orang atau kumpulan orang-orang yang terlibat dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya mengikut undang-undang ke atas mereka.

NILAI RINGGIT

56. Dr. Patau Rubis meminta Menteri Kewangan menyatakan dengan teliti faktor-faktor dan sebab-sebab nilai ringgit kita turun berbanding dengan negara jiran kita Singapura. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil dan yang akan diambil supaya nilai ringgit tidak turun lagi dari paras sekarang.

Tuan Loke Yuen Yow: Jawapan kepada soalan ini telahpun dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini di dalam jawapan kepada soalan-soalan yang sama jenisnya dari Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Hulu Selangor pada 1 Julai dan 4 Julai, 1988.

KETUA HAKIM NEGARA DIGANTUNG JAWATAN

57. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kehakiman menyatakan bidang kehakiman negara kini setelah Tun Salleh Abas, Ketua Hakim Negara digantung jawatannya. Kenapakah jawatan tersebut digantung. Apakah implikasi yang timbul dari penggantungan itu:

- (i) dari segi institusi kehakiman negara;
- (ii) apakah benar kewibawaan institusi negara telah tercemar. Sekiranya benar, apakah langkah-langkah untuk membaikpulih dan mengatasinya.

Dato' Oo Gin Sun: Soalan Ahli Yang Berhormat ini telah saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 27.6.88 ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PELAN INDUK SALIRAN BANDARAYA

58. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan, nampaknya masalah banjir kilat di Kuala Lumpur ini masih belum lagi dapat diatasi. Oleh itu tidakkah ada pihak Kerajaan menyediakan peruntukan khas bagi meluruskan dan membesarkan Sg. Klang yang menjadi masalah besar buat pada masa ini dan begitu juga membaiki longkang-

longkang dan juga pembedung yang kecil diganti dengan yang besar kerana sebab-sebab banjir yang berlaku di Kuala Lumpur adalah disebabkan perkara yang tersebut di atas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed): Kerajaan telah menyediakan satu Pelan Induk Saliran Bandaraya pada tahun 1978, dalam usaha mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan kewangan melalui Jabatan Parit dan Taliair di bawah Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dan Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan.

Di bawah Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, Kerajaan melalui Jabatan Parit dan Taliair telah, sedang dan akan melaksanakan kerja-kerja memperbaiki sungai-sungai yang melibatkan kerja-kerja mendalam dan melebarkan sungai-sungai utama seperti Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak sepanjang 47 km. Setakat ini, kerja-kerja pembaikan yang telah disiapkan adalah seperti berikut:-

- (i) Sungai Kelang — Dari Kuala Sungai Kelang dan Sungai Gombak ke Jambatan Sulaiman sejauh 1.3 km.
- (ii) Sungai Gombak — Dari Kuala Sungai Kelang dan Sungai Gombak ke Jambatan Jalan Tun Razak sepanjang 3.05 km.
- (iii) Sungai Batu — Dari Jambatan Jalan Kolam Air Empat sehingga ke Muara Sungai Gombak sepanjang 1.13 km.

Di bawah Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan, kerja-kerja, memperbaiki Perparitan Bandar telah, sedang dan akan dilaksanakan. Kerja-kerja yang telah dijalankan ialah di Jalan Bangsar, Batu 4½ Jalan Kelang Lama, Jalan Kuchai Lama, Sungai Bunus di Kampung Baru, Sungai Batang Tolak di Kampung Kassipillay, Sungai Anak Batu Culvert dan kolam takungan banjir di Kampus Universiti Malaya, Sungai Keroh di Kepong Baru, Batu 7½ Jalan Sungai Besi dan Sungai Keroh di Taman Sri Segambut. Kerja-kerja mengorek dan membuang lodak juga dijalankan di Sungai Gombak, Sungai Kerayong, Sungai Keroh, Sungai Kelang dan Sungai Batu. Dengan adanya kerja-kerja memperbaiki saliran ini, kawasan-kawasan yang dahulunya mudah dilanda banjir, kini telah dapat diatasi atau dikurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, perbelanjaan yang dijangka terlibat ialah berjumlah \$385,500,000.00 dan jangkaan perbelanjaan di bawah Rancangan Perparitan pula ialah berjumlah \$104,060.000.00.

PANGKALAN TUDM GONG KEDAK

59. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertahanan menyatakan berhubung dengan Pangkalan TUDM Gong Kedak berapa luaskah tanah tapak yang telah diambil. Berapakah kos kerana pengambilan tanah tersebut. Bila tanah tersebut telah diambil dan apakah rancangan Kementerian bagi meneruskan pembangunan pangkalan tersebut.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Luas tanah tapak (yang bermilik) untuk Pangkalan TUDM Gong Kedak yang telah diambil oleh Kementerian Pertahanan ialah 1,591,636.5 ekar.

Jumlah kos pengambilan tanah tersebut ialah \$24,773,583.47.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tarikh diwartakan pengambilan tanah tersebut iaitu pada tahun 1981, manakala tarikh memasuki tanah tersebut ialah pada tahun 1982.

Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan untuk meneruskan projek TUDM Gong Kedak ini tetapi memandangkan masalah kewangan projek ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Insya Allah, apabila keadaan kewangan mengizinkan projek ini akan diteruskan.

DOKTRIN PENGASINGAN KUASA

60. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah jaminan dan pelaksanaan yang wujud di Malaysia dalam memelihara keutuhan dan perimbangan pembahagian kuasa (seperation of power) di antara bidang legislatif, eksekutif dan judikatif.

Dato' Oo Gin Sun: Fahaman atau doktrin pengasingan kuasa sememangnya wujud di negara ini-sejak kita merdeka, dan adalah diamalkan hingga ke hari ini. Kerajaan tetap mengiktirafkan fahaman atau doktrin itu sebagai sesuatu yang penting untuk menjamin kemakmuran dan kestabilan negara dan Kerajaan akan sentiasa mengawasi supaya ianya tidak dicabuli.

APARTHEID REGIM AFRIKA SELATAN

61. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi membangkang perkauman Apartheid regim Afrika Selatan;

- (ii) kenapakah syarikat-syarikat multi-nasional yang mempunyai pelaburan, secara langsung atau melalui subsidiari-subsidiari di Afrika Selatan dan dengan ini membantu dan menyokong Apartheid adalah dibenarkan beroperasi dengan bebasnya dalam negara ini.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Dasar Malaysia yang menentang Apartheid di Afrika Selatan bukanlah satu dasar yang baru. Malaysia telahpun mula membantah dasar Apartheid tersebut semenjak tahun-tahun 60an dan telahpun memainkan peranan yang penting di mesyuarat-mesyuarat dan jawatankuasa-jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, Persidangan Negara-Negara Islam dan Komanwel bukan sahaja dalam usahanya membantah dasar Apartheid bahkan juga bagi mendesak masyarakat antarabangsa supaya mengenakan sekatan-sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan. Ini bertujuan untuk memaksa regim minoriti kulit putih menghapuskan dasar Apartheidnya dan memberikan hak-hak asasi manusia dan hak politik yang sama kepada orang-orang kulit hitam Afrika Selatan. Usaha-usaha Kerajaan kita ini akan diteruskan.

Pada masa kini negara kita turut serta di dalam Tabung AFRICA yang ditubuhkan di bawah naungan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali pada tahun 1986, dengan tujuan membantu negara-negara yang bersempadan dengan Afrika Selatan bagi mengurangkan pergantungan masing-masing ke atas infrastruktur ekonomi Afrika Selatan. Dalam usaha ini, Kerajaan kita memberi bantuan teknik bernilai US \$2 juta di dalam bidang-bidang yang memerlukan bantuan.

Malaysia tidak mempunyai apa-apa perhubungan dengan Afrika Selatan, sama ada politik ataupun ekonomi,

selain daripada hubungan sosial dengan orang-orang bukan kulit putih dalam rangka dasar menentang Apartheid negara tersebut. Dasar ini dikawal rapi dengan undang-undang negara kita. Dalam konteks ini, syarikat-syarikat multi-nasional kita tidak dibenarkan melaburkan di Afrika Selatan dan sebaliknya.

Operasi subsidiari syarikat-syarikat multi-nasional dari luar negeri di Malaysia adalah berasingan dari operasi subsidiari-subsidiari mereka di negara-negara lain, termasuk di Afrika Selatan. Kerajaan kita sentiasa berhati-hati supaya subsidiari syarikat-syarikat tersebut di Malaysia tidak mempunyai sebarang pertalian dengan subsidiari-subsidiari di Afrika Selatan. Oleh hal yang demikian, soal sama ada subsidiari-subsidiari di Afrika Selatan itu membantu dan menyokong Apartheid tidaklah berbangkit.

PEJABAT POS MINI DI ULU YAM BARU

62. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah perkhidmatan Mini-Pos di Ulu Yam Baru di Hulu Selangor akan dimulakan.

Tuan Ong Tin Kim: Perkhidmatan Pejabat Pos Mini di Ulu Yam Baru Ulu Selangor dijangka dibuka pada bulan September 1988. Pada masa ini Jabatan Pos sedang memilih wakil dan tempat yang sesuai untuk penubuhan Pejabat Pos Mini berkaitan:

PROGRAM BELIA BERKELIARAN DI KOMPLEKS BELI BELAH

63. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) apakah persediaan dan usaha Kementerian Belia dan Sukan

terhadap belia-belia lepasan sekolah yang mundur mandir tidak keruan di kompleks-kompleks membeli-belah yang boleh menimbulkan berbagai rasa curiga kepada pelawat-pelawat dan orang-orang tempatan;

- (b) adakah Kompleks Belia yang baru di Cheras itu telah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun. Jika ia berapakah nilainya. Apakah program-program latihan kursus-kursus jangka panjang dan pendek yang disediakan untuk belia-belia dan beliawanis-beliawanis; dan
- (c) adakah kesemua rancangan-rancangan dan program-program yang telah disusun itu diumumkan dan disebar dengan seluas-luasnya melalui media massa dan lain-lain bagi menarik belia-belia menyertai semua kegiatan yang disediakan dengan lebih berkesan.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Kementerian Belia dan Sukan telahpun melancarkan satu program untuk para belia lepasan sekolah yang mundur mandir di kompleks-kompleks membeli belah yang dinamakan Program Belia Berkeliaran di Kompleks Beli Belah pada tahun 1987. Dua kompleks beli belah telah dipilih iaitu Kompleks Beli Belah di Sg. Wang Plaza dan Dayabumi.

Sebuah Pusat Penerangan telah diwujudkan di Dayabumi bagi mendapat maklumbalas daripada para belia mengenai apa juga bidang kegiatan yang mereka ingin ceburi. Hasil

maklumbalas tersebut, beberapa kegiatan telah dikenalpasti untuk dilaksanakan. Beberapa kursus dan kegiatan rekreasi luar juga telah dijalankan sepanjang tahun 1987 dan 1988. Antaranya ialah:

- (i) Kursus Kepimpinan Dakwah
- (ii) Kursus Kesedaran sendiri (Kenal Diri)
- (iii) Kem Musim Cuti
- (iv) Pengembaraan Bermotosikal
- (v) Kelas Melukis
- (vi) Kelas Seni Muzik
- (vii) Latihan Seni Silat
- (viii) Kursus Penerangan Asas Kepimpinan

Segala aktiviti tersebut dijalankan melalui kelab-kelab berikut:-

- (i) Kelab Sukan dan Rekreasi
 - (ii) Kelab Seni
 - (iii) Kelab Kraftangan dan Ekonomi
- (b) Bangunan baru di Cheras yang dimaksudkan itu ialah Pusat Belia Antarabangsa yang dibina dengan sumbangan sepenuhnya oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Kampo Harada, seorang dermawan dan penulis khat Jepun yang terkenal. Sumbangan beliau disalurkan melalui "Japan Calligraphy Education Foundation" kepada Yayasan Pusat Belia Antarabangsa yang bertanggungjawab

ke atas pembinaan dan pentadbiran Pusat tersebut. Harga pembinaan bangunan tersebut termasuk segala peralatan dan kemudahan ialah 13 juta ringgit.

Pusat Belia Antarabangsa masih belum ada programnya sendiri untuk belia dan belia-wanis. Pusat ini hanya menyediakan kemudahan-kemudahan untuk program-program latihan yang dikendalikan oleh berbagai agensi, seperti asrama untuk 240 orang, dewan besar yang boleh mengisi 600 orang, bilik-bilik mesyuarat, bengkel dan kuliah serta gimnasium. Di samping itu Pusat ini juga menempatkan Pejabat-pejabat Majlis Belia Malaysia (MBM), Asian Youth Council (AYC), Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO) dan Committee on Asean Youth Cooperation (CAYC).

- (c) Saya kurang jelas mengenai aspek pertanyaan ini. Jika yang dimaksudkan itu ialah program-program Kementerian, maka kesemua rancangan dan aktiviti memang telah diumumkan dan disebarkan seluas-luasnya melalui media massa (RTM, akhbar dan majalah) dan juga Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Daerah serta Pertubuhan-pertubuhan Belia peringkat kebangsaan dan negeri.

PERTANYAAN TANPA NOTIS

3.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 22 (1) iaitu untuk menyampaikan satu pertanyaan tanpa notis atas satu perkara yang hendak disegerakan dan ada kena mengena dengan perkara kepentingan orang

ramai. Soalan saya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat diminta duduk sekejap. Mengikut Peraturan 22 (1) apa-apa pertanyaan yang pada pendapat Yang Berhormat hendak disegerakan hendaklah disampaikan kepada saya dengan secara bertulis. Kemudian saya akan timbangkan dan kalau perkara ini mustahak, baru saya benarkan. Tidak boleh dikeluarkan pertanyaan tanpa notis kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Lam Thye: Interpretasi ini ialah "Sesuatu" kalau saya boleh menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengenai Peraturan Mesyuarat 22 (1): "Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tidak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu kecuali jika ada timbangan Tuan Yang di-Pertua pertanyaan ini hendaklah disegerakan dan ada kena mengena dengan perkara kepentingan orang ramai....."

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu betul Yang Berhormat. Sila duduk! Seharusnya Yang Berhormat menulis surat kepada saya dan saya perlu perhatikan sama ada soalan itu boleh disegerakan dan ada kepentingan orang ramai. Kemudian saya boleh membenarkan Yang Berhormat bertanya. Jadi, saya tidak tahu apa pertanyaan itu; masa diberi kepada Yang Berhormat untuk menulis.

Tuan Lee Lam Thye: Jadi sekarang saya boleh memberitahu, saya akan membuat pertanyaan ini dan Tuan Yang di-Pertua boleh membuat satu keputusan sama ada perkara itu adalah yang hendak disegerakan dan sama ada ini ada kena mengena dengan perkara kepentingan orang ramai. Biar saya menyampaikan terlebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat diminta duduk. Saya buat keputusan tidak membenarkan. Yang Berhormat bolehlah membawa sekiranya ada apa-apa perkara yang perlu disegerakan kepentingan orang ramai di bawah peraturan-peraturan lain.

Teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb. Julai, 1988)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong khusus mengenai rasuah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala permohonan-permohonan permit kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan adalah diluluskan seperti temuduga oleh Lembaga. Permohonan-permohonan adalah ditentukan kelulusannya melalui proses pertimbangan ahli Lembaga temuduga dan setiap permohonan adalah diteliti dari segi fakta-fakta yang penting, misalnya dari segi modal, pengalaman, kekosongan, keperluan dan kuota.

Di samping itu juga bukti-bukti mengenai keperluan seperti kontrak-kontrak yang telah ditandatangani dengan pembekal-pembekal dan sebagainya adalah perlu juga diutarakan semasa menghadiri temuduga.

Oleh sebab keputusan memberikan kelulusan permit-permit ini adalah dibuat oleh Lembaga Temuduga, maka pegawai-pegawai tidaklah terlibat di dalam membuat keputusan sama ada permit-permit itu diberikan ataupun ditolak kepada pemohon-pemohon. Dengan sebab itu tuduhan yang kononnya berlaku rasuah di kalangan pegawai-pegawai adalah satu tuduhan yang memerlukan bukti dan dalil-dalil yang jelas dan terang. Sekiranya pihak Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti, saya mencadangkan supaya dapat berhubung dengan Badan Pencegah Rasuah ataupun kepada saya sendiri ataupun Kementerian supaya dapatlah tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Rasuah ini memang tidak boleh dapat dielakkan kerana rasuah berlaku di atas kehendak dua pihak — yang memberi dan yang menerima. Untuk menghapuskan rasuah, adalah perlu bagi setiap orang bertanggungjawab dan jangan memberi dan jangan menerima. Setiap individu mestilah mempunyai maruah diri dan malu kepada diri sendiri, takut kepada seksaan Allah kerana rasuah ini adalah satu perkara yang sangat jijik dan kotor bukan sahaja dari segi prinsip hidup tetapi juga daripada tuntutan agama kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan perkara supaya permit-permit jangan diberi dengan sewenang-wenangnya. Sememangnya ini menjadi perkara yang sangat diteliti oleh pihak Kementerian, khususnya Lembaga, kerana pada masa ini pun banyak permit-permit yang telah dibekukan.

Untuk makluman Dewan yang mulia

ini, permit-permit bas mini, permit-permit bas ekspres, permit-permit teksi untuk beberapa kawasan seperti di Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan, di Petaling Jaya, juga di negeri Perlis, di negeri Melaka dan di Johor Bahru, masih lagi dibekukan kerana memandangkan keperluan-keperluan untuk permit-permit itu telahpun melebihi had yang diperlukan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa membuat kajian-kajian untuk menentukan supaya keperluan orang ramai, keperluan penumpang-penumpang tidak diabaikan. Dengan sebab itulah pihak Kementerian, khususnya Lembaga, sedang mengkaji suatu keperluan dan kemungkinan meluluskannya iaitu cadangan untuk menyeragamkan tambang-tambang teksi bagi kawasan Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Di samping menyeragamkan tambang-tambang teksi ini mengikut sektor-sektor yang ditentukan, ia juga menentukan supaya teksi-teksi ini beroperasi di dalam tiga kawasan ini. Kerana di masa-masa yang lampau didapati teksi-teksi Kuala Lumpur tidak dapat membawa penumpang-penumpang yang mahu pergi ke Petaling Jaya ataupun ke Shah Alam walaupun dalam keadaan-keadaan di mana ianya perlu berbuat demikian. Memandangkan kita mahu mempertingkatkan servis teksi Wilayah Persekutuan dan juga teksi Petaling Jaya dan Shah Alam bersesuaian dengan Kerajaan kita mempertingkatkan pelancongan, maka kita akan menyatukan kawasan-kawasan operasi teksi Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dan Shah Alam dan kita akan memperluaskan sekitaran jarak operasi ini dalam lingkungan radius 20 kilometer iaitu ke kawasan Sungai Buloh di sebelah barat, dan kawasan Mimaland dan Batu 12 Orang Asli di kawasan timur dan ke Shah Alam meliputi kawasan perindustrian HICOM manakala ke selatan sampai ke Serdang dan Puchong, dan ke Cheras

sampai ke Pusat Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Cheras.

Dengan wujudnya penyelarasan kawasan-kawasan operasi ini, diharapkan penumpang-penumpang dan juga pengusaha-pengusaha teksi tidak lagi menghadapi kesulitan bertengkar dan bergaduh dengan penumpang dan sebagainya. Diharapkan juga pemandu-pemandu akan menggunakan peluang ini untuk mempertingkatkan servis mereka dan memberikan tanggungjawab yang penuh terhadap keperluan penumpang-penumpang.

Selain daripada cadangan menyeragamkan tambang teksi dan memperluaskan kawasan operasi ini, Lembaga juga akan menyeragamkan supaya kesemua permit-permit teksi di dalam tiga sektor ini mempunyai lesen permit 'bulat' sahaja iaitu lebih terkenal dengan permit dalam bandar dan menggunakan meter. Kepada pemegang-pemegang permit 'empat segi' iaitu yang beroperasi di dalam bandar dan luar bandar, mereka akan diberikan pilihan sama ada mahu menjadikan permit itu kepada permit bulat ataupun meneruskan perमितnya sebagai permit beroperasi di antara bandar dan kawasan luar bandar. Operasi untuk.....

Tuan Hu Sepang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Hu Sepang: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup bilangan — tidak cukup quorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha, bilang. 25 orang, kurang 1. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 30 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah ada 30 orang. Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, operasi untuk mensekukan tambang-tambang dan memperluaskan sektor-sektor ini akan juga diperluaskan ke kawasan-kawasan Bandaraya Pulau Pinang, Ipoh dan Perbandaran Johor Bahru.

Diharapkan pihak tertentu akan dapat menerima hakikat yang operasi teksi ini sentiasa perlu dipertingkatkan dan diperbaiki demi untuk keselesaan penumpang dan orang ramai.

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat minta penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penyelarasan tambang yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah kajian dibuat setiap tahun ataupun sepanjang masa untuk menentukan bilangan permit yang sesuai dengan keadaan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bekemampuan untuk membuat kajian pada setiap tahun akan kita buat, tetapi malangnya kita mempunyai tenaga yang terhad, tenaga yang tidak cukup untuk membuat kajian sepanjang masa.

Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita telahpun membuat beberapa kajian dari segi misalnya kajian operasi lori tanker, keperluan lori tanker di seluruh negara, kemudian kita telah juga membuat kajian mengenai teksi-teksi Wilayah

Persekutuan. Kajian juga dibuat untuk kadar tambang dan keperluan pengangkutan di Langkawi dan sekarang ini Lembaga sedang membuat kajian mengenai keperluan bas-bas mini di Wilayah Persekutuan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, kemungkinan besar dari kajian yang kita telah buat mengenai keperluan teksi di Wilayah Persekutuan dan juga berdasarkan kepada penyelarasan kawasan-kawasan Petaling Jaya, Shah Alam dan Kuala Lumpur ini dan juga dengan memperluaskan radius operasi itu, mungkin kita akan menambah pemberian permit teksi di dalam wilayah-wilayah berkenaan.

Walau bagaimanapun, pengumuman yang dibuat kelak bolehlah diteliti oleh pihak-pihak yang berminat untuk mendapatkan permit tersebut.

Kajian bas mini ini kita fikir perlu memandangkan kepada pertambahan penduduk di kawasan-kawasan Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam. Di samping itu juga kita memikirkan jalan-jalan yang telah bertambah di samping keperluan yang meningkat disebabkan adanya kawasan-kawasan perumahan yang ada sekarang ini tidak mendapat perkhidmatan bas, khususnya bas mini dan sebagainya.

Apa yang paling penting sekali ialah sebelum kita memberikan kelulusan permit bas mini, kita mahukan setiap pengusaha bas mini itu terdiri daripada mereka yang betul-betul berminat membuat operasi bas mini, bertanggungjawab tentang keselesaan penumpang dan menentukan pemandu-pemandu mereka juga terdiri daripada mereka yang bertimbang rasa, bertanggungjawab di samping tidak mengabaikan tugas yang boleh menyusahkan pengguna-pengguna kenderaan-kenderaan lain di kawasan-kawasan yang berkenaan. Setiap kali kita menerima aduan daripada pihak orang ramai mengenai ketidaksopanan

pemandu-pemandu bas mini, kita telahpun melihat gelagat mereka yang tidak bertanggungjawab itu berhenti di persimpangan jalan yang sepatutnya mereka tidak boleh berhenti, berhenti di tempat-tempat yang mana line kuning yang ditunjukkan, bahkan mereka telah diberi tempat-tempat yang tertentu untuk berhenti.

Yang jelas di samping mereka, pemandu-pemandu itu tidak bertanggungjawab, saya juga menyeru dan menyarankan kepada pihak pengguna supaya jangan menanti atau menunggu bas mini di kawasan-kawasan yang berbahaya seperti di lingkungan-lingkungan, corner ataupun di tempat di mana kesesakan lalu lintas berlaku kerana mereka seolah-olah mementingkan diri sendiri tetapi mereka juga menyusahkan pihak lain dan membahayakan perjalanan kenderaan-kenderaan lain dan mungkin boleh berlaku accident, kecederaan kepada orang ramai.

Saya menyeru kepada semua pihak supaya memikirkan dengan sedalam-dalamnya kepentingan orang ramai sebelum mereka mementingkan kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, penyeliaan pihak JPJ dan Polis sentiasa diperolehi oleh pihak Lembaga. Mengenai aduan-aduan yang telah dibuat oleh orang ramai mengenai bas mini yang lebih muatan dan dibawa dengan laju dan sebagainya itu akan hanya dapat kita ambil tindakan di dalam operasi yang dilakukan oleh pihak JPJ dan Polis. Disebabkan kemampuan pihak JPJ dan Polis adalah terhad, kerana adanya kesalahan berlaku di sepanjang masa, maka tidak mungkin operasi itu boleh dilakukan di sepanjang masa. Maka kerjasama orang ramai juga diperlukan untuk menentukan supaya mereka yang telah membuat kesalahan itu diambil tindakan. Dan saya suka menyarankan pihak orang ramai boleh membuat aduan dan pihak Kementerian dan Lem-

baga akan membuat siasatan supaya tindakan-tindakan boleh diambil. Kita akan membuat operasi, insya Allah, secara besar-besaran bersama dengan pihak Polis dan JPJ daripada satu masa ke satu masa supaya orang ramai boleh menikmati keselesaan operasi-operasi bas mini dan teksi itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh teksi dan bas mini itu, juga kesalahan dibuat oleh bas kilang dan bas pelancongan. Sebenarnya, dahulu pun kita menghadapi masalah bas-bas sekolah diperalatkan, disalahgunakan sebagai bas ekspres tetapi sekarang Al-Hamdulillah selepas bas sekolah ditukarkan warnanya, menjadikan pinang tua, nampaknya malu dan seganlah orang ramai hendak menaiki bas sekolah sebagai bas ekspres dan sebab itu kurangnya bas sekolah digunakan sebagai bas ekspres.

Kita memikirkan sekiranya perlu dan ianya boleh menghalang bas-bas itu dijadikan bas ekspres, mungkin juga bas-bas kilang akan kita seragamkan warnanya, mungkin warna yang boleh menyebabkan orang berasa malu untuk menaiki bas kilang, misalnya warna hitam dan sebagainya, satu deterrent, suatu penghalang untuk orang ramai tidak menaiki bas kilang digunakan sebagai bas ekspres.

Tuan Gerard Math Lee Min:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada Ahli minta penjelasan.

Tuan Gerard Math Lee Min: Bukan. Tidak ada quram.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bilang Setiausaha. Tidak cukup lagi — 25. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 30 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah ada 30. Boleh teruskan Yang Berhormat.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya mendapat perhatian daripada Ahli-ahli DAP.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah bas-bas kilang dan bas-bas pelancongan ini sentiasa digunakan untuk perkhidmatan bas ekspres haram, maka pihak Lembaga dari Kementerian akan bertindak untuk menentukan supaya deterrent ini akan dibuat termasuklah memikirkan sama ada penyeragaman warna bas-bas kilang dan bas pelancongan ini boleh mengurangkan penggunaan bas ini sebagai bas ekspres haram kerana kita dapati bas-bas kilang dan bas-bas pelancongan yang sepatutnya digunakan khusus sebagai kilang dan bas pelancongan kerap kali juga digunakan sebagai bas ekspres haram. Ini menyulitkan pengusaha-pengusaha bas-bas ekspres sendiri dan disebabkan kerana bas-bas kilang ini tidak mempunyai insuran yang tertentu untuk membawa passengers atau penumpang-penumpang maka sekiranya bas-bas ini terlibat dengan sesuatu kemalangan, maka mereka yang menumpang di dalam bas-bas tersebut tidak akan mendapat pampasan yang sepatut dan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh mengenai kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi berat muatan. Ini memang menjadi satu perkara yang lumrah kepada pengusaha-pengusaha

kenderaan-kenderaan perdagangan kerana seperti yang kita maklum, walaupun kita telah menghadkan berat kenderaan setakat 22,000 kilogram, tetapi kita percaya banyak jugalah mereka yang telah menggunakan had-had yang lebih tinggi daripada itu. Sebab itu kita berpendapat kajian-kajian untuk menambah berat kenderaan seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal itu memerlukan kajian-kajian yang terperinci kerana sekarang ini kita tahu kebanyakan kenderaan-kenderaan sebenarnya membawa muatan-muatan yang lebih berat daripada muatan yang telah pun diluluskan.

Mengenai pengusaha-pengusaha yang menggunakan jalanraya dengan tidak mematuhi undang-undang, inipun juga memerlukan penyeliaan dan operasi-operasi untuk menentukan supaya mereka ini patuh kepada undang-undang. Inipun kita sentiasa buat dan pihak polis sentiasa mengambil tindakan di mana mereka telahpun berjaya dalam operasi-operasi tetapi di dalam banyak masa kita dapati pengusaha-pengusaha lori ini ataupun pemandu-pemandu lori ini sentiasa bermaufakat di antara satu pihak dengan satu pihak, iaitu sekiranya ada operasi-operasi yang dibuat oleh pihak polis atau JPJ, maka kita pastilah akan melihat bagaimana pemandu-pemandu lori yang akan berpakat sesama mereka dengan menghidupkan lampu-lampu untuk memberitahu kepada rakan-rakan mereka iaitu satu operasi sedang dijalankan di hadapan sana iaitu operasi yang dilaksanakan oleh polis atau JPJ. Dengan demikian banyaklah lori-lori yang telah membuat kesalahan-kesalahan dan menyalahi undang-undang ini berhenti di tepi-tepi jalan atau di bahu-bahu jalan. Sebab itulah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh itu sentiasa berlaku.

Walau bagaimanapun, saya percaya

pihak Lembaga Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun meminda undang-undang untuk memberikan kuasa kepada pihak polis dan pihak JPJ membuat pemeriksaan juga kepada lori-lori yang berhenti di bahu-bahu jalan. Sebelum ini peruntukan undang-undang tidak ada untuk memeriksa kenderaan-kenderaan yang berhenti di bahu-bahu jalan ini tetapi saya percaya perkara ini telah pun diluluskan di dalam pindaan Undang-undang Jalanraya 1987.

Mengenai kenderaan-kenderaan berat masuk ke dalam kampung merosakkan jalan bertaraf 'C', saya suka menyarankan kepada penduduk-penduduk kampung yang terlibat berunding dengan pihak JKR Daerah untuk mendapatkan kebenaran memasang palang-palang di jalan-jalan kampung bertaraf 'C' ini dan palang-palang ini bolehlah dikunci. Dengan sebab itu lori-lori yang berat dan tinggi tidak mungkin boleh lalu dan menggunakan jalan-jalan ini. Ini dapat dilakukan dengan cara efektif di mana pihak Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Ketua Kampung telahpun mendapat kebenaran daripada pihak JKR dan sekiranya lori-lori yang kampung, ini mereka mestilah mendapat kelulusan dahulu daripada Jawatankuasa Kampung atau Ketua Kampung. Dalam keadaan-keadaan tertentu, pihak-pihak pengusaha lori ini kadangkala membuat bayaran untuk menentukan segala kerosakan-kerosakan jalan 'C' ini akan dibantu melalui kutipan-kutipan yang dibayar oleh mereka kepada pihak-pihak kampung.

Mengenai kenderaan-kenderaan berat yang tidak menggunakan lampu-lampu isyarat amaran, ini juga memang menjadi satu kesalahan dan boleh diambil tindakan dan pihak JPJ dan polis akan sentiasa memperhati keadaan ini. Walau bagaimanapun orang ramai juga diseru supaya dapat memberi laporan-laporan dan aduan-aduan supaya tindakan boleh dibuat.

Mengenai kenderaan-kenderaan perdagangan yang membawa binatang-binatang yang mengotorkan jalan-jalan, misalnya, najis-najis yang jatuh ke-jalanraya, sebenarnya kenderaan-kenderaan ini sekarang ini di bawah peruntukan baru Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan memerlukan kenderaan-kenderaan yang khas yang mana ianya memerlukan ditutup daripada penglihatan orang ramai dan menentukan juga najis-najis itu tidak jatuh ke jalanraya dengan dikumpulkan ke satu tempat di dalam bahagian lori-lori atau kenderaan-kenderaan yang berkenaan. Sebab itulah kita menjamin sekarang ini kenderaan-kenderaan yang membawa haiwan tidak lagi akan mengotorkan jalanraya di samping menjatuhkan najis-najis yang boleh menyebabkan orang ramai merasa tidak puas hati dengan keadaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya telahpun menjawab hampir keseluruhan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepada soalan-soalan atau perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah tidak dapat saya jawab dengan jelas, saya akan cuba mengambil perhatian dan mengambil tindakan sekiranya ianya boleh dilaksanakan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang positif dan boleh dilaksanakan, saya bagi pihak Kementerian dan Lembaga mengucapkan terbanyak terima kasih dan saya harap kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat diberikan sentiasa kepada pihak Kementerian dan Lembaga. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KOKO MALAYSIA (PEMERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.11 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr. Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, industri koko Malaysia sedang berkembang dengan pesatnya sejak beberapa tahun kebelakangan ini, memandangkan kepada perkembangan ini koko telah menjadi salah satu tanaman yang akan dimajukan selaras dengan peranannya sebagai tanaman eksport ketiga bagi Malaysia iaitu selepas getah dan kelapa sawit.

Industri ini telah dikenal pasti sebagai mempunyai potensi yang luas bagi sumber pendapatan eksport dan penanamannya secara besar-besaran akan dijalankan untuk menentukan

kecekapan pengeluaran dan mutu keluaran.

Kemajuan yang pesat di dalam industri ini dapat dilihat kepada perkembangan yang pesat kawasan yang ditanam dengan koko di samping pendekatan pengeluaran dan eksport biji koko. Daripada keluasan sebanyak 48,480 hektar dalam tahun 1977, kawasan tanaman koko telah bertambah kepada 341,000 hektar dalam tahun 1987, manakala pengeluaran biji-biji koko meningkat daripada 16,700 tan metrik dalam tahun 1977 kepada 185,000 tan metrik dalam tahun 1987.

Pendapatan eksport dari biji koko juga telah meningkat daripada \$134 juta dalam tahun 1977 kepada \$684 juta dalam tahun 1987. Ini telah menjadikannya sebagai tanaman eksport ketiga pentingnya selepas getah dan kelapa sawit. Pengeluaran koko Malaysia merupakan 1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) dalam tahun 1987, manakala pendapatan eksport biji-biji koko dan keluaran koko dianggarkan berjumlah \$863.7 juta yang merupakan 2% daripada jumlah pendapatan tukaran wang luar negara.

Kepentingan industri ini juga dapat dilihat kepada peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan, terutama di kawasan luar bandar. Dalam tahun 1987 seramai 48,000 orang termasuk buruh-buruh kontrak, pekerja di ladang-ladang koko dan sebahagian daripada 100,000 isi rumah bergantung sara hidup kepada tanaman koko sebagai satu punca pendapatan mereka. Perkembangan ini juga adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memperbagaikan sektor pertanian negara di samping dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar.

Berdasarkan jumlah pengeluaran kira-kira 185,000 tan metrik dalam

tahun 1987, Malaysia telah muncul sebagai negara pengeluar koko yang keempat terbesar di dunia selepas negara Ivory Coast yang mengeluarkan 595,000 tan metrik, Brazil sebanyak 357,600 tan metrik dan Ghana 228,000 tan metrik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun industri koko Malaysia, telah mencapai kemajuan yang baik, namun kita masih menghadapi beberapa masalah. Antara masalah yang dihadapi ialah seperti berikut:-

Koko Malaysia mempunyai beberapa kekurangan terutama dari segi mutu berikutan dari kandungan asid tinggi, saiz biji tidak seragam, masalah bilangan kiraan biji (bean count) dengan izin, serta lain-lain masalah yang menyebabkan koko Malaysia pada kebiasaannya dijual pada harga diskaun di pasaran antarabangsa.

Dengan itu adalah penting untuk menentukan supaya mutu koko Malaysia diperbaiki lagi agar setanding, malah lebih bermutu dari koko keluaran negara-negara lain.

Pada masa ini industri koko mudah dilanda serangan penyakit serangga dan perosak (pest) yang memerlukan pengawalan serta pengawasan rapi dan dengan itu tumpuan harus diberikan ke arah menyelesaikan masalah ini di samping usaha-usaha bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan industri.

Pasaran koko dunia masa kini adalah lembab kerana berlakunya surplus di dalam bekalan koko dunia dan seterusnya menyebabkan kejatuhan harga bagi komoditi ini. Keadaan ini secara langsung telah mengakibatkan kejatuhan harga biji-biji koko tempatan ke tahap yang agak membimbangkan. Purata harga koko antarabangsa di London Terminal Market pada tahun 1985 adalah pada tahap £ 2,030 (M\$6,511) setan menurun kepada £1,313

(M\$5,423) setan pada tahun 1987.

Di pasaran tempatan purata harga koko adalah pada paras \$6,760 setan pada tahun 1985 menurun kepada \$4,322 setan pada tahun 1987. Harga koko di pasaran London pada masa ini adalah dalam lingkungan £ 1,050 (\$4,800) dan di pasaran tempatan ialah dalam lingkungan \$3,000 setan. Oleh yang demikian, menyedari masalah-masalah inilah maka Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan sebagai agensi khusus untuk memberikan dorongan dan pimpinan ke arah satu pendekatan yang lebih teratur dari segi kemajuan masa depan industri ini di dalam berbagai aspek.

Sebenarnya pada masa ini sudah terdapat agensi-agensi yang terlibat dengan pembangunan industri koko, iaitu Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang menjalankan penyelidikan mengenai koko bersama-sama dengan lain-lain tanaman dan Stesen Penyelidikan Koko Quoin Hill di Sabah, manakala Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula membantu penanam koko dari segi pemasaran, di samping menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pengeringan biji koko basah, menggred biji-biji koko dan pengeluaran sijil bagi biji-biji koko untuk dieksport. Memandangkan badan-badan tersebut, iaitu MARDI dan FAMA juga bertanggungjawab ke atas lain-lain tanaman dan aktiviti dan menyedari terhadap industri koko, maka Kerajaan berpendapat sebuah badan khusus yang bertanggungjawab ke atas segala aspek pembangunan industri koko perlu ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Koko Malaysia (LKM) dicadangkan ditubuhkan supaya ianya dapat memberikan satu fokus kebangsaan dan pendekatan pembangunan yang selaras dan bersepadu (integrated approach) yang merangkumi fungsi-fungsi

penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemasaran dan pengawalan, peng-gredan, pendaftaran, pelesenan dan per-sijilan. Kesemua fungsi ini diberikan kepada LKM oleh kerana industri koko Malaysia buat masa ini belum cukup besar untuk membolehkan penubuhan satu badan yang berasingan bagi men-jalankan fungsi-fungsi dan tanggung-jawab yang berkaitan dengan pendaf-taran, pelesenan dan galakan pasaran, di samping bertujuan untuk men-jimatkan tenaga kerja dan keperluan kewangan.

Berhubung dengan fungsi penye-lidikan, Kerajaan telah menelitinya dengan mendalam terutamanya aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI pada masa ini. Meman-dangkan penyelidikan koko yang di-jalankan oleh MARDI pada masa ini adalah saling kait-mengait dengan beberapa tanaman yang tidak boleh dipisahkan, maka Kerajaan memutuskan bahawa penyelidikan mengenai koko dan tanaman-tanaman selingan, iaitu kelapa dan koko yang berkaitan dengan pekebun kecil yang sedia dijalankan oleh MARDI pada masa ini terus dikekalkan di bawah tanggungjawab MARDI. Ini adalah ber-tujuan untuk mengelakkan aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI pada masa ini terjejas. Namun demikian, Lembaga Koko Malaysia adalah bertanggungjawab bagi menen-tukan supaya segala aspek penyelidikan mengenai koko dijalankan dengan teratur dan berkesan, terutamanya penyelidikan adalah satu fungsi yang penting jika keluaran koko Malaysia hendak mencapai tahap yang mampu bertanding di pasaran antarabangsa.

Penyelidikan yang dimaksudkan ber-tujuan untuk menentukan kecekapan in-dustri koko melalui peningkatan pro-duktiviti dan pengurangan kos pengeluaran, termasuk menambahkan hasil pengeluaran dan meningkatkan mutu biji-biji koko. Di antara aspek-aspek penyelidikan yang terlibat adalah

mengenai pembiakan penyelidikan biologi dan agronomi kawalan penyakit-penyakit koko dan serangga-serangga perosak, pemerosesan dan pengeringan biji-biji koko, penyelidikan penggunaan akhir (end-use) serta khidmat nasihat kepada pengeluar dan pemerosesan terutamanya mengenai pelaksanaan inovasi dan penemuan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pen-daftaran dan pelesenan akan dapat mewujudkan amalan dan kemajuan in-dustri dengan lebih teratur, di samping dapat mewujudkan satu sistem mengumpul maklumat dan risikan pasaran yang dapat membantu di dalam merangka dasar-dasar dan program un-tuk kemajuan industri ini. Dari segi pemasaran pula, memandangkan pengeluaran koko Malaysia semakin meningkat dan keadaan pasaran yang mencabar, kita perlu mengadakan strategi-strategi dan program-program untuk menambah syor pasaran di pasaran-pasaran tradisi seperti Amerika Syarikat, Eropah dan USSR, di sam-ping menembusi pasaran-pasaran baru di negara yang pesat membangun di Timur Jauh di mana prospek bagi meningkat lagi penggunaan koko adalah berpotensi.

Dalam hubungan ini, Malaysia terletak di tempat yang strategik bagi mengambil peluang meningkatkan eksport koko di pasaran tersebut. Di samping itu, langkah-langkah galakan pasaran juga memerlukan sokongan dan nasihat mengenai aspek-aspek teknikal untuk menghadapi sesuatu masalah, terutamanya mengenai kegunaan koko Malaysia dan penubuhan Lembaga Koko Malaysia amat bertepatan sekali kerana fungsinya merangkumi berbagai aspek, iaitu galakan pasaran dan sokongan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha-usaha ke arah galakan pasaran dan menjamin mutu koko Malaysia, kita juga perlu menentukan supaya peraturan-peraturan kontrak jualan

koko dari Malaysia diperkemas supaya Malaysia diterima sebagai sumber koko yang dipercayai (reliable supplier).

Berhubung dengan sumber kewangan Lembaga, beberapa sumber telah dikenalpasti bagi Lembaga menjalankan aktiviti-aktivitinya, termasuk sumbangannya dari Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan-kerajaan Negeri, pinjaman, hasil dari pelaburan, bayaran komisen, yuran dan sebagainya selain dari kutipan denda. Dari segi jangka panjang, sumber utama kewangan Lembaga adalah daripada pungutan ses ke atas koko dari Malaysia.

Walau bagaimanapun, memandang kejatuhan harga koko dan keadaan pasaran yang lembab pada masa ini, pelaksanaan kutipan ses dicadangkan ditangguhkan buat masa sementara waktu. Oleh itu Kerajaan dikehendaki memberi bantuan kewangan yang mencukupi untuk Lembaga memula dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga ada memperuntukkan penyertaan dan penglibatan pihak industri koko dalam kegiatan penyelidikan LKM menerusi perlantikan ahli dalam Jemaah Lembaga LKM. Penglibatan secara langsung pihak industri ini adalah penting bagi mewujudkan pergandingan tugas di antara pihak sektor awam dan pihak swasta di dalam memajukan lagi industri koko.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah adalah negeri pengeluar koko yang utama di Malaysia yang mengeluarkan 66% daripada jumlah keluaran koko negara dalam tahun 1987. Selaras dengan dasar integrasi nasional dan juga kepentingan negeri Sabah sebagai pengeluar koko yang utama, maka telah dipersetujui supaya ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia ditempatkan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta-fakta di ataslah maka Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Lembaga Koko Malaysia. Selaras dengan matlamat tersebut dan kehendak bagi menentukan perkembangan industri koko masa hadapan yang teratur dan sihat, maka Rang Undang-undang ini telah dirangka dan ianya dibahagikan kepada 6 Bahagian yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (a) *Bahagian I (Seksyen 1 dan 2)* menyatakan tajuk Akta, mula berkuatkuasa dan definisi.
- (b) *Bahagian II (Seksyen 3 hingga 17)* memperuntukkan supaya diwujudkan satu Jemaah Lembaga Koko Malaysia yang mempunyai beberapa orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Menteri yang terdiri daripada Pengerusi dan tidak lebih daripada 15 orang ahli lain yang mewakili kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan sektor swasta.

Bahagian ini juga memperuntukkan fungsi-fungsi Lembaga yang luas merangkumi bidang-bidang utama seperti berikut:

- Untuk menjalankan penyelidikan dan kemajuan (R&D) mengenai pembiakan, penyelidikan biologi dan agronomi, kawalan penyakit dan serangga, perosak koko, pemerosesan dan pengeringan biji-biji koko, penyelidikan penggunaan akhir serta memberi khidmat nasihat kepada pengeluar dan pemproses mengenai pelaksanaan inovasi-innovasi dan penemuan-penemuan penyelidikan.
- Untuk menggalakkan ke-

majuan pasaran melalui penilaian dan analisa ekonomi ke atas kos dan pulangan faedah berbandingan atau competitive advantage, dengan izin, dengan negara-negara pengeluar lain, kedudukan bekalan dan permintaan koko dunia, menyediakan garispanduan dan strategi-strategi mengenai pengeluaran termasuk aktiviti-aktiviti pemeroses lanjutan atau downstream activities dan pendekatan pemasaran. Lembaga ini juga akan mengawal-selia penyimpanan dan perkapalan terhadap koko dan pengeluaran koko. Menyelaras dan mengawal-selia aktiviti-aktiviti pendaftaran dan pelesenan yang berkaitan dengan pembungkusan, penggredan dan eksport, galakan ke arah meningkatkan mutu koko melalui penentuan piawaian dan sistem penggredan yang cekap serta penguatkuasaan ke atas keperluan-keperluan pelesenan dan pendaftaran.

Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan satu perbadanan jika difikirkan perbadanan tersebut sangat perlu ditubuhkan oleh Lembaga untuk mengukuhkan lagi penyelidikan yang akan dijalankan oleh Lembaga. Walau bagaimanapun, perbadanan yang akan ditubuhkan itu hanya berkaitan rapat dengan fungsi-fungsi Lembaga dan pihak Lembaga hanya boleh berbuat demikian selepas mendapat kelulusan daripada Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Kewangan.

Bagi mentadbir Lembaga

Rang Undang-undang ini memperuntukkan perlantikan seorang Ketua Pengarah yang dilantik oleh Menteri serta lain-lain pegawai dan kakitangan yang dilantik oleh Lembaga. Tugas Ketua Pengarah meliputi tugas pentadbiran dan teknikal termasuk mengadakan dan menyelenggara perkhidmatan kesetiausahaan yang perlu bagi kelinciran perjalanan fungsi Lembaga.

- (c) *Bahagian III (Seksyen 18 hingga 21)* memperuntukkan bagi penubuhan Tabung Lembaga Koko Malaysia yang akan ditadbirkan oleh Lembaga. Adalah dijangkakan bahawa ses akan menjadi sumber kewangan yang utama kepada Tabung ini. Walau bagaimanapun, bantuan yang diberikan kepada Lembaga oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, wang yang dipungut dari bayaran pendaftaran dan pelesenan, pendapatan dari pelaburan dan juga pinjaman adalah merupakan lain-lain pendapatan kepada Tabung ini.
- (d) *Bahagian IV (Seksyen 22)* memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap industri koko untuk membuat perintah bagi mengenakan, mengubah atau membatalkan sesuatu ses atau ses-ses ke atas koko.
- (e) *Bahagian V (Seksyen 23)* memperuntukkan supaya Lembaga mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, bagi menjamin amalan kewangan Lembaga ini supaya selaras dengan amalan kewangan yang dikehendaki oleh Kerajaan.

(f) *Bahagian VI (Seksyen 24 hingga 28)* bertujuan mengekalkan MARDI untuk meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan mengenai koko yang ada kaitan dengan tanaman-tanaman selingan iaitu kelapa dan kopi bagi pekebun kecil, manakala fungsi-fungsi mengenai pengredan, pendaftaran, pelesenan dan persijilan yang dijalankan oleh FAMA akan dipindahkan kepada Lembaga Koko Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.39 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya kami mengalu-alukan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, yang bertujuan untuk memperbadankan Lembaga Koko Malaysia. Saya kira adalah kena pada masanya Rang Undang-undang ini dibentangkan sebagai satu langkah yang positif untuk membantu membangunkan industri koko seperti industri-industri pertanian yang lain menurut fungsi-fungsi yang diberikan kepada Lembaga ini.

Saya percaya industri koko akan berupaya berkembang maju dengan terubuhnya Lembaga ini. Keperluan penubuhan Lembaga ini adalah sejajar

dengan perkembangan industri koko yang kian berkembang yang mana sekarang sedang berada di tempat yang ketiga di dunia dalam pengeluaran koko iaitu berjumlah lebih kurang 187,000 tan pada tahun ini selepas Ivory Coast dan Brazil sebagaimana yang dianggar oleh Pertubuhan Koko Antarabangsa. Pengeluaran terbesar koko dalam negara kita pula ialah di negeri Sabah sepertimana tadi telah dinyatakan, yang merupakan pengeluar 66% dari jumlah hasil keluaran koko negara kita dan diikuti pula oleh negeri Perak dan negeri Selangor dan negeri-negeri yang lain.

Tanaman koko tidak boleh dianggap sebagai tanaman selingan lagi sebagai satu tambahan punca pendapatan golongan pekebun kecil tetapi sekarang ia perlu kepada penyelidikan, perkembangan dan pemasaran yang tersendiri dan berasingan dengan industri pertanian yang lain. Koko sudahpun menjadi tanaman utama yang ketiga di negara ini selepas getah dan kelapa sawit.

Saya percaya industri koko mempunyai potensi yang baik untuk berkembang maju andaikata kita berjaya menandingi pengeluar-pengeluar koko dari luar negeri dari segi mutu dan jumlah pengeluarannya.

Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang saya anggap adalah perlu diambil kira semasa kita membahas dan menimbang Rang Undang-undang ini iaitu mengenai keanggotaan Lembaga ini. Saya ingin mencadangkan berkenaan dengan penubuhan Lembaga ini supaya mereka yang menganggotai Lembaga ini mestilah terdiri dari orang-orang yang berpengalaman dan pakar dalam industri koko terutama sekali Pengerusi Lembaga. Kerana kalau Lembaga ini dipimpin oleh orang yang bukan pakar, maka saya khuatir Lembaga ini akan menghadapi masalah untuk bergerak maju. Dengan melihat kepada fungsi-fungsi Lembaga ini yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini, adalah jelas bahawa

peranan Lembaga Koko ini bukanlah kecil dan terhad tetapi padanya kelak akan tergantung sama ada akan maju atau sebaliknya industri koko di Malaysia.

Selain daripada membahaskan peruntukan mengenai penubuhan Lembaga ini, saya juga ingin menyentuh di sini Fasal 22 iaitu mengenai mengenakan satu ses ke atas koko yang dihasil dan dikeluarkan. Meskipun amau ses ini tidak pun dinyatakan dalam Rang Undang-undang kerana Menteri diberi kuasa untuk menetapkannya kemudian, akan tetapi saya ingin menyatakan di sini menurut harga pasaran koko pada masa kini yang merupakan lebih kurang \$3,300 ke \$3,500 satu tan biji koko kering ataupun dry beans, dengan izin. Pada kadar harga yang rendah di pasaran ini, maka saya berpendapat adalah tidak wajar atau sesuai jika Kerajaan bertindak untuk mengeluarkan perintah mengenakan ses ke atas koko pada kadar, misalnya, 5 sen per kilo atau \$50 per tan, sepertimana yang dibayangkan dalam industri koko.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat keluaran koko tidaklah perlu dikenakan ses ataupun dikesualikan dari penganan ses sehinggalah harga koko di pasaran meningkat sehingga \$5,000 per tan ataupun satu tan. Harga koko di pasaran yang ada kini masih belum termasuk potongan harga lagi kerana untuk mengeksport ke luar negeri sekarang kita perlu memberikan potongan harga walaupun hasil keluaran pada setiap hektar tanah masih jauh dari memuaskan berbanding dengan negara-negara pengeluar koko yang lain.

Kerajaan janganlah tergesa-gesa untuk mengenakan ses ke atas koko, biarkan harga koko di pasaran mengalami kenaikan, maka barulah ses itu dikenakan. Apa yang lebih penting ialah Lembaga Koko ini adalah perlu membetulkan atau memantapkan dahulu organisasinya dan memberikan

khidmat yang memuaskan dahulu kepada industri koko, maka barulah Kerajaan menimbang mengenakan ses ke atas keluaran hasil koko.

Saya juga ingin membahaskan fasal 11 (a) yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini yang menghendaki semua pihak yang terlibat dalam industri koko ini perlu mendaftar dan dilesenkan aktiviti. Secara tidak langsung bahawa Lembaga ini akan mengadakan kawalan ke atas semua aktiviti dalam industri koko dengan adanya peruntukan ini. Oleh kerana yang terlibat dalam industri ini bukan sahaja pemilik-pemilik ladang yang besar ataupun pengilang-pengilang yang besar yang barangkali tidak menimbulkan apa-apa kesan dari peruntukan yang mewajibkan pendaftaran ini, akan tetapi bagaimana pula kepada golongan pekebun kecil yang bergantung hidup dari hasil keluaran koko, tidakkah ini akan menimbulkan kesulitan kepada mereka. Oleh yang demikian, adalah sesuai jika saya katakan bahawa semua prosedur mengenai pendaftaran dan pelesenan dibuat secara mudah dan tidak menyusahkan atau membebaskan golongan pekebun kecil ini. Janganlah terlampau banyak peraturan yang akan menyulitkan mereka.

Saya ingin menyatakan lebih kurang 4% dari jumlah keluasan hektar yang ditanam dengan koko adalah dimajukan oleh para pekebun kecil.

Seperkara lagi yang saya ingin menimbulkan di sini ialah tentang masalah pemasaran koko. Selama ini pemasaran koko dilakukan oleh FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain agensi untuk memasarkan koko yang diusahakan oleh pekebun kecil dan pihak ladang pula akan memasarkan dan memproses terus hasil-hasil koko. Maka dengan adanya Rang Undang-undang ini yang bertujuan memindahkan pemasaran koko ini kepada Lembaga ini yang mana selama ini dilakukan oleh FAMA dan Per-

badanan Pemasaran Sabah ataupun Lembaga Pertubuhan Peladang, saya percaya Lembaga ini boleh membantu memasarkan koko dengan lebih aktif, lebih cergas dan lebih baik.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengesyorkan agar Kerajaan dapat meneroka pasaran-pasaran baru seperti di negeri China dan Jepun. Selama ini pasaran kita hanya tertumpu kepada negara-negara Eropah sahaja dan negara-negara Eropah mendapatkan bekalan koko dari negara-negara Afrika pula. Manakala pasaran-pasaran di negara-negara lain masih terbuka luas yang perlu diterokai. Kalau selama ini mutu koko kita dianggap kurang bermutu berbanding dengan mutu koko di negara-negara lain seperti negara Ivory Coast dan akibatnya hasil koko kita dijual pada harga yang rendah, maka kalau tumpuan dapat diberikan untuk menghasilkan mutu koko yang lebih tinggi, saya yakin pasaran luar tidak akan menimbulkan banyak masalah kelak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 8 pula yang menyentuh fungsi-fungsi Lembaga di bawah item (a) hingga item (o) adalah dianggap komprehensif kecuali item (n) yang saya anggap adalah tidak terang ataupun tidak diterangkan dengan jelas.

Di sini hanya disebut penyakit-penyakit yang melibatkan koko berkenaan dengan item (n) ini dalam seksyen 8, akan tetapi saya ingin bertanya adakah takrif ini akan meliputi 'makhhluk perosak' (pest), dengan izin, yang mengancam tanaman koko ini. Sebab saya berkata demikian kerana "cocoa pod borer", dengan izin yang merupakan satu 'pest', merupakan 'makhhluk perosak' koko yang penting dan ini perlu diatasi dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri dalam jawapan beliau akan menerangkan dengan lebih lanjut sama ada langkah-langkah untuk mengatasi makhhluk

perosak ada diambilkira di dalam aspek ini.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 25 dan Fasal 26 yang menyebut bahawa kegiatan penyelidikan dan kemajuan koko yang selama hari ini dilakukan oleh FAMA dan MARDI akan diambilalih oleh Lembaga Koko ini.

Langkah ini satu yang sesuai dan wajar kerana tumpuan dapat diberikan untuk memajukan industri koko ini. Bukan sahaja pihak FAMA dan MARDI yang ada melakukan penyelidikan koko, pihak swasta yang saya difahamkan turut terlibat selama ini dalam masalah penyelidikan seperti kumpulan sektor ladang yang besar iaitu Dunlop Estate Berhad, Kumpulan Guthrie dan Harrison's (Malaysia) Plantations yang ada juga terlibat dalam masalah penyelidikan ini selain dari apa yang dilakukan oleh FAMA dan MARDI. Dengan tertubuhnya Lembaga ini, maka saya mengesyorkan semua hasil penyelidikan ini dapat diselaraskan bagi memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat dalam industri koko ini. Misalnya tentang langkah-langkah meningkatkan daya pengeluaran tanaman, pengurusan makhhluk perosak, meningkatkan mutu buah koko, penggunaan koko dan hasil sampingan koko, penggalakan teknologi penanaman dan pengawasan industri. Semua ini saya berpendapat dapat diselaraskan untuk memastikan bahawa tujuan-tujuan yang tertentu dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan-pandangan ringkas saya terhadap Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dan saya harap tentang perkara-perkara yang saya telah timbulkan tadi dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

4.59 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-

Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

Sudah agak lama juga negara kita menjadi salah satu negara keluaran koko yang mana sebelum ini hanya negara Ghana, Brazil dan Ivory Coast.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya suka memberitahu Dewan ini bahawa masih terdapat orang-orang yang benar-benar belum faham mengenai koko dan merasai menanam koko ini hanya kerja sambil sahaja ataupun tanaman kontan tidak seperti getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, kerana apa berlaku demikian ialah kerana kita tidak mempunyai Lembaga Koko seperti kita mempunyai Lembaga Tembakau, Lembaga Lada Hitam dan Lembaga lain-lain yang mana boleh menyampaikan maklumat-maklumat dan, dengan izin, guidance kepada penduduk-penduduk bagi tanaman koko terus subur dan yang harus dilaksanakan di tanah-tanah di mana penanaman koko itu sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Lembaga Koko ini saya berharap tugas dan tanggungjawab bukan setakat melepas batuk di tangga sahaja bahkan betul-betul mempunyai semangat kewibawaan yang baik. Penggalakan tanaman koko yang bersifat nasional sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat kita kasihi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman koko adalah sesuai di banyak kawasan-kawasan tanah terbiar di seluruh negara kita dan tanah yang tidak terbiar tetapi ianya tidak subur di mana tanah-tanah yang dilanda banjir. Walau bagaimanapun Lembaga ini hendaklah mengikut dasar-dasar sebagaimana Lembaga Lada Hitam, Lembaga Tembakau ataupun FELCRA umpamanya

memainkan peranan yang penting untuk kepentingan orang-orang kampung, pekebun-pekebun kecil yang mana mempunyai tanah terbiar di kebanyakan tempat-tempat istimewa sekali di kawasan yang saya wakili.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah FELCRA berjaya dalam pemulihan tanah bagi tanam-tanaman sama ada getah dan kelapa sawit, saya percaya Lembaga Koko juga di bawah Kementerian dan Menterinya yang berwibawa pula akan berjaya dengan tanah-tanah ini untuk menambah tanaman koko bagi pendapatan orang-orang kampung ataupun pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada mulanya koko ini ditanam sebagai sambil sahaja oleh orang-orang kampung di celah-celah pokok-pokok lain seperti yang ada sekarang, mereka dapati pendapatannya adalah lumayan walaupun harganya turun sedikit pada masa ini. Tanaman ini telah memberi semangat peransang kepada mereka supaya terus menanam koko sekiranya mereka mendapat arahan-arahan ataupun tunjuk ajar daripada Kementerian melalui pegawai-pegawai Kementerian dan Lembaga Koko yang mana akan lebih berkesan daripada mereka menanam persendirian sebagaimana yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, koko juga telah memperkenalkan negara Malaysia selain daripada Ghana, Brazil dan Ivory Coast sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rang Undang-undang Lembaga Koko terdapat bahawa dalam bahagian kedua iaitu kita memerlukan Lembaga Pengarah dan Pengerusi Lembaga Koko. Saya percaya Pengerusi yang akan dilantik oleh Menteri ini ialah orang yang benar-benar boleh menjadi Pengerusi dan mempunyai pengalaman dalam hal yang demikian dan saya per-

caya DAP tidak usahlah hirau bahawa Menteri Barisan Nasional akan pandai memilih Pengerusi supaya dapat Lembaga ini berjalan dengan baik dan memberi kepercayaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, biarlah Lembaga ini ditubuhkan dahulu dan Ahli-ahli Lembaga selain daripada Pengerusi tadi mempunyai Pengarah-pengarah yang mempunyai pengalaman-pengalaman bukan sahaja setakat menanam dan memetik koko mentah bahkan mempunyai, dengan izin, diversification of effort iaitu mengutip, mengetin dan me'manufacturing'kan benda-benda hasil daripada koko mentah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana industri berkembang dengan pesat sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri tadi maka sesuaialah koko ini menjadi satu tanaman yang boleh dimajukan selaras dengan tanaman lain, getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman secara besar-besaran juga hendaklah dikawal rapi oleh Lembaga ini supaya koko ini menjadi sumber eksport ke negara-negara lain bukan hanya Jepun dan Korea bahkan semua negara yang mana memerlukan hasil tanaman kita ini. Jadi pihak Lembaga nanti akan dapat menentukan gred koko yang kita keluarkan dan keluaran-keluaran yang berpotensi untuk pasaran dalam negeri dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sebagaimana kita ketahui bahawa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi 48,480 hektar telah ditanam dalam tahun 1977 dan 341,000 hektar pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya pada tahun 1987 katanya mengeluarkan koko sebanyak 185,000 tan metrik, yang demikian muncul sebagai negara yang keempat. Saya rasa kalau kita main badminton dapat nom-

bor 2, tanaman koko dapat nombor 4, saya rasa koko akan memperkenalkan Malaysia lebih dekat kepada dunia daripada badminton.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat ini bahawa koko mempunyai pasaran dunia maka sesuaialah bagi Kerajaan mengadakan Lembaga Koko Malaysia khususnya memberi perangsang dan dorongan dan pimpinan kepada penanam-penanam koko bagi pendekatan yang lebih teratur untuk memajukan usaha-usaha koko di negara kita. Walau bagaimanapun dengan adanya Lembaga Koko Malaysia tadi bukanlah Lembaga sahaja yang bertanggungjawab untuk memajukan tanaman koko ini bahkan penanam-penanam koko dan pekebun-pekebun kecil juga mesti bertanggungjawab dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk memajukan koko ini bukan seperti orang DAP.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Lembaga Koko ianya dapat memberi satu tugas nasional kepada rakyat kampung, dengan izin, the rural areas, supaya mereka dapat menikmati hasil nikmat yang mana negara kita ini sentiasa subur dengan apa-apa sahaja kalau kita menanamnya.

Sebelum saya akhiri parti Pembangkang ada berkata bahawa ses tidak patut dikenakan selagi harga koko tidak naik \$5,000 setan. Saya rasa perkara ini tidak lojik dikatakan oleh mereka ataupun Ketua ataupun Acting Ketua kerana harga koko tidak akan naik \$5,000 setan kerana mereka mempunyai 'David Copperfield' yang mana sentiasa merendah-rendahkan Kerajaan supaya orang jangan beli barangan dari Malaysia. Jadi, saya percaya kebijaksanaan yang ada pada Kerajaan dan Kementerian itu mengenakan ses samalah seperti dikenakan ses kepada getah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak lagi rakan-rakan Yang Berhor-

mat yang menyokong Rang Undang-undang ini, saya sudah dengan memohon menyokong Rang Undang-undang supaya Rang Undang-undang seperti ini diredai oleh Allah s.w.t. dan memberi kesejahteraan kepada rakyat yang berbagai kaum. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

3.40 *ptg.*

Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang ini, Menteri telah mengatakan bahawa Kerajaan bertujuan menjadikan koko sebagai tanaman eksport ketiga bagi negara ini dan Lembaga Koko yang dicadangkan merupakan alat mustahak untuk mencapai tujuan ini.

Saya menyokong dasar menjadikan koko sebagai tanaman eksport yang penting kerana pasaran dunia bagi koko berpotensi baik sekali. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menentukan sama ada koko akan menjadi tanaman eksport ketiga atau tidak kerana setahu saya buah-buahan dan bunga-bunga tropika pun sedang dimajukan secara besar-besaran, untuk eksport, mungkin buah-buahan dan bunga-bunga akan bersaing dengan koko untuk tempat ketiga.

Saya juga menyokong penubuhan Lembaga Koko ini. Peranan yang dimainkan oleh MARDI, Jabatan Pertanian, FAMA dan agensi-agensi lain untuk memajukan koko, sehingga sekarang tidak boleh diperkecilkan. Tetapi memandangkan bahawa Kerajaan bertujuan memberi fokus kepada koko sebagai tanaman eksport penting, langkah ini untuk memusatkan segala kegiatan yang berkaitan dengan koko di dalam satu Lembaga Koko yang baru patut diterima dengan baiknyaa.

Masalah yang paling hebat yang dihadapi oleh industri koko di negara kita pada masa ini ialah harga. Mengikut Menteri tadi, harga London telah jatuh dari £2,030 setan pada 1985 ke £1,050 setan tahun ini. Oleh yang demikian, minat yang ditunjukkan oleh sektor swasta untuk membesarkan tanaman koko sangat berkurangan.

Saya menyeru kepada Lembaga Koko yang akan ditubuhkan supaya cuba dengan segala daya-upayanya untuk mengatasi masalah harga ini. Menteri telah mengatakan bahawa Lembaga Koko akan mencari pasaran di Timur Jauh. Saya sokong kuat cadangan ini dan berharap Lembaga koko akan memberi prioriti yang amat tinggi untuk menembusi pasaran baru di negeri China. Di negara-negara yang maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan sebagainya, pengguna-pengguna berhati-hati tentang kepentingan kesihatan mereka dan menghadkan makanan-makanan coklat atau makanan-makanan berasaskan koko yang lain kerana takut makan terlalu banyak gula.

Di negara-negara yang sedang maju, seperti China, pengguna-pengguna tidak menghadapi masalah seperti ini. Sebenarnya jumlah gula yang mereka makan berkurangan, bukan berlebihan. Penggunaan coklat dan makanan-makanan berasas koko yang lain cuma dihadkan oleh pendapatan mereka. Memandangkan bahawa ekonomi China sedang berkembang dengan pesatnyaa dan pendapatan penduduk mereka sedang bertambah. Malaysia patut merebut peluang ini untuk menjual lebih koko ke pasaran China. Sekiranya seorang budak Cina seminggu sekali makan sekeping coklat yang dibuat oleh koko Malaysia, pengeluaran koko Malaysia tentu akan menjadi makmur.

Saya melihat bahawa Ibu Pejabat Lembaga Koko ini akan ditempatkan di Sabah. Keputusan ini merupakan keputusan bijaksana kerana dua pertiga

koko Malaysia dikeluarkan oleh Sabah. Saya berharap Kementerian Perusahaan Utama akan mengiktirafkan kepakaran dan pengalaman orang Sabah di industri koko dan memberi keutamaan kepada mereka semasa memilih Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Koko ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

Yang Berhormat, duduk sekejap! Majlis mesyuarat ditempokkan selama 10 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.18 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.28 petang.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, sila mulakan.

5.29 ptg.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Rasah bangun. Hendak apa?

Tuan Hu Sepang: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Tak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Sila bilang. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Cukup kuorum. Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha untuk memperbadankan satu Lembaga untuk memajukan industri koko di negara kita ini seperti yang termaktub di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 20 tahun yang lalu apabila koko mula diperkenalkan ke negara ini dan seterusnya diperkembangkan sebagai satu tanaman komersial ianya digugat oleh sejenis penyakit iaitu penyakit yang serius yang bernama "bacterial wilt". Saya masih ingat lagi pada masa itu para saintis yang membuat kajian mengenai koko ini amat pesimis terhadap potensi koko disebabkan oleh penyakit yang merebak ini. Tetapi alhamdulillah, berkat kegigihan saintis-saintis dari Jabatan Pertanian dan kemudiannya dari MARDI, penyakit yang merosakkan ini telah boleh dibendung. Kepada para saintis-saintis di kedua-dua institusi ini saya menyampaikan ucapan tahniah dan syabas. Umum sebenarnya tidak menyedari berapa banyak hasil dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh saintis-saintis dari kedua-dua agensi ini.

Hasil daripada kerja-kerja mereka akhirnya diambil alih oleh lembaga-lembaga baru yang ditubuhkan, umpamanya Lembaga Koko Malaysia yang kita bincangkan pada hari ini dan segala kredit atau pujian diberikan kepada Lembaga-lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan soal ini untuk menarik perhatian umum mengenai hakikat sejarah sesuatu pencapaian itu. Tiap-tiap hasil yang kita lihat pada masa ini adalah didatangkan melalui usaha-usaha gigih sebilangan orang atau sesuatu agensi itu adalah selalu

dilupakan. Di sini Jabatan Pertanianlah yang mula-mula menjalankan kerja-kerja saintifik dan selepas itu diambil alih oleh pihak MARDI. Kita seharusnya memberi pujian dan sanjungan di atas usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian dan MARDI sehingga tertubuhnya Lembaga ini untuk memberi fokus kepada perusahaan industri koko di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri penanaman, pemerosesan, pemasaran dan pengeluaran makanan siap dari koko ini adalah satu bidang yang banyak melibatkan perkara-perkara teknikal dan saintifik. Ianya adalah satu projek teknikal dan saintifik. Oleh itu pentadbirannya adalah pentadbiran atau pengurusan ilmu teknikal dan ilmu sains yang berkenaan, bukan pengurusan kemanusiaan sangat seperti lembaga-lembaga lain. Justeru itu, manusia-manusia yang akan dilantik untuk menduduki atau menganggotai Lembaga Pengarahnya dan yang akan menguruskan perjalanan Lembaga ini mestilah dari kalangan mereka yang dilatih dan berkelulusan di dalam bidang-bidang sains yang berkaitan.

Bermula dari anggota-anggota Lembaga Pengarahnya, saya mencadangkan supaya Pengerusinya diambil dari kalangan ahli-ahli agronomi yang berpengalaman di dalam penyelidikan. Perlunya diambil seorang ahli agronomi itu dan ahli agronomi itu pula yang berpengalaman pada masa ini ialah kerana masalah utama yang patut diselesaikan oleh Lembaga ini ialah peningkatan produktiviti dan peningkatan mutu biji koko kita supaya dapat kita bersaing di pasaran dunia dengan jayanya. Hanya ahli agronomi sahaja yang boleh memahami kaedah-kaedah saintifik mengenai dua objektif yang saya sebutkan tadi. Koko yang bermutu tinggi dan tingkatan pengeluarannya tinggi adalah matlamat kita pada masa ini. Selepas matlamat ini dapat dicapai, maka bolehlah Yang

Berhormat Menteri melantik orang lain selain daripada ahli agronomi menjadi pengerusinya, seperti Ahli Parlimen ataupun mana-mana Ketua Setiausaha Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini jikalau kita tidak menitikberatkan cadangan saya ini, kemungkinan besar apa yang pernah berlaku di Gula Padang Terap pada awal penubuhannya dahulu akan juga berlaku di Lembaga Koko ini. Pengerusi dan Pengurus Besar yang dilantik di Gula Padang Terap pada masa itu adalah bekas pegawai-pegawai tadbir yang tidak tahu secara mendalam mengenai tebu yang akhirnya membawa kepada kegagalan dan kerugian yang besar. Apabila diganti Pengurus Besar-nya dengan seorang ahli agronomi, barulah Gula Padang Terap pulih dan mula membuat untung sehingga masa ini. Kesimpulan dari contoh ini ialah hakikat bahawa koko ataupun tebu adalah dijadikan di ladang bukan di dalam bilik sejuk Pengerusi atau Pengurus Besar-nya.

Sehubungan dengan cadangan mengenai Pengerusi dan Pengurus Besar-nya atau di dalam Lembaga ini dipanggil Ketua Pengarah, saya juga ingin menyatakan di sini biarlah lain-lain anggota Lembaga Pengarahnya terdiri daripada ahli-ahli profesional di dalam bidang pertanian dan ekonomi. Saya cadang supaya ahli-ahli dari pentadbiran awam dihadkan kepada wakil Perbendaharaan sahaja. Wakil Kementerian Pertanian mestilah diambil dari MARDI ataupun Jabatan Pertanian, wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah diambil dari kalangan ahli-ahli ekonomi yang tahu tentang pasaran komoditi dunia dan juga perwakilan dari industri koko iaitu lima bilangannya adalah kumpulan yang penting. Saya cadangkan mereka ini dilantik dari golongan pengurusan profesional, firma-firma penanaman dan pemerosesan koko, bukan dari golongan-golongan pentadbir semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa cadangan ini bukanlah disebabkan oleh sebab-sebab lain melainkan untuk memastikan bahawa Lembaga Pengarah yang akan dibentuk nanti betul-betul boleh menyumbang kepada pembinaan Industri Koko Negara secepat mungkin. Adanya anggota-anggota profesional di dalam Lembaga yang akan membincang perkara-perkara saintifik yang disebutkan tadi akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat dengan lebih cekap dan jaya.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin mencadangkan supaya Lembaga ini ditempatkan di Kuala Lumpur bukan di Sabah seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana Kuala Lumpur adalah merupakan pusat perniagaan dan pusat pentadbiran negara. Pusat penyelidikan bolehlah ditempatkan di Sabah dan juga di Sarawak. Saya mencadangkan demikian kerana soal pembangunan industri koko ini adalah soal nasional yang memerlukan perhubungan yang cepat dan cekap dengan agensi-agensi pusat walaupun penumpuan penanamannya adalah merupakan soal kewilayahan, iaitu soal Sabah dan Sarawak iaitu banyak ditumpukan ke Sabah, tetapi soal pembuatan keputusan dasar serta juga pasaran antarabangsa adalah tertumpu di Kuala Lumpur.

Kejayaan industri koko kita adalah bergantung banyak kepada pasaran dunia dan pasaran dunia ini bersifat turun naik yang kadang kala tidak menentu dari segi masa dan juga dari segi keadaan.

Oleh itu dengan hati yang ikhlas saya mencadangkan Kuala Lumpur dijadikan pusat disebabkan oleh kemudahan infrastruktur perdagangan antarabangsa yang saya sebutkan tadi termasuk Bursa Komoditi yang sedia ada di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran koko antarabangsa pada masa ini dikuasai

oleh International Cocoa Organisation (ICCO) yang mengawal lebih kurang 65% dari pasaran koko dunia. Organisasi ini akhir-akhir ini telah datang memujuk negara kita supaya menjadi anggotanya. Usaha memujuk ini mencerminkan betapa pentingnya kedudukan negara kita di dalam pasaran koko dunia.

Selalunya sesebuah negara memohon kepada sesuatu organisasi untuk menjadi ahli organisasi itu tetapi sebaliknya kita dipujuk oleh organisasi yang berkenaan. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama supaya menimbang kos dan manfaatnya apabila kita menjadi anggota ICCO.

Yang kita harus pertimbangkan ialah kos pengeluaran biji koko kita. Andainya kos biji koko kita lebih rendah dan lantaran produktiviti yang tinggi bebanding dengan negara-negara yang menjadi ahli ICCO, kita seharusnya jangan lagi menjadi ahli organisasi ini.

Perkara yang kedua, andainya kos kita lebih rendah ditambah pula dengan mutu biji koko yang lebih tinggi dari apa yang dihasilkan oleh negara-negara lain khususnya ahli-ahli ICCO, kita mesti teruskan kedudukan kita sebagai pengeluar bebas. Ini cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Kedua-dua faktor ini saya percaya wujud di dalam industri koko kita, iaitu produktiviti yang tinggi dan mutu yang agak tinggi pula dibandingkan dengan apa yang dikeluarkan oleh negara-negara lain.

Dengan tertubuhnya Lembaga ini, Tuan Yang di-Pertua, comparative advantage yang berasaskan kedua faktor yang saya sebutkan tadi mestilah dipertingkatkan lagi daripada apa yang ada. Jikalau kita dapat melakukan ini, kita akan terus berada setapak atau dua tapak di hadapan negara-negara pengeluar yang lain dan kita akan dapat menentukan keadaan di pasaran dunia

tanpa terikat kepada mana-mana ikatan.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, dengan pengalaman negara kita mewujudkan industri penanaman getah dan kelapa sawit yang terulung di dunia, kita dapat mencapai objektif yang saya sebutkan itu. Tetapi untuk mencapai objektif-objektif ini Kementerian perlulah mengambil kira syarat-syarat yang saya sebutkan awal tadi. Rubber Research Institute of Malaysia, dengan izin, dan juga PORIM diuruskan oleh scientists, dan bukan pentadbir.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik peruntukan-peruntukan di Bahagian IV mengenai pengenalan ses oleh Menteri selepas mendapat persetujuan Lembaga dan juga Menteri Kewangan. Walaupun di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi beliau telah menyebut bahawa ianya tidak akan dilakukan sehingga harga koko di pasaran dunia naik, pada saya kuasa ini akan menyumbang sumber wang khususnya dari sektor swasta yang sangat diperlukan oleh Lembaga untuk kerja-kerjanya dan justeru itu industri koko akan menjadi self-financing, dengan izin, seperti industri getah.

Saya harap penggunaan wang ses yang akan dikutip nanti dibuat mengikut kaedah-kaedah yang dipakai di dalam industri getah Malaysia. Pengalaman yang lama dan mendalam di bidang industri getah kita seharusnya diaplikasikan ke dalam bidang koko ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut berkenaan dengan Fasal 8 iaitu mengenai fungsi-fungsi Lembaga di bawah ceraihan (b) yang berbunyi:

“8. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi-fungsi berikut:

(a) xxxx xxxx xxxx xxxx xxxx

(b) menjamin, sekiranya kepentingan awam atau kepentingan industri koko memerlukan sedemikian, pemajuan dan pengeksplotasian apa-apa hasil penyelidikan, yang didapati oleh Lembaga belum dimajukan dan dieksplotasikan atau belum dimajukan atau dieksplotasikan dengan sepenuhnya;”

Saya kurang faham tentang maksud ceraihan (b) ini. Saya harap di dalam masa Yang Berhormat Menteri menggulung diterangkan lagi apa yang dimaksudkan di dalam ceraihan (b) ini kerana ianya adalah amat samar baik di dalam Bahasa Malaysia mahupun di dalam versi Inggeris di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali pandang penubuhan Lembaga ini akan di dalam jangka panjang memberi manfaat kepada ladang-ladang koko yang besar kerana machinery untuk membantu pekebun-pekebun kecil tidak dianjurkan oleh Rang Undang-undang ini selain daripada disebutkan di dalam fungsi-fungsinya sahaja.

Rang Undang-undang ini menganjurkan pengutipan ses tetapi Kementerian tidak pula mewujudkan satu agensi seperti RISDA untuk kepentingan pekebun-pekebun kecil dengan menggunakan sebahagian wang ses ini. Apakah Kementerian mempunyai sistem lain atau Kementerian bercadang menggunakan machinery yang ada seperti Lembaga Pertubuhan Peladang melalui Pertubuhan Peladang Kawasannya ataupun mana-mana agensi Kerajaan yang sedia wujud pada masa ini.

Saya membawa perkara ini ke tengah kerana di dalam industri koko bilangan pekebun kecil adalah banyak dan dengan adanya Lembaga ini khususnya untuk menjaga kepentingan koko maka akan bertambah lagi bilangan mereka. Kerana response pekebun-pekebun kecil dengan adanya Lembaga ini akan

meningkat dan lebih banyak pekebun-pekebun kecil akan mula menanam koko apabila focus negara diberi kepada industri ini.

Melalui pembangunan pekebun-pekebun kecil koko sepertimana pekebun-pekebun kecil lain Kerajaan secara sekali gus dapat menyelesaikan masalah tunjang ekonomi politik iaitu penglibatan di dalam pengeluaran dan pembahagian harta kekayaan negara pada suatu masa ataupun di dalam satu-satu masa.

Keunikan model pembangunan ekonomi negara kita inilah yang harus kita banggakan sebagai satu model yang menjamin kesamarataan hak rakyat walaupun kita amalkan sistem ekonomi kapitalis. Inilah kekuatan negara kita yang patut kita mempertahankan. Kegagalan kemaraan ideologi komunisme adalah disebabkan oleh kekuatan ini yang tidak mengizinkan penimbunan suatu kelas yang terpisah dari hak-hak pengeluarannya. Dasar kita bagi membangunkan masyarakat pekebun kecillah yang menahan penimbunan kelas yang dipanggil rural proletariat ataupun yang dipanggil "marhaen" oleh Allahyarham Presiden Soekarno dulu.

Tuan Yang di-Pertua, kelas marhaen inilah yang akan menjadi penyemarak ideologi komunis jikalau dibenarkan ianya wujud. Penubuhan mana-mana agensi pembangunan komoditi mestilah mengambil berat mengenai perkara ini kerana komoditi yang berkenaan seperti koko dipasarkan ke seluruh dunia.

Penindasan terhadap sebilangan pengeluar atau pekerjanya akan menjadi bahan perjuangan ideologi komunis sedunia dan negara kita akan terancam akhirnya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kementerian supaya mengambil kira soal pembangunan pekebun-pekebun kecil yang pada hakikatnya

akan lebih efficient di dalam pengeluaran kokonya dan hasil lain di dalam ladang koko itu.

Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa ada orang mengatakan bahwa pekebun-pekebun kecil mengeluarkan barangan mereka secara tidak efficient. Efficiency adalah diukur daripada pembahagian jumlah unit yang dikeluarkan dengan jumlah unit input. Misalnya kos pengeluaran adalah satu kayu pengukuran efficiency. Saya pasti kalau diukurkan kos pengeluaran koko, getah atau kepala sawit di kalangan pekebun-pekebun kecil dibandingkan dengan estet-estet, kos-kos di kalangan pekebun kecil adalah lebih rendah.

Apa sebenarnya yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin mengenai pengeluaran oleh pekebun kecil ialah tahap pengeluarannya, bukan efisiensi. Kalau hendak dikira efisiensi pekebun kecil boleh menunjukkan efisiensi yang lebih tinggi dengan kurangnya kos pengurusan, misalnya, baja, tenaga buruh dan penjagaan, padahal tahap pengeluaran dapat dipertahankan pada tahap yang memuaskan dan apabila pekebun-pekebun kecil ini dapat mengintegrasikan ladang koko mereka dengan kelapa, kambing biri-biri dan lain-lain selingan lagi, efisiensi ini akan melambung tinggi.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada sesiapa sahaja supaya waspada di dalam membanding pengeluaran yang dibuat oleh pekebun kecil dengan apa yang dibuat oleh estet-estet. Memanglah estet-estet dapat menunjukkan produktiviti yang tinggi, lantaran ekonomi bidangnya ataupun, dengan izin 'economies of scale'nya, tetapi dari kos dan lain-lain pengukuran, efisiensi pekebun kecil adalah lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menyeru Kementerian supaya mengarah atau mengadakan peruntukan-peruntukan di dalam Lem-

baga ini supaya sektor pekebun kecil koko diambil beratkan. Sumbangan mereka terhadap pembangunan negara bukan sahaja di dalam bidang pengeluaran komoditi sahaja, malahan kekuatan ekonomi di kalangan mereka menyumbang kepada keutuhan ekonomi politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh aspek pemasaran koko yang terjatuh dalam bidang 'research' dan 'development', dengan izin, Lembaga ini. Tadi ada disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga Yang Berhormat dari Larut serta Yang Berhormat yang baru bercakap tadi mengenai dengan pasaran baru. Pada masa ini pengguna yang paling besar barangan makanan-makanan yang dibuat dari koko ialah di Benua Amerika dan di Eropah. Pasaran ini telahpun dibolot kebanyakannya oleh pengeluaran-pengeluar dari Benua Afrika seperti Ghana, Ivory Coast dan Nigeria. Untuk menembus pasaran tradisional ini kita terpaksa mengeluarkan kos yang banyak, lantaran negara kita terletak jauh dari pasaran-pasaran ini. Apa sahaja yang kita menang dari segi ekonomi pengeluaran, kita akan kalah dari segi ekonomi pengangkutan, pergudangan dan penahanan kesegaran.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya lembaga ini memberi perhatian yang lebih kepada pasaran baru yang berdekatan dengan kita, khususnya di Jepun, Korea, Taiwan dan Singapura. Keempat-empat negara ini adalah negara industri baru muncul yang tentu sekali mempunyai bilangan pengguna bahan-bahan makanan dari koko yang banyak. Di dalam usaha mengembangkan lagi penggunaan koko sebagai barang makanan, maka Lembaga ini perlu mencari cara-cara lain selain dari apa yang ada. Ini bermakna

penyelidikan (research) mengenai barang-barang makanan koko mesti diberi perhatian yang berat, jangan hanya menumpukan kepada masalah-masalah pengeluaran biji koko sahaja. Saya pasti banyak bidang penyelidikan wujud pada barang-barang siap dari bahan koko ini, misalnya, kajian mengenai ketahanan terhadap kerosakan akan menentukan penguangan pembaziran yang banyak berlaku ke atas bahan-bahan makanan yang dikeluarkan oleh negara ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sepang.

5.54 ptg.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia 1988.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Perusahaan Utama menubuhkan Lembaga Koko Malaysia (LKM) dan ini merupakan agensi yang termuda di samping agensi-agensi yang telah lama yang telah sedia ada dan berfungsi dengan baik seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Padi Negara (LPN), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Tembakau Negara (LTN) dan juga Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA) dan lain-lain lembaga serta agensi. Kesemua lembaga dan agensi ini bertujuan dan berperanan un-

tuk membantu Kementerian yang berkenaan mencapai matlamat seperti yang telah digariskan, seperti yang telah ditentukan.

Saya berpendapat penubuhan Lembaga Koko ini sepatutnya telah dibuat lebih awal. Dengan penubuhan Lembaga Koko Malaysia ini adalah suatu yang dinanti, khususnya oleh pekebun-pekebun kecil koko, petani-petani dan peladang-peladang. Langkah yang diambil oleh Kerajaan, khususnya Kementerian Perusahaan Utama adalah suatu pernyataan dan pengiktirafan koko sebagai tanaman utama di negara kita, yang selama ini koko hanya merupakan tanaman atau perusahaan sampingan. Rakyat petani dan juga peladang khususnya pekebun kecil koko akan lebih berasa yakin untuk menjadikan penanaman koko lebih berpotensi juga seperti getah dan kelapa sawit. Pekebun kecil koko khususnya sudah tentu berasa terbelah dan berasa dilindungi dan terjamin walaupun harga koko seperti juga harga komoditi yang lain kadangkala turun, kadangkala naik, tetapi dengan adanya suatu lembaga seperti Lembaga Koko Malaysia yang fungsinya akan menyeluruh dari semua aspek penyelidikan, penanaman, penghasilan, pemasaran, pemerosesan dan lain-lain akan lebih mendorong petani-petani, peladang-peladang, pekebun kecil terlibat dan terdedah bukan sahaja di dalam memperingkatkan penanaman dan penghasilan tanaman yang sedia ada, malahan akan berani menjadikan koko sebagai perusahaan yang punya masa depan yang cerah dan dengan memperlauskan tanaman secara lebih intensif.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Padi Negara, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bertujuan mengurangkan akhirnya menghapuskan peranan orang tengah, maka diharap Lembaga Koko akan memainkan peranan sedemikian. Saya fikir tidak ramai pekebun-pekebun kecil koko tahu dan

benar-benar faham mengenai peng-gredan koko. Selama ini urusan peng-gredan diserahkan atau ditentukan oleh orang-orang tengah. Penggredan ini juga boleh dipermainkan oleh pihak tertentu. Penentuan harga sebenarnya juga boleh diputarbelitkan oleh golongan tertentu. Oleh kerana Lembaga Koko baru hendak diwujudkan sedangkan penanaman koko di negara kita telah lama, harapan rakyat khususnya petani sudah tentulah akan meningkat dan meninggi apabila wujudnya Lembaga Koko ini. Kedaifan petani terhadap penanaman koko ternyata banyak sekali, maka peranan Lembaga Koko akan menjadi lebih berat. Maka justeru itu, Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan tidak teragak-agak menyalurkan peruntukan yang secukupnya kepada Lembaga Koko Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dinyatakan awal oleh Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia ini mencakupi semua aspek penyelidikan, penanaman, pengeluaran, pemasaran, pemerosesan dan juga dimuatkan atau mewujudkan suatu kumpulan wang koko. Di dalam Bahagian III, Rang Undang-undang ini dinyatakan bagaimana Lembaga memperoleh sumber kewangan. Punca utamanya ialah melalui pemberian Kerajaan, pungutan ses, pinjaman dan lain-lain. Di antara penggunaan wang pula ialah membayar perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga dalam men-tadbirkan Kumpulan Wang itu, membayar apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga dalam menjalankan tugas-tugasnya dan melaksanakan kuasa-kuasanya di bawah Akta dan juga memberi pinjaman perumahan atau pinjaman untuk kenderaan bagi Ketua Pengarah, kakitangan dan lain-lain. Kesemua penggunaan wang dari kumpulan wang koko ini munasabah dan saya amat menyokong.

Tetapi satu yang saya pinta patut dimasukkan secara khusus penggunaan wang dari Kumpulan Wang Koko ini ialah peruntukan tanaman semula. Saya tidak pasti berapa tahun jangka hayat koko, tetapi saya pasti apabila tanaman itu sudah tua, sudah tidak mengeluarkan hasil lagi, ianya pasti ditanam semula. Jika ditebang dan ditanam semula sudah pastinya dan barang tentulah pekebun kecil mengalami kesusahan kerana tidak punya hasil dan pendapatan. Maka di sinilah Lembaga Koko mesti menyalurkan bantuan. Saya yakin dan percaya pihak Lembaga akan berusaha, berikhtiar dan mencari jalan mendapatkan kumpulan wang bagi mengadakan program tanaman semula koko.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai penyelidikan koko, tentulah ianya kelak berfungsi seperti agensi penyelidikan seperti PORIM (Pusat Penyelidikan Getah) dan juga MARDI dan lain-lain. Koko satu tanaman yang bakal dijadikan tanaman utama negara, mestilah ianya sesaing dan setahan tanaman lain seperti getah dan kelapa sawit. Yang menjadi tanda tanya kepada saya ialah apakah koko akan terus menjadi tanaman manja seperti yang diterangkan dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Saudara sekalian, maksud saya koko yang saya tahu dan kita semua tahu ialah ianya hanya boleh ditanam dengan adanya tanaman pelindung. Kalau tidak ada tanaman pelindung maka amat sukar baginya untuk hidup. Persoalannya sekarang, boleh atau tidak koko ditanam tanpa pokok pelindung? Kalau tidak boleh, mengapa? Bagi saya yang bukan sebagai ahli pertanian tetapi hanya berdasarkan kepada logik, koko akan lebih subur dan lebih produktif jika ditanam bersendirian tanpa tanaman pelindung. Koko juga seperti tanaman tumbuhan lain, untuk subur dan untuk banyak hasil memerlukan makanan, cahaya matahari dan air yang cukup, tetapi bagi koko ianya berkongsi dengan tanaman yang lain. Jika kita

bayangkan, sebelum kita tanam koko, kita tanam pohon pelindung terlebih dahulu tentulah pohon pelindung akan lebih besar dan akarnya lebih panjang, maka tentulah makanan pun lebih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman koko seperti ini saya ibaratkan seperti di dalam satu keluarga yang mempunyai 2 atau 3 orang adik-beradik yang makan sepinggan. Ketiga-tiganya sama lapar, tentu berebut makanan. Logiknya yang besar lebih cerdik.....

Tuan Hu Sepang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Apa itu, Yang Berhormat dari Rasah?

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Setiausaha, bilang.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Cukup, Yang Berhormat. Yang Berhormat teruskan.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tanaman koko seperti ini saya ibaratkan seperti dalam satu keluarga dengan 2 atau 3 orang adik-beradik....

Tuan Hu Sepang: Bolehkah beritahu berapa bilangannya, Tuan Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, apa dia?

Tuan Hu Sepang: Bolehkah beritahu bilangannya dengan rasmi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): 26 ahli.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang: ...dua tiga orang adik-beradik makan sepinggan. Ketiga-tiganya sama lapar, tentu berebut. Logiknya yang besar lebih cerdik, tangan pun lebih panjang, sudah pasti dapat banyak dan anak yang kecil dapat makan sedikit dan boleh jadi melepasi langsung.

Saya serahkan kepada para penyelidik di dalam Lembaga Koko ini untuk membuat penyiasatan. Jika ada logiknya, penyelidikan demi penyelidikan dibuat seberapa mungkin dan akhirnya koko boleh ditanam bersendirian tanpa tanaman naungan dan pelindung. Yang akan mendapat kemudahan dan faedahnya sudah tentulah rakyat petani, peladang, penanam koko dan seterusnya negara. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

6.05 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memberikan pendapat mengenai dengan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, setelah lama kita mengenali, melihat dan merasa koko, maka baru ini kita melihat bagaimana Yang Berhormat Menteri kita telah memperkenalkan satu Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia. Tentulah apa yang telah diusahakan ini membawa makna dan juga pengertian yang besar. Tentulah seorang Menteri, seperti Menteri kita ini melihat masalah koko adalah satu perkara yang penting untuk diberikan perhatian. Tentulah juga ada pentingnya dan juga ada kesungguhannya bagi beliau menghasilkan Rang Undang-undang ini, dan apa yang dibentangkan ini sekali gus meminta kita keseluruhannya memberi tumpuan secara bersama

pendekatan yang lebih teratur secara sungguh-sungguh bagi memperkukuhkan penyelidikan dan juga kemajuan koko negara ini.

Kita juga menyedari daripada apa yang telah diperbincang dan juga diperkatakan, nyatalah bahawa koko merupakan tunjang yang sangat penting kepada salah satu ekonomi negara, mentelah lagi apabila disebutkan bahawa hasil koko yang dikeluarkan oleh negara kita Malaysia telah menduduki tempat yang istimewa, iaitu tempat yang keempat. Kalau kita usahakan dalam bentuk yang lebih tersusun, nyata ianya akan merupakan tunjang bagi penggalakan industri pertanian seterusnya. Tujuan ini akan dapat dilaksanakan bila ada satu cara yang lebih teratur, kemas dan terancang. Semuanya ini tidak dapat kita laksanakan bila tidak ada satu badan atau satu lembaga yang terancang. Bila ada lembaga sudah tentulah akan wujud satu tumpuan yang khusus dan berterusan. Ianya akan menjadi teratur, kemas dan terancang kerana Lembaga Koko Malaysia, sebagaimana yang diterangkan di Bahagian II membolehkan Lembaga Koko Malaysia mengadakan peruntukan mengenai keanggotaan, perlantikan, kuasa dan fungsinya, menyatakan kuasa-kuasa Menteri dan mengadakan peruntukan mengenai perlantikan Ketua Pengarah dan kakitangan Lembaga yang lain.

Bahagian II ini diperkemas lagi dengan lebih nyata melalui Fasal 8, bilamana dinyatakan Lembaga boleh memajukan serta menggalakkan penyelidikan ke atas aspek koko daripada pembakaian, corak penanaman, kawalan penyakit dan penyelidikan guna akhir; menggalakkan kemajuan pasaran, menubuhkan perkhidmatan nasihat teknikal dan mengawalselia penstoran dan pengapalan koko dan keluarannya; menyelaras dan mengawalselia pendaftaran dan pelesenan, aktiviti-aktiviti membungkus, mengged

dan mengeksport koko, kawalan mutu dan menetapkan standard-standard dan menguatkuasakan keperluan-keperluan pendaftaran dan pelesenan. Semuanya ini menjelaskan kepada kita bahwa betapa pentingnya sebuah Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Koko Malaysia ini ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, penanaman koko perlu diberi perhatian dan sokongan yang istimewa kerana Malaysia telah menunjukkan prestasi yang sungguh baik dalam pengeluaran koko. Tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Malaysia menduduki tempat yang keempat selepas Ivory Coast, Brazil dan Ghana. Dengan pengeluarannya sebanyak 186,000 tan metrik dalam tahun 1987, saya kira kita akan menduduki serta mengatasi Ghana jika ianya dapat menambahkan keluaran dengan 44,000 tan metrik lagi dan akan menduduki tempat pertama kiranya ia dapat menambahkan kepada 409,000 tan metrik.

Hal ini sangatlah tidak mustahil kerana negara kita Malaysia mempunyai tanah yang cukup, yang luas, yang subur. Kalau diperhatikan aspek serta ciri-ciri tanah negara Malaysia ini ternyata sekali bahawa ianya cukup baik untuk tanaman koko.

Misal kata tanah kita mempunyai sifat pengudaraan dan saliran yang baik, lomliat yang baik, struktur dan faktornya. Tanah kita juga tanpa lapisan keras sedalam satu meter atau lebih, permukaan tanah di Malaysia juga datar iaitu yang beralun antara 0° sehingga 20° . PH tanah juga bagus iaitu ada wujud di antara 5 hingga 6.5. Begitu juga terdapat tanah ini yang mempunyai kandungan bukan organik yang tinggi di lapisan dan juga ketepuan base yang agak tinggi. Kalaulah tujuh ciri ini kita gabungkan, saya kira bukan sahaja kita mempunyai keluasan tanah 340,000 hektar sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi,

tetapi saya ingat ratusan ribu tanah-tanah yang kita perolehi. Kalau kita menyedari ini maka tidak ada sebab pihak Kementerian dapat merancang satu Lembaga untuk diwujudkan.

Ini belum lagi saya sebut dan saya gabungkan dengan tanah-tanah lain yang telah sedia ada seperti tanah durian lebih kurang ada 17,500 hektar di Malaysia, tanah kelapa ada lebih kurang 340,000 hektar di Malaysia, dusun buah-buahan dan sebagainya kerana ternyata sudah nyata bahawa koko merupakan satu tanaman yang boleh diselang-selikan ataupun yang boleh dicelah-celahkan di tanaman-tanaman yang demikian. Jadi, dengan sebab itulah saya kira ini menguatkan lagi hujah bahawa sebuah Lembaga Koko Malaysia baik ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman koko ini juga kita melihat sangat penting. Tadi telah dinyatakan bahawa hasil daripada tanaman koko ini kita telah memperolehi pertukaran wang asing yang banyak. Tahun 1987 sahaja kita telah memperolehi wang sebanyak \$863.7 juta. Pertukaran wang asing ini jelas sekali akan menambahkan kekuatan ekonomi negara kita. Begitu juga daripada tanaman koko ini telah membuahkan pekerjaan yang banyak iaitu pada tahun 1987 lebih daripada 45,000 orang telah dapat kerja dan saya kira sehingga kini kalau kita ambil puratanya tidak kurang daripada 50,000 orang yang menanam koko ini. Kalau kita kalikan tanggungjawabnya iaitu pada isirumah, kita katakan $5-50,000 \times 5$ ertinya 250,000 isirumah dapat kita tampung. Saya kira kalau 250,000 isirumah dapat kita tampung daripada sebilangan rakyat kita sebanyak 15.5 juta, yang membawa makna kepada 1/4 juta, sudah cukup kuat bagi memberikan peluang pekerjaan yang sangat besar. Di samping itu juga tanaman koko secara nyata dapat mempelbagaikan industri makanan.

Jadi, kalau sudah faktor pekerjaan,

faktor isi rumah dinyatakan dan dijelaskan dengan secara fakta, maka sudah barang tentulah kita masa ini tidak seharusnya lagi bergantung sangat kepada MARDI, bergantung sangat kepada FAMA kerana FAMA dan MARDI merupakan bukanlah dua badan yang mengkhususkan kepada koko semata-mata. FAMA dan MARDI juga bertanggungjawab kepada aspek tanaman-tanaman yang lain. Saya bimbang dan khawatir dalam masa dan arah koko ini berkembang dengan pesat, tumpuan daripada kedua-dua badan ini akan menjadi terlalu lebar sehingga akan menjadi terbiar. Maka kalau kita wujudkan satu Lembaga Koko Malaysia sudah barang tentulah kesesuaian, keserasian, pengkhususan dan seumpamanya dapat diberikan penekanan yang lebih istimewa, terancang serta teratur.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ada menyatakan bahawa koko ini juga melibatkan pelbagai masalah. Bila kita tanam koko kita kena jaga mutunya, takut buahnya kecil, takut asidnya banyak dan tinggi, takut biji-bijinya susah hendak digred dan seumpamanya — saya akui masalah itu. Saya juga turut dibentangkan dalam Parlimen tadi bagaimana Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa wujudnya masalah-masalah serangan penyakit, masalah serangga, masalah makhluk perosak dan sebagainya ditambah pula dengan hujahnya yang ketiga bahawa adanya masalah pasaran yang surplus, masalah pasaran yang berlebihan, masalah mutu, masalah buah-buahan daripada Ivory Coast, Brazil, Uganda, negara Afrika yang lain-lain menyebabkan buah-buahnya melambak dan sebagainya.

Ketiga-tiga faktor masalah yang dibentangkan ini menjelaskan kepada kita bahawa perlunya sebuah perbadanan, perlunya sebuah Lembaga seperti Lembaga Koko Malaysia diwujudkan dan juga dipercepatkan

penubuhannya. Saya kira itu baru tiga, saya ingin menambahkan lagi masalah-masalah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana saya bukanlah pakar koko tetapi daripada kecil saya kenal koko, rasa koko, makan koko, sedikit sebanyak tahu juga masalah koko. Masalah koko yang lain yang kita bincangkan iaitu perlunya lindungan, perlunya air, perlunya cuaca dan sebagainya. Mengenai dengan lindungan, Tuan Yang di-Pertua, pada tanaman koko lindungan merupakan satu perkara yang penting. Dengan lindungan yang sesuai pertumbuhan dan perhasilan pokok yang optimum boleh dicapai. Aspek pengurusan lindungan sangat penting dalam ekonomi koko di Malaysia kerana keadaan yang terdedah boleh menyebabkan pertumbuhan koko terbantut dan kadar serangan serangga perosak yang tinggi. Pokok yang berbunga boleh tidak berbunga, buah yang hendak masak boleh tidak masak. Begitu juga biasanya pokok pelindung perlu ditanam 8 hingga 12 bulan sebelum anak benih koko dialihkan ke ladang. Di samping itu pemilihan pokok pelindung perlu diambil perhatian kerana terdapat pokok-pokok seperti "Sesbania punctata" yang sangat peka kepada musim kemarau. Pokok-pokok pelindung seperti "Indigofera tasmania" yang tidak meluruhkan daunnya pada musim kemarau adalah sesuai. Walaupun "Gliricidia" akan meluruhkan daun semasa musim kemarau, penggunaannya masih disyorkan kerana belum ada pokok pelindung yang lebih sesuai untuk ditemui. Disebabkan pokok koko memerlukan lindungan yang tebal pada peringkat awal pertumbuhan, penanaman pokok lindungan sementara yang bernilai ekonomi seperti pokok pisang dan juga lain-lain pokok adalah digalakkan.

Apa yang saya hendak ceritakan bukanlah masalah lindungan itu tetapi apa yang saya hendak timbulkan....

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Besi bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak payahlah, saya tidak ada masa.

Tuan Tan Kok Wai: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, apa point of order?

Tuan Tan Kok Wai: Ini memang senang difahami, quorum tidak cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Cakaplah quorum tidak cukup!

(Ahli-ahli dikira: 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, ada 26 orang. Jangan ganggu, kecuali Yang Berhormat pasti.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, DAP memang macam itulah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Melalui pemerhatian yang dijalankan masalah penanaman koko di dusun ialah ketidakseragaman lindungan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak maksudkan bahawa soal ini merupakan soal yang penting. Saya bawa pula kepada masalah yang lain iaitu masalah mengenai dengan air. Masalah dengan air ini penting kerana kalau tidak cukup air, pokok boleh jadi mati. Begitu juga kalau kemarau yang terlalu berpanjangan, pokok boleh jadi mati. Di Malaysia semua orang tahu, bila musim bulan 11, 12, 1, air menjadi

terlalu banyak — banjir, pokok pun boleh mati tetapi bila tiba musim kemarau, bulan 4, bulan 5 ataupun pertengahan tahun, sampai 4—5 bulan pokok juga boleh jadi mati. Jadi masalah pokok mati, lebih air dan tidak ada air merupakan masalah yang sangat penting, yang sangat perlu diberikan penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa untuk mengadakan satu sistem pengairan yang baik sama ada pengairan titis dan pengairan ringgis, nilainya adalah banyak. Seorang penanam koko memerlukan kos permulaan yang agak tinggi iaitu antara \$3,000 hingga \$5,000 untuk sehektar dan ini kadangkala kalau pokok koko itu ada punca air di bawah tanah, okay, boleh dijalankan tetapi kalau tidak ada punca air perlulah pam, perlulah sungai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya menyebut tentang lindungan, bila saya sebut tentang air bermakna suatu bentuk pengurusan untuk melihat masalah ini perlulah diperincikan, masalah air, masalah lindungan, masalah-masalah penjagaan mutu, masalah serangan penyakit, masalah pemasaran merupakan masalah yang sudah bertahun-tahun sehingga ada masa dan ketikanya di mana FAMA, di mana MARDI tidak mampu untuk menjalankan soal-soal ini, kerana tidak cukup kakitangan, tidak cukup waktu, tidak ada juga pakar-pakar yang tertentu untuk melihat masalah koko ini menyebabkan banyak masalah-masalah koko ini terbantut, tergendat, menyebabkan petani-petani yang telah melabur, kepada Kerajaan yang telah memberi bantuan, Kerajaan yang telah melabur menyebabkan hasil-hasil koko ini akan jatuh rugi dan sebagainya. Bagaimana tidak rugi buah baru berputik diserang oleh nyamuk, boleh juga mati, buah yang telah besar air tidak ada, boleh jadi mati dan sebagainya. Jadi, saya kira hasrat, pandangan dan juga cadangan daripada Yang Berhor-

mat Menteri Perusahaan Utama untuk menubuhkan Lembaga Koko Malaysia yang menekankan soal penyelidikan, soal pembakaan, soal pembiakan jelas sekali membawa kesimpulan kepada kita bahawa soalnya, aspek koko ditekankan dalam aspek kemajuannya.

Saya kira kalaulah pihak Lembaga Koko Malaysia hendak ditubuhkan berdasarkan kepada masalah-masalah yang telah saya bantahkan tadi sudah cukup jelas bahawa Lembaga ini perlulah sekali disegerakan penubuhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat masalah-masalah lain yang perlu ditekankan serta diberi perhatian yang sama iaitu saya melihat dalam kertas biru DR 15/88 ini fasal-fasalnya adalah banyak 1 hingga 28 dan keseluruhannya dibacakan kepada 6 bahagian, tetapi pokok ataupun climax daripada naskah DR 15/88 ini jelas sekali bahawa II perkara adalah sangat penting dan diberikan perhatian yang utama iaitu Bahagian II mengenai dengan Lembaga dan ini diperbincangkan daripada 3 hingga 17 dan secara kesimpulannya saya melihat pokok persoalan Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menubuhkan Lembaga. Tadi rakan-rakan kita baik daripada DAP ataupun daripada Barisan Nasional menekankan bahawa Lembaga itu penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya sama-sama turut menyetujui bahawa Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang hendak ditubuhkan serta yang hendak memunculkan ini mestilah Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang profesyenal, yang mempunyai ilmu, jangan ambil orang yang tidak ada ilmu, jangan ambil orang yang pandai bercakap macam DAP sahaja, barulah kita hendakkan jadi sebagai Pengerusi. Pengerusi yang hendak dilahirkan atau Ahli Lembaga Pengarah yang hendak diwujudkan mestilah merupakan pakar-pakar yang khusus dalam bidang ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan adalah tidak cukup kalau sekiranya saya mengatakan bahawa Pengerusi ataupun Ahli-ahli Lembaga Pengarah itu mestilah profesional, mestilah bijak, mestilah pandai, mestilah berilmu, itu tidak cukup kerana soal amanah sangat penting, kerana ia melibatkan rasa tanggungjawab, kerana dalam Akta Bahagian 6 ini juga ada menyentuh tentang Bahagian V akaun, audit dan juga Bahagian 6 harta-harta dalam penemuan dan pembaikan, semuanya ini melibatkan wang, manusia boleh jadi amanah apabila wangnya kecil atau tanggungjawabnya kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam BMF, ramai orang cerdik, ramai orang bijak, ilmu tinggi balik daripada luar negeri, kelulusan bagus, \$1 juta amanah, \$2 juta amanah, \$100 juta amanah, \$1 billion amanah, \$2.5 billion dia tidak amanah, dia jadi rasuah. Jadi soalnya sekarang bila melantik Ahli Lembaga Pengarah mestilah Ahli Lembaga Pengarah yang bukan sahaja bertanggungjawab kepada Lembaga ini, tetapi juga yang merujuk kepada akhlak, perilaku, peribudi, dan juga yang merujuk kepada kenyataan dan juga hukuman Tuhan di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari menyatakan Ahli Lembaga Pengarah itu, saya juga menyetujui sekiranya Ibu Pejabat Lembaga Koko Malaysia ditubuhkan di Sabah kerana di Sabah saya melihat bahawa penghasilan koko merupakan penghasilan yang sangat penting, yang sangat banyak. Selain daripada penghasilan yang penting, yang sangat banyak, ianya juga berkemampuan untuk mengeluarkan kira-kira 66% daripada jumlah keluaran koko negara dalam tahun 1987.

Saya juga merasakan Ibu Pejabat Lembaga ini ditubuhkan di Sabah kerana Sabah merupakan pusat koko Malaysia dan salah satu pusat koko

yang terbaik bukan sahaja di rantau ASEAN malah juga di dunia ini. Selain daripada itu juga penubuhan Ibu Pejabat Lembaga Koko di Sabah juga boleh mempercepatkan serta mewujudkan integrasi nasional dalam bentuk ekonomi yang lebih sihat, kukuh, terancang dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kita akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah yang ternyata pada hari ini banyak yang masih lagi tidak berpekerjaan. Jadi, saya kira adalah tidak elok kalau sekiranya satu tempat yang bernama Sabah, yang menjadi induk dan juga ibu bagi keluaran koko kita alihkan ke tempat lain, sama ada di Terengganu sama ada di Kedah, sama ada di Johor, sama ada di Kelantan atau di mana-mana negeri ataupun di Puchong tempat DAP, kita boleh tubuhkan cawangan-cawangan sahaja, kita tidak perlu mewujudkan ibu pejabat-ibu pejabat kerana saya kira seperti juga Lembaga-lembaga yang lain sama ada Lembaga Kemajuan Ikan, sama ada RISDA, sama ada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan seumpamanya, maka kita boleh wujudkan cawangan-cawangan itu sendiri.

Saya kira pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mempunyai fikiran dan juga mempunyai perancangan yang lebih jauh bahawa apa yang dimaksudkan ibu pejabat di Sabah adalah dalam bentuk pengurusan dan pentadbiran berdasarkan kepada banyaknya koko di sana, tetapi juga saya mengesyorkan di sini supaya ditubuhkan cawangan-cawangan koko di seluruh negara.

Selain daripada itu juga saya juga turut mencadangkan supaya Lembaga Koko Malaysia ini kelak akan mewujudkan anak-anak syarikat koko supaya boleh menceburi dalam bidang perniagaan dengan cara itu sahaja Lembaga Koko Malaysia ini akan mempunyai peranan untuk menyekatkan

orang tengah kerana orang tengah pada hari ini ternyata begitu hebat, begitu banyak memainkan peranannya dalam soal mencekik serta makan darah orang-orang yang mengeluarkan hasil koko.

Saya kira Lembaga Koko Malaysia tidak berkeupayaan untuk berniaga kerana dalam Akta ini juga tidak menyatakan bahawa Lembaga Koko Malaysia berkemampuan dan diberi peranan untuk menjalankan bidang urusaniaga. Sehubungan dengan ini dengan pengwujudan Lembaga Koko Negara akan melahirkan anak-anak syarikat, anak-anak urusaniaga yang lain samalah seperti dengan anak-anak syarikat urusaniaga-urusaniaga yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan janganlah negara kita ini terus-menerus hanya pandai mengambil isi koko sahaja tetapi tidak tahu memproses dalam bentuk barang yang lebih siap, dalam barangan yang lebih teragam dan juga luas. Kalau koko boleh dibuat sebagai coklat, gula-gula, tepung dan sebagainya mengapa tidak soal industri koko itu dimajukan dan juga dibuat kerana dalam kertas biru ini juga saya melihat ada usaha daripada Lembaga ini untuk mewujudkan satu Industri Koko Negara. Jadi, adalah sudah sampai masa dan ketikanya kalau barang-barang logam yang lain, kalau barang-barang hasil yang lain divedok dan diambil dari bahan-bahan mentah yang begitu hebat sehingga kita pupus baru menyesal hendak tubuh industri-industri sampingan, maka sudah sampai masa dan ketikanya kita mewujudkan industri-industri sokongan pada koko ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa kagum malah merasa begitu yakin pada pihak Kementerian Perusahaan Utama kerana mementingkan soal koko ini, kerana saya lihat bila kita sebut koko pokoknya boleh ditanam di mana-mana dan boleh dicelah apa juga tanaman yang ada, er-tinya soal ini dipentingkan, soal kepada

orang luar bandar, soal masyarakat luar bandar. Jadi dengan wujudnya Lembaga ini, maka seluruh orang kampung, orang desa, orang miskin, serta orang-orang yang tidak mempunyai estet yang besar, yang tidak mempunyai ladang yang besar-besar boleh mengambil peluang, boleh mengambil chance kata orang putih, dengan izin, untuk mewujudkan dan juga melibatkan diri dalam industri koko dan ini kalau dijalankan dengan secara sungguh-sungguh, maka sudah akan tiba masanya bahawa koko akan dapat memainkan peranan yang penting dalam soal membantu negara tambahan pula dalam soal mempercepatkan Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang dirancang dan sebagaimana yang ditekankan kepada kemiskinan luar bandar itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tutup, boleh? Kena sambung esok.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr. Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pusat Dialysis di Hospital Besar Seremban

6.31 ptg.

Dr. Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, penyakit buah pinggang adalah sejenis penyakit yang banyak terdapat, lebih kurang beribu-ribu orang di negara ini telah terlibat,
L—A01740

baik orang yang tua atau yang muda turut terlibat. Ini adalah disebabkan penyibaran penyakit, terutama kaum wanita. Orang yang berdarah tinggi atau kencing manis turut ada penyakit buah pinggang. Bahan-bahan kimia beracun yang disedut atau ditelan turut mempengaruhi buah pinggang, melainkan ia mendapat rawatan yang segera dan baik. Orang yang mengadu bahawa masalah buah pinggang akan mengidap penyakit buah pinggang tidak lama dan menyebabkan kencing berdarah.

Seseorang itu yang mengidap penyakit buah pinggang akan sangat lemah dan perlu menerima pemindahan buah pinggang atau pembersihan buah pinggang. Dalam proses pembersihan buah pinggang pesakit itu akan dibersihkan dengan sebuah mesin yang sangat mahal, khusus untuk pembersihan buah pinggang. Perkhidmatan ini hanya terdapat di hospital-hospital besar, hospital bersendirian atau klinik-klinik sahaja....

Tuan Chua Jui Meng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, kuorum tidak cukup nampaknya. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, kuorum tidak cukup — 23 sahaja. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.